



# LAPORAN TAHUNAN 2021

JABATAN  
PERHUTANAN  
NEGERI PERAK







SETINGGI- TINGGI

# Tahniah

**DATO' MOHAMED ZIN BIN YUSOP**

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Perak

di atas pengurniaan

**DARJAH DATO' PADUKA MAHKOTA PERAK (D.P.M.P)**

yang membawa gelaran Dato'

oleh

**DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN NAZRIN MUIZZUDIN SHAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFURLAH**

sempena

**SAMBUTAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN PADUKA SERI SULTAN PERAK  
YANG KE-65**

di

**ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR PERAK**

# KANDUNGAN

<b>03  </b>	PERUTUSAN PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PERAK	<b>49  </b>	PETUNJUK UTAMA
<b>08  </b>	PERSEPEKTIF JABATAN	<b>61  </b>	IMBASAN
<b>10  </b>	PERLEMBAGAAN, DASAR DAN UNDANG-UNDANG	<b>79  </b>	ARTIKEL
<b>14  </b>	PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN	<b>92  </b>	PERISTIWA
<b>21  </b>	CARTA ORGANISASI DAN UNIT	<b>108  </b>	KERATAN AKHBAR
<b>36  </b>	PEJABAT HUTAN DAERAH	<b>116  </b>	LAMPIRAN
<b>42  </b>	PROFIL PERHUTANAN NEGERI		



**P**ERAK  
MUSEUM  
TAIPEI

**PERUTUSAN  
PENGARAH**



# PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

**S**ebagai pembuka kalam, marilah sama-sama kita menzahirkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi atas penerbitan buku Laporan Tahunan 2021, Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Di kesempatan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga sidang redaksi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah menyumbang khidmat bakti cemerlang pada tahun 2021 sehingga terhasilnya laporan tahunan ini. Penyediaan Laporan Tahunan ini adalah satu kewajipan Pengarah Perhutanan Negeri seperti mana tercatat di Seksyen 4(f) Akta Perhutanan Negara 1984.

Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, tahun 2020 telah dijalani dengan pelbagai cabaran, tidak hanya terbatas kepada bidang perhutanan namun dalam semua aspek kehidupan. Kita seolah-olah mengisyahkan "perang" melawan musuh-musuh ghaib yang dengan pantas menakhlik seluruh dunia. Pandemik koronavirus (COVID-19) membataskan banyak aktiviti dan memberi kesan signifikan kepada pelbagai lapisan masyarakat serta turut menjelaskan kelancaran pelbagai sektor pekerjaan.

Tahun 2021 pula, menyaksikan COVID-19 ini menular sehingga ia mencapai rekod sebanyak 24,599 kes harian dan mengakibatkan 393 kematian pada 26 Ogos. Pelbagai langkah proaktif telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk membendung pandemik COVID-19. Usaha bersama antara Kerajaan dan rakyat telah membuatkan hasil apabila mutakhir ini, jumlah jangkitan telah mencatatkan penurunan sehingga sekitar 3 ribu kes harian.



Dalam suasana yang mencabar ini, pelbagai liku-liku telah sama-sama kita hadapi. Bermula lah dengan penutupan institusi Pendidikan, amalan-amalan seperti Bekerja Dari Rumah (BDR) serta normalisasi pengajaran dalam talian adalah beberapa siri adaptasi dalam menjalankan norma baharu. Ini jelas menunjukkan bahawa biar dalam apa jua keadaan pun, Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) tetap komited dalam memberikan perkhidmatan yang mantap dan terbaik dalam usaha untuk memastikan pengurusan sumber hutan di Negeri Perak ini sentiasa terpelihara. Pelaksanaan perancangan, pembangunan dan operasi sepanjang 2021 telah dilaksanakan dengan jayanya bagi mencapai hasrat jabatan dalam menjadi agensi yang terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan.

Saya yakin dengan data dan fakta yang didokumentasikan di dalam Laporan Tahunan ini dapat dijadikan sebagai penanda aras kepada pencapaian Jabatan setiap tahun. Pencapaian-pencapaian yang membanggakan perlulah dikenalkan, manakala punca-punca kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan aktiviti perlulah diperbaiki dari semasa ke semasa. Laporan Tahunan ini juga sangat berguna bukan sahaja kepada pemegang taruh, tetapi ia juga boleh menjadi bahan rujukan dan panduan kepada pihak-pihak tertentu untuk mendapatkan maklumat mengenai mengenai JPNP. Satu usaha yang wajar dipuji, kerana segala pencapaian Jabatan melalui program dan aktiviti dapat direkodkan secara sistematik untuk rujukan Jabatan pada masa hadapan.


PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PERAK

## PENCAPAIAN

JPNPk memainkan peran penting dalam usaha untuk merealisasikan wawasan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) untuk diiktiraf sebagai sebuah agensi terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan. Tahun 2021 telah menyaksikan beberapa kejayaan penting yang telah dicapai oleh JPNPk. Berikut merupakan pencapaian JPNPk bagi tahun 2021:



## PENGIFTIRAFAN



Sepanjang tahun 2021, Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan telah membelanjakan sebanyak RM 32.59 juta (87.78 %) Peruntukan Mengurus dan sebanyak RM 10.68 juta Peruntukan Pembangunan di mana RM 8.2 juta (89.20 %) adalah melalui Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) dan RM 2.43 juta (97.34 %) adalah daripada Kumpulan Wang Pembangunan Kerajaan Negeri Perak (P05). Sementara itu, jabatan juga telah berjaya membuat pungutan hasil hutan kepada kerajaan negeri sebanyak RM36.81 juta serta kutipan ses Kumpulan Wang Pembangunan Hutan sebanyak RM 5.66 juta.

Pada tahun 2021, jumlah kutipan hasil bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak adalah sebanyak RM 36,808,575.08 atau 98.20 % daripada anggaran sasaran hasil yang telah dikemaskini iaitu sebanyak RM 37,500,000.00 berikutan arahan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang masih berkuatkuasa.

Pada akhir tahun 2021, seluas 986,848.26 hektar kawasan berhutan di Negeri Perak Darul Ridzuan adalah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK). Keluasan ini merupakan 97.13% daripada 1,015,971.90 hektar kawasan tanah berhutan dan 48.67% daripada 2,103,800.00 hektar jumlah keseluruhan keluasan tanah Negeri Perak Darul Ridzuan.

Tahun 2021 juga telah mencatatkan beberapa peristiwa penting dalam kalendar Perhutanan di Negeri Perak Darul Ridzuan. Antaranya ialah:

**DATA  
01**

Majlis Pelancaran Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan di Taman Eko-Rimba Kledang Saiong pada 5 Januari 2021;

**DATA  
02**

Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan di Gerik, Hulu Perak pada 21 Mac 2021;

**DATA  
03**

Pelancaran JomPay Dan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2020 Dan Apresiasi Pesara Tahun 2021 Jabatan Perhutanan Negeri Perak di Royal Perak Golf Club, Ipoh pada 2 April 2021;

**DATA  
04**

Lawatan Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Ke Tanjung Tualang Tin Dredge No. 5 pada 3 April 2021;

**DATA  
05**

Program Penghijauan Malaysia : Tasik Raban Lenggong Sempena Kempen 100 Juta Pokok Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan yang dihadiri dan dirasmikan oleh YAB Dato' Saarani Bin Mohamad, Menteri Besar Negeri Perak di Dataran Tasik Raban, Lenggong, Perak pada 10 April 2021;

**DATA  
06**

Tanam-On-The Go : Program Komuniti, Pendidikan Dan Kesedaran Awam (CEPA) Di Dalam Dan Sekitar CFS-PL2 (A-PLI) Hutan Simpan Amanjaya, Daerah Hulu Perak, Negeri Perak di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Titiwangsa pada 3 hingga 13 November 2021;

**DATA  
07**

Program Penghijauan Malaysia: Penanaman Pokok Ke-2 Juta Oleh YAB Menteri Besar Perak, Ketua-Ketua Jabatan Dan Pengamal Media di Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U), Daerah Kuala Kangsar pada 28 November 2021;

**DATA  
08**

Program Malaysia Mountain Trail Festival (MMTF) Edisi Ke-4 Anjuran Jabatan Perhutanan Negeri Perak Dengan Kerjasama MMTF Consultant di Hutan Simpan Bukit Larut, Daerah Larut Dan Matang Pada 17 hingga 19 Disember 2021.



Besarlah harapan saya agar jabatan ini dapat meningkatkan usaha ke arah pemeliharaan sumber asli agar dapat ditadbir urus dan dibangunkan secara sistematik berdasarkan kepada pengurusan hutan secara berkekalan untuk menjamin sumbangannya yang berterusan. Oleh itu, strategi dan rancangan pembangunan perhutanan telah diatur supaya pengurusan dan pemuliharaan khazanah hutan dapat dimanfaatkan dalam kehidupan seharian. Walau bagaimanapun, ini hanya dapat dicapai dengan sokongan dan kesedaran semua pihak.

Syabas dan setinggi-tinggi penghargaan didedikasikan kepada seluru warga Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang selalu meletakkan keberhasilan secara kolektif sebagai prioriti utama. Teruskanlah usaha merealisasikan segala objektif Jabatan untuk menjadikan agensi terunggul yang pastinya memberikan manfaat dan membentuk imej positif memberikan nilai dan makna kepada jabatan ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), semua agensi dan pertubuhan yang berkaitan atas kerjasama serta sokongan yang berterusan. Hargai dan sayangilah hutan kita.

Sekian, terima kasih.

### **YBHG. DATO' MOHAMED ZIN BIN YUSOP**

PENGARAH PERHUTANAN NEGERI  
PERAK DARUL RIDZUAN



# PERSPEKTIF JABATAN

## WAWASAN


Menjadi Agensi Terunggul dalam Pengurusan Hutan Tropika Secara Berkekalan

## MISI

Untuk Mengurus dan Membangunkan Sumber Hutan Secara Berkekalan Serta Mengoptimumkan Sumbangannya kepada Pembangunan Sosio Ekonomi Negara.

## OBJEKTIF

- Untuk menguruskan sumber hutan secara berkekalan bagi pengeluaran hasil yang berkekalan dan perkhidmatan hutan serta penggunaannya secara optimum dan bersesuaian dengan keperluan alam sekitar
- Untuk meningkatkan bekalan pengeluaran hasil dan perkhidmatan hutan melalui aktiviti-aktiviti perhutanan bersesuaian yang akan meningkatkan kualiti, produktiviti serta penggunaan sumber hutan
- Untuk terus membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar bagi pemeliharaan, pengurusan dan penggunaan sumber hutan
- Untuk memelihara dan melindungi kepelbagaiannya hayati hutan, air, tanah dan penggunaannya secara berkekalan
- Untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang-kilang pemprosesan berasaskan keluaran hutan serta menambah aktiviti-aktiviti hiliran dengan nilai tambah yang tinggi
- Untuk memperkuuhkan pembangunan sumber manusia bagi menyokong sektor perhutanan dan meningkatkan kesedaran awam berhubung peranan hutan terhadap alam sekitar dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta penyebaran maklumat
- Untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pendapatan negeri, pertukaran wang asing dan peluang-peluang pekerjaan.



# PIAGAM PELANGGAN

01

Semua permohonan untuk mengeluarkan hasil-hasil hutan atau menjalankan kilang berasas kayu akan diproses mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

02

Lesen - lesen untuk mengeluarkan hasil hutan akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan diberi, setelah semua syarat-syarat kelulusan dipatuhi.

03

Lesen untuk menjalankan kilang berasas kayu akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh siap kilang dibina setelah memenuhi semua syarat kelulusan.

04

Keputusan mengenai pemohonan melanjutkan tempoh lesen mengeluarkan hasil hutan atau lesen menjalankan kilang berasas kayu akan diberi dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh permohonan diterima.

05

Semua aduan kesalahan hutan akan diambil tindakan dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) hari dan dijawab dalam tempoh masa tujuh (7) hari bekerja.

06

Memberi perkhimatian yang sebaik mungkin serta layanan yang mesra setiap masa.





**OLD  
COLONIAL  
COURT HOUSE**

BATU GAJAH

**PERLEMBAGAAN, DASAR  
DAN UNDANG-UNDANG**

# PERLEMBAGAAN, DASAR DAN UNDANG - UNDANG

## Peruntukan Perlembagaan Persekutuan

Bidang Perhutanan merupakan bidang kuasa Kerajaan Negeri kerana disebut dalam Senarai Negeri yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Menurut Fasal (2) Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.

Di bawah peruntukan ini, Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat dan menerima pakai sesuatu undang-undang dan peraturan bagi mentadbir dan menguruskan hal-hal perhutanan di dalam negeri berkenaan. Kerajaan Persekutuan hanya memberi nasihat dan bantuan teknikal kepada negeri, penyelenggaraan stesen-stesen percubaan dan demonstrasi, latihan dan penyelidikan.

## Majlis Tanah Negara

Majlis Tanah Negara (MTN) diwujudkan di bawah Perkara 91 Perlembagaan Persekutuan. Menjadi kewajipan MTN untuk membentuk, dari semasa ke semasa, dengan berunding dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Majlis Kewangan Negara suatu dasar negara untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah di seluruh Persekutuan bagi perlombongan, pertanian, perhutanan atau apa-apa maksud lain. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri boleh berunding dengan MTN yang bertindak sebagai penasihat berhubung dengan apa-apa perkara berkaitan dengan penggunaan tanah atau perundangan yang dicadangkan mengenai pentadbiran tanah.

Ketiga-tiga dasar perhutanan wilayah iaitu Dasar Hutan Sabah 2018, Sarawak Forest Policy 2019 dan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia (DPSM) yang memberi tumpuan kepada pengukuhan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan akan menjadi sebahagian daripada DPM 2020.

DPM diterima dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara Ke-78 (MTN). Sebelum itu, DPM dan DPSM telah disembaahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 10 November 2020. Baginda telah perkenankan supaya cadangan DPM dan DPSM 2020 ini diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Perak Darul Ridzuan untuk pertimbangan dan kelulusan supaya kedua-dua dasar ini dibincang dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara. MMKN Bil. 2010 bertarikh 23 Disember 2020 telah bersetuju dan mengesahkan DPM dan DPSM pada 6 Januari 2021.

## Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia

Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia (DPSM) bertujuan membantu pihak kerajaan, badan bukan kerajaan, akademik, institusi penyelidikan, sektor swasta dan masyarakat dalam merealisasikan strategik yang dirangka bagi mencapai setiap objektif DPSM kepada pelan tindakan. Strategi dan pelan tindakan telah dirangka bagi menangani masalah dan perkara berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan pembangunan sumber hutan pada masa kini. Penekanan adalah untuk menstruktur program kerja yang akan memperkasa tadbir urus sedia ada, menangani jurang dan kekangan yang wujud. Pengurusan sumber hutan akan dijadikan keutamaan dengan memberi penekanan kepada keseragaman perundangan, garis panduan dan prosedur operasi standard yang mengawal piawaian dan amalan serta memperkuuh dan menambah baik pengetahuan dan teknologi sedia ada.

Penggubalan DPSM merangkumi aspek-aspek pengurusan hutan secara berkekalan, pemuliharaan dan perlindungan kepelbagaiannya biologi dan perkhidmatan ekosistem hutan, mitigasi dan adaptasi kesan perubahan iklim, memperkasa penyelidikan dan pembangunan serta perkongsian maklumat.

MTN bersetuju dengan DPSM bagi menggantikan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) yang terpakai di Semenanjung.

## Dasar Perhutanan Malaysia

Malaysia merupakan sebuah negara tropika yang meliputi kawasan seluas kira-kira 33 juta hektar, yang terdiri dari tiga wilayah; Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Malaysia mengiktiraf sumber hutan semula jadi sebagai sumber yang penting dan berharga dalam menyumbang kepada sosioekonomi negara dan kesejahteraan alam sekitar. Sehingga kini, kita masih mengekalkan komitmen yang dibuat semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992, untuk mengekalkan sekurangkurangnya 50% daripada keluasan tanah negara sebagai hutan dan litupan pokok. Ini termasuk hutan simpanan kekal/ hutan simpan/ hutan kekal/ hutan tanah kerajaan dan kawasan-kawasan perlindungan.

Dasar Perhutanan Malaysia (DPM) telah digubal dengan mengambil kira aspek utama ketiga-tiga polisi perhutanan Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kenyataan, Rasional dan Objektif Dasar dalam DPM adalah bersifat umum dan menjadi rujukan serta panduan bagi ketiga-tiga wilayah dalam menggubal dasar dan strategi di wilayah masing-masing. Penggubalan DPM hasil rundingan dan konsultasi ketiga-tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak sejak tahun 2016. Penilaian dan semakan semula dasar perhutanan serta perundangan akan dibuat dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa undang-undang dan dasar-dasar adalah selaras dengan perkembangan terkini dalam pengurusan hutan di peringkat nasional dan antarabangsa.

## Undang-Undang

### I. Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]

Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] adalah suatu undang undang yang diperbuat di bawah perenggan (b) Fasal (I) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan bagi maksud menentukan persamaan undang-undang bagi Negeri di Malaysia berkenaan pentadbiran, pengurusan dan pemuliharaan hutan dan pembangunan perhutanan di Malaysia. Akta Perhutanan Negara 1984 ini juga adalah bertujuan bagi menggalakkan keseragaman undang-undang antara Negeri. Akta Perhutanan Negara 1984 ini telah mendapat perkenan Diraja pada 24 Disember 1984 dan diwartakan pada 31 Disember 1984. Akta Perhutanan Negara 1984 ini telah diterima pakai bagi pemakaianya di Negeri Perak Darul Ridzuan dengan dinamakan sebagai Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [Enakmen Bil. 3 tahun 1985] dan diwartakan pada 26 Disember 1985.

### II. Kaedah-Kaedah Hutan 1988

Kaedah-Kaedah Hutan 1988 [Pk. P.U. 39/1989] adalah suatu kaedah-kaedah yang dibuat untuk menetapkan prosedur pelaksanaan Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 bagi menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 111 Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985. Kaedah-Kaedah ini telah diwartakan dalam pemberitahuan Warta Kerajaan Negeri Perak pada 21 Disember 1989 dan mula berkuat kuasa mulai 22 Disember 1989.

### III. Enakmen Industri Berasas Kayu 1987

Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 [Enakmen Bil. 3 tahun 1987] adalah suatu Enakmen yang digubal berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Industri Berasas Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri) 1984 [Akta 314] yang memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri meluluskan undang-undang berkenaan penubuhan dan pengendalian industri berasas kayu. Enakmen ini telah diwartakan dalam pemberitahuan Warta Kerajaan Negeri Perak pada 30 Julai 1987 dan mula berkuat kuasa mulai 1 Mac 1990.

### IV. Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu 1990

Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu 1990 [Pk. P.U. 7/1990] adalah suatu kaedah-kaedah yang dibuat bagi menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 28 Enakmen Industri Berasas Kayu 1987. Kaedah-Kaedah ini dibuat untuk menetapkan prosedur pelaksanaan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987. Kaedah-kaedah ini telah diwartakan dalam pemberitahuan Warta Kerajaan Negeri Perak pada 15 Mac 1990 dan mula berkuatkuasa mulai 1 Mac 1990.

### V. Dasar / Undang-undang / Dokumen Yang Berkaitan Berdasarkan Keperluan MC&I (Pengurusan Hutan Secara Berkekalan, SFM)

Pengurusan hutan perlu mematuhi semua undang-undang yang berkaitan di Malaysia dan menghormati perjanjian-perjanjian serta persetujuan-persetujuan antarabangsa yang telah ditandatangani oleh Malaysia, dan mematuhi kesemua keperluan-keperluan pentadbiran yang berkaitan..

#### *Undang-Undang Persekutuan*

- Perlembagaan Persekutuan
- Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313];
- Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]

- termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan
- Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 [Akta 795]
- Akta Biokeselamatan 2007 [Akta 678]
- Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452]
- Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4]
  - Peraturan-Peraturan (Am) – Keselamatan Sosial Pekerja 1971
  - Akta Kerja 1955 [Akta 265]
  - Kanun Keseksaan [Akta 574];
  - Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]
    - Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 [P.U. (A) 195/2015]
    - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989 [P.U. (A) 140/1989]
    - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 [P.U. (A) 294/2005]
  - Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 139]
  - Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597]
  - Akta Imigresen 1959/1663 [Akta 155]
  - Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177]
  - Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies T Terancam 2008 [Akta 686]
  - Akta Pemuliharaan Tanah 1960 [Akta 385]
  - Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]
  - Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]
  - Akta Umur Persaraan Minimum 2012 [Akta 753]
  - Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 828]
  - Akta Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732]
    - Perintah Gaji Minimum 2020 [P.U. (A) 5/2020]
  - Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [Akta 149]
  - Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 [Akta 167]
  - Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262]
  - Akta Air 1920 [Akta 418]
  - Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]
  - Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
  - Akta Pampasan Pekerja 1952 [Akta 273]

***Undang-Undang Negeri***

- Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [Enakmen Bil. 3 tahun 1985]
  - Kaedah-Kaedah Hutan 1988 [Pk. P.U. 39/1989]
  - Kaedah-Kaedah Hutan Tadahan Air (Perak) 2010 [Pk. P.U. 47/2010]
- Enakmen Industri Berasakan Kayu 1987 [Perak Bil. 3 tahun 1987]
  - Kaedah-Kaedah Industri Berasakan Kayu 1990 [Pk. P.U. 7/1990]
- Enakmen Perbadanan Taman Negeri Perak 2001 [Enakmen 10 tahun 2001]

***Dasar/Garis Panduan***

- Kod Kelakuan bagi Keharmonian Perusahaan, 1975
- Manual Perhutanan 2003
- Pelan Tindakan Tanah Gambut Kebangsaan
- Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan
- Dasar Perhutanan Malaysia
- Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia
- Rancangan Fizikal Negara-3, 2015
  - Central Forest Spine Master Plan
- Dasar Kepelbagai Biologi Kebangsaan, 2016-2025
- Dasar Perubahan Iklim Negara, 2009
- Dasar Alam Sekitar Negara, 2002
- Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan, 2008-2020
- Dasar Sumber Air Negara, 2012



# **P EJABAT DAERAH DAN TANAH LARUT, MATANG DAN SELAMA**



# PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

# DIREKTORAT



**YBHG. DATO' MOHAMED ZIN BIN YUSOP**  
Pengarah Perhutanan Negeri Perak

**“Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi  
sesudah Allah menyediakan segala yang membawa  
kebaikan padanya. ”**

- (*Surah Al-Araf:56*)



“ Selagi kamu tidak ada perasaan halus melihat alam, jiwamu tidak hidup. ”

- Prof. Dr. Hamka

HAJI RAMLI BIN MAT  
Timbalan Pengarah (Operasi)



“ Your hardest time often lead to the greatest moments of your life. Keep going. Tough situations build strong people in the end. ”

- Roy T. Bennett.

SITI DESSYAMA BINTI ISNANI  
Timbalan Pengarah (Pembangunan)



KETUA PENOLONG PENGARAH

| GALERI SULTAN AZLAN SHAH

**BARIS KIRI**

Muhamad Uzir bin Mohd Tahir, Amsari bin Mahmud, Dato' Mohamed Zin bin Yusop, 'Azmi bin Mohd Zain, Nor Lokman bin Muhamad Nor @ Fakru

PEGAWAI KANAN BAHAGIAN KHIDMAT  
PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA



| GALERI SULTAN AZLAN SHAH

**BARIS KIRI**

Hanita binti Alang Ismail, Muhamad Uzir bin Mohd Tahir

**PEGAWAI UNDANG - UNDANG**

| GALERI SULTAN AZLAN SHAH

**BARIS KIRI**  
Sareeka a/p Balakrishnan**PEGAWAI KANAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN**

| GALERI SULTAN AZLAN SHAH

**BARIS KIRI**  
'Azmi bin Mohd Zain, Ngu Mooi Yean, Norlida binti Kamil, Siti Dessyma binti Isnani, Dr Agkillah Maniam , Nor Lokman bin Muhamad Nor @ Fakru, Amar Hasrizal bin Samsudin



**PEGAWAI KANAN BAHAGIAN OPERASI**

| GALERI SULTAN AZLAN SHAH

**BARIS KIRI**

Mior Hizran Yusoff bin Mior Ismail, Safiah Aimi binti Md Isa, Halimatul Saadiah binti Muhammad Daud, Haji Ramli bin Mat, Amsari bin Mahmud, Harman bin Baharuddin



**PEGAWAI HUTAN DAERAH**

| GALERI SULTAN AZLAN SHAH

**BARIS KIRI**

Khairul Na'im bin Ya'akub, Mohd Hafiz bin Samsudin, Siti Syafiqah binti Yusof, Azrul Ekhuan bin Eliah, Khairil bin Sarip






**K  
ELLIE'S  
CASTLE**

BATU GAJAH

**CARTA ORGANISASI  
DAN SEKSYEN**

# CARTA ORGANISASI JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK





**YBHG. DATO' MOHAMED ZIN BIN YUSOP**  
PENGARAH PERHUTANAN NEGERI



**SITI DESSYMA BINTI ISNANI**  
TIMBALAN PENGARAH  
(PEMBANGUNAN)

**BAHAGIAN KHIMAT PENGURUSAN  
DAN SUMBER MANUSIA**



**MUHAMAD UZIR BIN  
MOHD TAHIR**  
KETUA PENOLONG PENGARAH

**SEKSYEN SILVIKULTUR DAN  
KEPELBAGAIAN BIOLOGI**



**'AZMI BIN MOHD ZAIN**  
KETUA PENOLONG PENGARAH

**SEKSYEN PERANCANGAN DAN  
PENGURUSAN HUTAN**



**NOR LOKMAN BIN  
MUHAMAD NOR @ FAKRU**  
KETUA PENOLONG PENGARAH



**HANITA BINTI ALANG ISMAIL**  
PENOLONG PENGARAH

**SEKSYEN PERUNDANGAN**



**SAREEKA A/P BALAKRISHNAN**  
PEGAWAI UNDANG-UNDANG

**SEKSYEN LADANG  
HUTAN DAN INOVASI**



**NGU MOOI YEAN**  
PENOLONG PENGARAH

**SEKSYEN HASIL BUKAN  
KAYU DAN LATIHAN**



**AMAR HASRIZAL BIN  
SAMSUDIN**  
PENOLONG PENGARAH



## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

MUHAMAD UZIR BIN MOHD TAHIR  
Ketua Penolong Pengarah

Menguruskan peruntukan Mengurus (B25), Pembangunan (P07), Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Negeri Perak (KWP) dan Perbelanjaan Persekutuan (P23) untuk Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Pengurusan kewangan dan akaun seperti penyediaan anggaran belanjawan tahunan, gaji, elaun-elaun, projek pembangunan, pembelian barang-barang dan perkhidmatan dan pembayaran tuntutan kewangan. Bertanggungjawab bagi mengutip hasil termasuk premium, royalti, ses pembangunan hutan dan caj-caj lain serta laporan shuttle. Menyelaras urusan keselamatan dokumen, fizikal, peribadi dan rekod bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak Menguruskan urusan surat menyurat, urusan perjalanan fail termasuk pembukaan dan penutupan fail.

Mengendali segala aspek pengurusan pentadbiran bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Pengurusan Sumber Manusia berhubung perjawatan, rekod cuti, tatatertib dan perkhidmatan anggota di Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Mempertingkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pegawai dan kakitangan melalui program latihan umum melibatkan perkhidmatan dan kewangan seperti yang telah dirancang dan mengendali penyelenggaraan peralatan ICT, mengurus perisian-perisian aplikasi dan kemudahan, pengurusan laman web jabatan, bantuan teknikal pengemaskinian data dan hal-hal lain yang berkaitan. Menyokong pelaksanaan pelbagai program perhutanan yang dianjurkan oleh jabatan dalam usaha memantapkan operasi dan penguatkuasaan hutan, perancangan, pengurusan, pembangunan dan pemeliharaan hutan.

### PENTADBIRAN



DARI KIRI

Putri Noor Shuhaidah binti Megat Mohd Ghazali, Azrina binti Mohammed Nasir, Natasha binti Ahmad Nazri, Haslini Zarina binti Hassan, Mohamad Jeffri bin Abd Manaf, Mimi binti Rosli, Nur Fazila binti Elias, Hanita binti Alang Ismail, Ibrahim bin Said, Azlin binti Ismail, Suahaimi bin Zainuddin, Muhamad Uzir bin Mohd Tahir, Ahmad Sollehudin bin Zulkifli, Zaitul Bahti binti Abdul Rahman, Yusri bin Yahya, Zan Nur Aini binti Zainal, Nur Faiza binti Ghazali, Norshakirah binti Ahmad Shukri, Nur Suhaila binti Rafin, Nurul Fatinah Auni binti Ramli

## KEWANGAN / HASIL

**DARI KIRI**

Ahmad Maulana Al-Hafiz bin Abdul Hamed, Rahmah binti Zakaria, Mohd Uzaini bin Salim, Muhamad Firdaus bin Ibrahim (duduk), Wan Noor Asyikin binti Anuar, Nor Baharudin bin Zahir

## TEKNOLOGI MAKLUMAT

**DARI KIRI**

Muhamad Firdaus bin Sulaiman, Loo Hon Thung, Mohd Hezly bin Mustafa, Mohammad Azizul Fikri bin Zulkifli



## **SEKSYEN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN HUTAN**

**NOR LOKMAN BIN MUHAMAD NOR @ FAKRU**  
Ketua Penolong Pengarah

Seksyen ini bertanggungjawab mengurus kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) secara sistematik dengan merekod pewartaan hutan sama ada pewartaan masuk dan pemansuhan HSK, merancang dan melaksanakan program dan aktiviti Pengurusan Sumber Hutan seperti mencuci dan menanda sempadan luar HSK dan Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F) bagi mencapai matlamat Pengurusan Hutan Secara Berkekalan.

Aktiviti lain adalah merancang dan melaksanakan program dan aktiviti pembangunan Hutan Asli bagi memelihara hutan semulajadi untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan seperti Hutan Simpanan Hutan Dara.

Seksyen ini turut bertanggungjawab dalam merancang dan menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan (RPH), Rancangan Kerja Hutan Paya Laut Matang (RKH) dan menyelaras penyediaan Rancangan Tahunan Hutan Perak di setiap daerah pentadbiran hutan bagi Negeri Perak. Di samping itu, seksyen ini juga bertanggungjawab untuk menyelaras penubuhan dan perkembangan petak-petak kajian serta menyelaras pelaksanaan kriteria dan petunjuk untuk Pensijilan Pengurusan Hutan di Malaysia (MC&I SFM) bagi FMU Perak.

Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab untuk mengurus dan melaksanakan Projek Central Forest Spine (CFS) di Negeri Perak seperti yang diterjemahkan di dalam Rancangan Fizikal Negara (RFN).



**DARI KIRI DEPAN**

Yuzairin binti Yusop, , Norbaizura binti Aris , Dr. Agkillah Maniam, Norlida binti Kamil, Nurul Ain binti Saharuddin, Abdul Hafiz bin Abdul Latif

**DARI KIRI TENGAH**

Muhamad Sayfuan bin Mohd Suhaimin, Mohd Azlan bin Tarbiant, Azizi bin Othman, Mohamad Hazraf bin Abdul Halim, Nurul Addieni binti Rahman, Muhammad Nasrul Affandi bin Muhammad Taufiq

**DARI KIRI BELAKANG**

Mirzanizam bin Mazlan, Muhammad Khafadzi bin Zulkapli, Abdul Razak bin Mat Isa, Noor Asmizul bin Razak



## SEKSYEN SILVIKULTUR DAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI

'AZMI BIN MOHD ZAIN  
Ketua Penolong Pengarah

Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi memainkan peranan dalam menyelaras pelaksanaan aktiviti pemeliharaan dan pemulihan kawasan hutan melalui pelaksanaan aktiviti rawatan silvikultur di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK). Pelaksanaan aktiviti tersebut dipraktikkan bagi memastikan dirian hutan terpulih dan dipelihara. Selain aktiviti utama tersebut, Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi di JPNPK turut berperanan dalam merancang, melaksana dan memantau aktiviti di bawah Program Pembangunan Hutan Asli, Program Perhutanan Masyarakat (CSR), Projek Pembangunan Tapak Semaian serta Program Penanaman Pokok Bakau dan spesies-spesies yang sesuai di persisiran pantai negara.



### DARI KIRI DEPAN

Samsudin bin Abas, Azmi bin Mohd Zain, Murni binti Samsuddin

### DARI KIRI TENGAH

Zailatal Akmar binti Abdullah, Mohd Khairul Nizam bin Shaari, Azalanzazllay bin Mohd Sarif, Mohd Yasrul Shahrin bin Yusop Baseri

### DARI KIRI BELAKANG

Mohamad Nor Adhzre bin Mustam, Mohamad Rizal bin Md Yusof, Shahrulnizam bin Rosdi, Muhamad Zuraid bin Abu Hassan



## **SEKSYEN PENGUATKUASAAN HUTAN**

**AMSARI BIN MAHMUD**  
Ketua Penolong Pengarah

Seksyen ini bertanggungjawab untuk mencegah dan membanteras kesalahan hutan di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), Hutan Tanah Kerajaan, Kawasan Lesen dan Permit, Premis Industri Berasaskan Kayu (IBK) dan juga semasa pemindahan hasil hutan dengan menguatkuasakan Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985, Kaedah-Kaedah Hutan (KKH) 1988, Enakmen Industri Berasaskan Kayu (EIBK) 1987 dan Kaedah-Kaedah Industri Berasaskan Kayu (KKIBK) 1990. Secara khususnya, Seksyen ini bertanggungjawab dalam menjalankan fungsi :

- Menyelaras operasi penguatkuasaan di kawasan lesen pengusahaan;
- Menyelaras operasi penguatkuasaan di kawasan berhutan;
- Menyelaras operasi penguatkuasaan hasil hutan dalam transit melalui rondaan dan sekatan jalan raya;
- Menjalankan aktiviti pemeriksaan di Balai Pemeriksaan Hutan (BPH);
- Menyelaras aktiviti pemeriksaan Industri Berasaskan Kayu;
- Merancang dan menyelaras operasi penguatkuasaan di kawasan 'hot spot';
- Menyelaras semakan dan tindakan susulan terhadap aduan kes-kes kesalahan hutan;
- Menyelaras maklumat aktiviti penguatkuasaan dan kesalahan hutan daerah-daerah untuk penyediaan Laporan Bulanan Pemantauan / Penguatkuasaan Hutan;
- Menyelaras operasi penguatkuasaan bersepada melibatkan pelbagai jabatan / agensi;
- Menyelaras proses pelesenan pengusahaan hutan di Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Berimilik.



**DARI KIRI**

Muhammad Fazrul Nizar bin Abdullah Sani, Abdul Razak bin Abd Karim, Harman bin Baharudin, Rizalman bin Hj. Mohamad, Amsari bin Mahmud, Ahmad Idzwan bin Mustapa @ Mustafa, Mohd Fauzi bin Mohd Hassan, Jamil Khir bin Hasim, Norfamiza binti Mohammad Sharif, Sa'ari bin Mohd Ali



## SEKSYEN PENGUATKUASAAN (SIASATAN)

HALIMATUL SAADIAH BINTI MUHAMMAD DAUD  
Penolong Pengarah

Seksyen ini bertanggungjawab melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti siasatan dan pendakwaan di mahkamah bagi kes kesalahan hutan.

Seksyen ini juga memberi khidmat nasihat dan bantuan teknikal berkaitan siasatan kepada Pegawai Penyiasat Jabatan Perhutanan Negeri Perak selaras dengan peruntukan Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 dan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 serta undang-undang yang sedang berkuatkuasa.



### DARI KIRI

Halimatul Saadiah binti Muhammad Daud, Muhammad Farhan Najmi bin Mohd Ibrahim, Donald Gabriel Guakin, Nur A'in binti Chek Mustafa, Badrulhadi bin Shaaruddin, Mohamad Syazmel bin Abd Rashid



## SEKSYEN — PERUNDANGAN

SAREEKA A/P BALAKRISHNAN  
Pegawai Undang-Undang

Seksyen ini bertanggungjawab dalam mengkaji kertas siasatan kesalahan hutan dan memberi nasihat serta arahan berkaitan dengannya, mengendalikan perbicaraan dan prosiding menjayah kesalahan hutan di Mahkamah.

Selain itu, Seksyen ini juga memberi nasihat dan pandangan undang-undang berkenaan dengan perkara-perkara yang dirujuk oleh Jabatan, mendraf atau menyemak dokumen undang-undang seperti perjanjian dan memorandum persefahaman yang mana Jabatan merupakan salah satu pihak bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri dilindungi serta menggubal dan menyemak perundangan utama dan perundangan subsidiari berkenaan dengan perhutanan.



DARI KIRI

Norlianawati binti Mohd Razali, Roshda binti Udzir



## SEKSYEN PERINDUSTRIAN DAN PENGUSAHASILAN HUTAN

AZQAN DALILA BINTI AHMAD TAJUDIN  
Penolong Pengarah

### PERINDUSTRIAN

Seksyen ini bertanggungjawab dalam memproses pelesenan Industri Berasas Kayu (IBK) serta pemantauan operasi perindustrian dan kemajuan penggunaan kayu serta Pembangunan Industri Berasaskan Kayu di Negeri Perak.

### PENGUSAHASILAN

Seksyen ini juga bertanggungjawab memantau pengeluaran lesen pengusahahsilan di Hutan Simpanan Kekal (HSK) supaya mematuhi Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang telah ditetapkan di samping menyelaraskan serta memproses pelesenan aktiviti pengusahahsilan di Hutan Simpanan Kekal (HSK), Tanah Kerajaan, Tanah Milik dan KUP Arang Kayu (KAK) dan KUP Kayu Jaras (KKJ) serta Permit Penggunaan.



#### DARI KIRI DEPAN

Baizulieza binti Bostamam, Azqan Dalila Binti Ahmad Tajudin, Nur Mashitah binti Khairudin, Nurul Hamisah binti Jamaludin

#### DARI KIRI TENGAH

Intan Mastura binti Mat Sani, Nur Azlin binti mazlan, Mohd Fariz bin Ismail, Siti Norjiha binti Ahmad

#### DARI KIRI BELAKANG

Amirul Azuan bin Zulkifli, Azrul Hisham bin Rasidi, Megat Iskandar Shah bin Megat Yunus, Muhammad Zubir bin Shahrin



## SEKSYEN HUTAN LIPUR DAN EKO PELANCONGAN

**SAFIAH AIMI BINTI MD ISA**  
Penolong Pengarah

Seksyen ini merupakan Seksyen yang bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan membangunkan Taman Eko-Rimba di Negeri Perak, melaksanakan penyelenggaraan, penaiktarafan dan pembinaan baharu infrastruktur serta kemudahan yang bersesuaian agar dapat memenuhi kehendak serta menjamin keselamatan pengunjung, merancang dan melaksanakan program-program pengembangan dan pendidikan seperti pameran dan bengkel berkaitan bidang perhutanan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan dan keperluan memelihara sumber hutan dan alam sekitar, menganjurkan aktiviti-aktiviti berkonsepkan eko pelancongan seiring permintaan dalam memberi manfaat kepada masyarakat, memberi khidmat penerangan dan jurupandu mengenai perhutanan, aktiviti rekreasi dan pendidikan hutan yang dijalankan di

kawasan Taman Eko-Rimba, dan lain-lain tugas berkaitan dengan promosi dan pembangunan eko pelancongan serta aktiviti rekreasi dan pendakian di bawah Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Seksyen ini juga berperanan dalam mengemaskini pengkalan data mengenai maklumat kemajuan fizikal dan kewangan pembangunan Taman Eko-Rimba, pengunjung dan lain-lain, mengumpul maklumat bagi penyediaan risalah, poster dan lain-lain bagi tujuan publisiti dan promosi Taman Eko-Rimba serta membantu merancang, mengenalpasti keperluan latihan untuk kakitangan dalam bidang pengurusan Taman Eko-Rimba dan mengenalpasti dan menjalankan latihan / kursus / bengkel Malim Gunung Perhutanan kepada semua pemohon yang berminat untuk berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak sebagai Malim Gunung Perhutanan.



**DARI KIRI**

Azharul Hisham bin Ahmad Tajuddin, Nandini a/p V. Neru, Muhammad Mu'izzuddin bin Azizi, Azlan bin Ahmad, Siti Aisyah binti Yaacob, Muhammad Hafiz Hakimi bin Mohd. Asri, Nurul Munirah Husna binti Hamdan, Mohamad Syafiq Syazwan bin Kamaruddin



## SEKSYEN KEJURUTERAAN HUTAN

**MIOR HIZRAN YUSOFF BIN MIOR ISMAIL**  
Penolong Jurutera Kanan

Seksyen ini bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja pembinaan infrastruktur dan kemudahan yang melibatkan pembaikan, menaiktaraf dan penyelenggaraan Pejabat, Kuarters, Stor Rampasan, Jeti Jabatan dan Balai Pemeriksa Hutan.

Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab untuk membuat semakan dan memberi ulasan ke atas Pelan Cadangan Pembinaan Jajaran Jalan Hutan berpandukan kepada Spesifikasi Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (Pindaan 2013).

Seksyen ini adalah komited untuk memastikan semua pembinaan dan penyelenggaraan dibuat mengikut spesifikasi dan piawaian daripada Jabatan Kerja Raya serta mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Seksyen ini juga berperanan memastikan kenderaan jabatan berada dalam keadaan baik dengan melakukan penyelenggaraan berkala. Di samping itu, seksyen ini bertanggungjawab dalam melaksanakan pembelian kenderaan baharu mengikut kelulusan tahunan semasa daripada Pejabat Kewangan Negeri dan melupuskan kenderaan yang rosak serta tidak ekonomik berdasarkan pengesyoran daripada pihak Jabatan Kerja Raya (Mekanikal). Seksyen Kejuruteraan Hutan melaksanakan proses melucutuhak pemilikan kenderaan setelah mendapat perintah mahkamah bagi kesalahan hutan. Selain itu, seksyen ini memastikan penggunaan kad minyak serta 'Touch n Go' boleh digunakan dengan lancar.



DARI KIRI

Rasyiqah Syahirah binti Saharuddin, Mohd Risham bin Abdul Rahim, Rozana binti Baharuddin, Mohd Faizul bin Baharin @ Baharudin, Nurmaliza binti Mohammad Azmi, Iwan Mohamad Faizal bin Hamidi, Jastiny Aima binti Jamaluddin, Mohd Hanif bin Daud



## SEKSYEN LADANG HUTAN DAN INOVASI

NGU MOOI YEAN  
Penolong Pengarah

Seksyen ini bertanggungjawab untuk melaksana dan menyelaras pengurusan dan pembangunan ladang hutan, pencegahan dan pengawalan kebakaran hutan, penyakit dan agen perosak, perolehan biji benih dan bahan tanaman serta projek *Perak Oxygen Land Bank* (POLB).

Selain itu, seksyen ini turut dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan dan pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.



### BARISAN HADAPAN

Masturaidayu binti Che'ri, Ngu Mooi Yean, Armelia binti Abd Rahman, Mohd Fakhri bin Mat Radzi

### DARI KIRI

Izuan Zuhardy bin Muhammad Zamri, Muhammad Amirul Fikry bin Musa, Harimanali bin Mohd Rasdi, Mohammad Shakirin bin Abd Aziz, Mohammad Baharom bin Rohani, Megat Nor Ismail bin Megat Saari



## SEKSYEN — HASIL BUKAN KAYU DAN LATIHAN

AMAR HASRIZAL BIN SAMSUDIN  
Penolong Pengarah

Seksyen Hasil Bukan Kayu (HBK) bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan kerja-kerja penubuhan kawasan tanaman, rawatan serta penyelenggaraan tanaman herba, buluh dan rotan dalam Hutan Simpanan Kekal dan kawasan yang bersesuaian. Selain itu, HBK juga berperanan untuk memproses lesen-lesen pengusahaan berdasarkan produk hutan bukan kayu seperti buluh, rotan, petai, tanah merah, batu batan (kuari) dan lain-lain. Manakala Bahagian Latihan bertanggungjawab merancang Program Latihan Tahunan, mengkoordinasi dan melaksanakan kursus kepada kakitangan jabatan serta menyelaras penempatan pelajar latihan industri dari Institusi Pengajian Tinggi.



**DARI KIRI**

Mohd Sahid bin husain, Tinarossima binti Badiauzaman, Rosazlina binti Rosdi, Amar Hasrizal bin Samsudin, Hadil Aza bin Turidi, Rushiah binti Sujak



# MENARA CONDONG

TELUK INTAN

**PEJABAT HUTAN  
DAERAH**

# PEJABAT HUTAN DAERAH

Bagi melicinkan lagi pelaksanaan fungsi Jabatan Perhutanan Negeri, pentadbiran perhutanan di peringkat negeri dipecahkan kepada daerah dan renj hutan yang bertanggungjawab mengenai pentadbiran di peringkat daerah dan renj hutan, pengawalan pengusahaan dan operasi industri berasas kayu, kutipan hasil, penguatkuasaan undang-undang perhutanan serta pelaksanaan aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan di lapangan.



## HULU PERAK

AZRUL EKHUAN BIN ELIAH  
Pegawai Hutan Daerah



| GALERI ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG

### BARISAN HADAPAN

Yahaya bin Nasrom, Mohd Zakuan bin Norani, Ahmad Saiful bin Mohd Sabri, Norzalita binti Mustaffa, Muhammad Shahruh Anuar bin Hasaini, Azrul Ekhuan bin Eliah, Muhammad Suqairi bin Abdul Halim, Noranizah binti Mohamed, Muhammad Suhaimi bin Abd Majid, Saliza binti Baharom

### BARISAN BELAKANG

Jefry bin Khalid, Mohd Rozaiful bin Ramli, Nurul Diana binti Kamaruddin, Thiyagu a/l Muniyandy, Mohd Zulhazimi bin Mohd Tajudin, Hilmi bin Hamad, Huda Husna binti Mohd Amin, Afizam bin Arifin



## KINTA/MANJUNG

SITI SYAFIQAH BINTI YUSOF  
Pegawai Hutan Daerah



| KELLIE'S CASTLE

### BARISAN HADAPAN DARI KIRI

Mohd Jamil bin Yusop, Nurul Hafizah binti Mat Sani, Norasiah binti Mihan, Normie Aziela binti Mat Nasir

### BARISAN KEDUA DARI KIRI

Ahmad Daud bin Mohamed Isa, Nor Azimah binti Zakaria, Nazrur Rizal bin Nazlan, Mohamad Inis bin Mohamed Yusof, Khairulrizal bin Abu Kassim, Suraya Lee binti Abdullah

### BARISAN KETIGA DARI KIRI

Mohd Kamal bin Adnan, Rosmainie bin Mohd Tahir, Mohamad Shahrir bin Mohamad Saad, Fadzil bin Mohamad, Mohd Roslan bin Mohamed Rashid, Mohd Azmi bin Dahalan

# KUALA KANGSAR

MOHD HAFIZ BIN SAMSUDIN  
Pegawai Hutan Daerah



| GALERI SULTAN AZLAN SHAH

#### BARIS HADAPAN

Muhammad Shamil bin Nor Zan, Muhammad Taufiq bin Osman, Khairullah bin Abd Latiff, Azizah binti Ahmad Zubir, Norliana binti Kamaruddin, Mohd Hafiz bin Samsudin, Rohizan binti Abdul Talib, Hanizar bin Ismail, Mohd Merzuki bin Mat Salleh, Mohd Fazlee Shah bin Abu Kasim

#### BARISAN KEDUA

Muhammad Aedy Azhar bin Alias, Kamal Hakimi bin Muhammad, Salrini binti Ahmad Alim

#### BARISAN KETIGA

Hasrizal bin Hussin, Ahmad Aizat bin Mohamad Puzi, Mohamed Abdul Ghazi bin Mohamed Zin, Mohamed Amerudin bin Abdullah, Rohaizad bin Mohd

#### BARAISAN TERAKHIR

Muhiyuddin bin Zamri, Mohd Ibrahim bin Musa, Irwan Afandi bin Ariffin



## LARUT DAN MATANG

KHAIRUL BIN SARIP  
Pegawai Hutan Daerah



| MUZIUM PERAK

### DARI KITI BELAKANG


Muhd Fairus bin Salleh, Mohammad Fadzli bin Mat Nuri, Mohd Zulafandi bin Kamaruddin, Mat Saidi bin Hassani, Mohammad Rosli bin Yusof, Mohammad Hafiz bin Abdul Aziz, Azuan bin Ahmad, Mohammad Rohaizal bin Abu Hassan, Sharuddin bin Ismail, Mohammad Rifaee bin Saaid, Muhammad Zaki bin Redzuan @ Che Rabuan, Roslan bin Rus, Muhammad Hafizi bin Mat Fuad, Nor Mashitah binti Ahmad Kassim, Azmi Badiqul Zaman bin Jaya, Yusri bin Mohd Yusof, Muhamamrd Hanif bin Hamdan, Khairul Nizam bin Abdul Talib, Mohammad Syazmel bin Abd Rashid, Fadzil bin Abdul Wahab, Abdul Moen bin Ahmad, Abdul Razak bin Wahi, Muhammad Razalee bin Masid, Muhammad Amirul Haqim bin Badrul Hisham

### DARI KANAN HADAPAN

Dzkolfli bin Ahmad, Masshor bin Ibrahim, Nurul Shahida binti Izan, Rizwani binti Hawari, Zamharirah binti Othman, Norlila binti Ramli, Mohd Zamzuri bin Osman, Mohammad Khairul Anuar bin Mat Yusoff, Siti Fatimah binti Mat Puat, Norhidayu binti Mohammed Yusof, Zarina binti Ahmad, Haris Fadzilah bin Ahmad, Asraf Nor Azam bin Safar, Norshamsiah binti Abdul Rashid, Siti Nurlela binti Ali

# PERAK SELATAN

KHAIRUL NA'IM BIN YA'AKUB  
Pegawai Hutan Daerah



| MENARA CONDONG

## DARI KIRI

Muhamad Subadrul bin Idris, Mohd Shahrom bin Wahie, Mohd Faisal bin Lokman, Hairul Anuar bin Hassan, Muhamad Taufik bin Mohamad Zulkifli, Ahmad Ros Affendi bin Abdul Rahman, Ahmad Fitri bin Awang, Anuar bin Bahak, Mohd Shahrel Nizam bin Abu Nain, Nabila Natasya binti Zamlut, Muhammad Hafiz Hasman bin Jamaluddin, Mis Maizura binti Amat Kaulan, Shahrul Anuar bin Yaakub, Ahmad Muzammir bin Mohamed Yusoff, Ahmad Nazeri bin Shahabuddin, Abdullah Zawawi bin Ibrahim, Mohd Idris bin Harun, Khairul Na'im bin Ya'akub, Norazemy bin Awing, Mohd Yusof bin Mohd Ramli, Nasaruddin bin Omar, Maznan bin Nordin, Azman bin Abd. Jamal, Nor Azura binti Mohd Tarmizi, Fazreen bin Ahmad Fuad, Mohd Fauzi bin Mohd Hassan, Muhamad Amin bin Zaidi, Mohd Bakri bin Ismail, Mat Ali bin Mat Japri, Sulaiman bin Saleh, Mohd Yusri bin Ghazali, Mohd Ariff bin Ahmad Darbi, Sharifudin bin Ngah Ismail, Mohamed Saifol Liza bin Norin.



D  
EWA  
N  
BANDARAN  
IPOH

## PROFIL PERHUTANAN NEGERI

# PROFIL PERHUTANAN NEGERI

- PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK
- PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA/MANJUNG
- PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR
- PEJABAT HUTAN DAERAH LARUT DAN MATANG
- PEJABAT HUTAN DAERAH PERAK SELATAN



1. Keluasan Tanah (ha)	:	2,087,573.28 ha
2. Tanah Berhutan (ha)	:	1,015,971.90 ha
3. Tanah Tidak Berhutan (ha)	:	1,071,601.38 ha
4. Sumber Hutan		
4.1 Hutan Simpanan Kekal (ha)	:	986,848.26 ha
4.2 Cadangan Hutan Simpanan Kekal (CHSK)	:	5,743.74 ha
4.3 Ladang Hutan (ha)	:	6,037.22 ha
4.4 Tanah Kerajaan (ha)	:	19,146.40 ha
4.5 Taman Hidupan Liar (ha)		
4.5.1 Dalam HSK	:	0.00 ha
4.5.2 Luar HSK	:	4,233.50 ha
5. Catuan Tebangan Tahunan ( Untuk HSK - ha)		
5.1 Diluluskan	:	6,600 ha
5.2 Diselaraskan	:	-
5.3 Digunakan	:	5,257 ha

# PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK

## MAKLUMAT LAPORAN TAHUNAN DAERAH HUTAN HULU PERAK



Bil	Hutan Simpan Kekal	No. Warta	Tarikh Warta	KELUASAN ( Ha )
01.	Padang Chong	2997	09.10.1914	1,044.10
02.	Lepang Nenering	2578	28.08.1914	3,808.00
03.	Papulut	2423	04.05.1923	10,854.16
04.	Bintang Hijau	960	20.02.1925	52,267.26
05.	Belukar Semang	917	04.07.1991	7,978.02
06.	Belum	806	06.06.1991	117,500.00
07.	Banding	581	29.03.2012	16,667.00
08.	Kenderong	1085	01.08.1991	6,412.50
09.	Gerik	1379	10.10.1991	37,220.00
10.	Temengor	1378	10.10.1991	148,870.00
11.	Gunung Lang	805	06.06.1991	1,419.00
12.	Sungai Kuak	1340	07.12.1989	729.60
13.	Ayer Chepam	182	27.02.1992	23,024.22
14.	Amanjaya	786	09.05.2013	18,866.00
<b>JUMLAH BESAR</b>				<b>446,659.86</b>

# PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA/MANJUNG

## MAKLUMAT LAPORAN TAHUNAN DAERAH HUTAN KINTA/MANJUNG

<b>1. Keluasan Tanah (ha)</b>	:	449,930 ha	<b>5. Industri Hutan</b>
<b>2. Tanah Berhutan (ha)</b>	:	104,093.58 ha	a. Bilangan Kilang Papan : 52 ( Beroperasi : 43 )
<b>3. Tanah Tidak Berhutan (ha)</b>	:	347,248.07 ha	Kilang Papan Lapis : 4 ( Beroperasi : 3 )
<b>4. Sumber Hutan</b>			Kilang Papan Venir : 2 ( Beroperasi : 2 )
a. Hutan Simpanan Kekal (ha)	:	98,211.41 ha	Kilang Kayu Kumai : 3 ( Beroperasi : 4 )
b. Jenis Hutan (ha)			Kilang Perabot : 72 ( Beroperasi : 70 )
• Hutan Darat : 97,543.42 ha			
• Hutan Paya Laut : 667.99 ha			
c. Keluasan (ha) yang dikeluarkan untuk Pengusahahasilan			<b>b. Penggunaan Kayu (m³)</b>
• Hutan Simpan : 160 ha			Kilang Papan : 131,281.38 m³
• Tanah Kerajaan : -			Kilang Papan Lapis/Venir : 74,543.97 m³
• Tanah Milik : 58.52 ha			Kilang Kayu Kumai : 11,161.30 m³
d. Keluasan Kawasan Penandaan Pokok (ha)			<b>c. Pengeluaran (m³)</b>
• Hutan Simpan : 360 ha			Kilang Gergaji : 96,760.53 m³
e. Pengeluaran (m³)			Kilang Papan Lapis/Venir : 17,178.48 m³
• Kayu Balak : 3,976.18 m³			Kilang Kayu Kumai : 10,604.81 m³
• Hasil Hutan Iain :			<b>d. Bilangan Pekerja</b>
i) Buluh : -			Bumiputera : 376 Orang
ii) Bahan Batu : 1,434,119.15 m³			Bukan Bumiputera : 579 Orang
iii) Tanah Merah : -			Bukan Warganegara Malaysia : 567 Orang
			<b>Jumlah</b> : 1,522 Orang

Bil	Hutan Simpan Kekal	No. Warta	Tarikh Warta	KELUASAN ( Ha )
01.	Bukit Kinta	6158	29.08.1930	67,239.70
02.	Kledang Saiong	1217	08.07.1952	11,001.34
03.	Parit	197	04.01.1910	883.08
04.	Bubu	547	11.02.1921	6553.62
05.	Segari Melintang	350	03.05.1956	2,679.48
06.	Batu Undan	31	03.01.1930	314.95
07.	Teluk Muroh	381	12.02.2015	637.36
08.	Gunung Tunggal	1972	28.08.1928	253.53
09.	Lumut	5343	10.10.1940	407.59
10.	Teluk Kopiah	1337	11.08.1922	291.60
11.	Pangkor Utara	119	27.01.1911	176.38
12.	Tanjung Hantu	241	10.02.1928	231.88
13.	Pangkor Selatan	119	27.01.1911	317.75
14.	Sg. Pinang	119	27.01.1911	781.91
15.	Bujang Melaka	531	07.05.1987	3,625.01
16.	Kota Siam	1155	27.11.1956	396.09
17.	Kampar	6159	29.08.1930	432.30
18.	Pulau Tiga	40	04.01.1912	159.70
19.	Kampung Gajah	4326	17.06.1932	81.00
20.	Tanjung Burung	1057	04.02.1903	1,079.15
21.	Lekir	379	12.02.2015	616.00
22.	Sungai Batu	5254	30.07.202	51.99
<b>JUMLAH BESAR</b>				<b>98,211.41</b>

# PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR

## MAKLUMAT LAPORAN TAHUNAN DAERAH HUTAN KUALA KANGSAR

<b>1. Keluasan Tanah (ha)</b>	: 358,617.00 ha	<b>5. Industri Hutan</b>	a. Bilangan Kilang Papan Lapis Venir Loji Kayu Perabot Getah	: 14 ( Beroperasi : 14 ) 0 ( Beroperasi : 0 ) 1 ( Beroperasi : 1 ) 3 ( Beroperasi : 3 ) 2 ( Beroperasi : 2 ) 23 ( Beroperasi : 23 ) 5 ( Beroperasi : 5 )
<b>2. Tanah Berhutan (ha)</b>	: 213,651.83 ha	b. Penggunaan Kayu (m³)	Kilang Papan Lapis Venir	: 50,457.07 m³ 500.00 m³
<b>3. Tanah Tidak Berhutan (ha)</b>	: 144,965.17 ha	c. Pengeluaran (m³)	Kilang Gergaji Kilang Papan Lapis/Venir	: 41,335.73 m³ 159.90 m³
<b>4. Sumber Hutan</b>		d. Bilangan Pekerja	Bumiputera Bukan Bumiputera Bukan Warganegara Malaysia	: 455 Orang 303 Orang 50 Orang 808 Orang
a. Hutan Simpanan Kekal (ha)	: 208,367.32 ha	<b>Jumlah</b>		
b. Jenis Hutan (ha)	: 208,367.32 ha			
• Hutan Darat				
• Hutan Paya Laut				
c. Keluasan (ha) yang dikeluarkan untuk Pengusaha Hasilan	: 800 ha			
• Hutan Simpan				
• Tanah Kerajaan				
• Tanah Milik				
d. Keluasan Kawasan Penandaan Pokok (ha)	: 77.2 ha			
• Hutan Simpan				
e. Pengeluaran (m³)	: 1,760 ha			
• Kayu Balak				
• Hasil Hutan Iain :				
i) Buluh	: 105,538.18 m³			
ii) Rotan	: 109,500 batang			
	: 21,220 batang			

Bil	Hutan Simpan Kekal	No. Warta	Tarikh Warta	KELUASAN ( Ha )
01.	Kledang Saiong	1217	08.07.1952	16,896.70
02.	Bubu	547	11.02.1921	17,746.33
03.	Piah	164 & 360	29.01.1915 & 12.02.2015	72,190.46
04.	Bukit Payong	5624	14.09.1928	208.85
05.	Korbu	772	31.01.1931	82,705.17
06.	Bintang Hijau	960	20.02.1925	10,569.01
07.	Bukit Larut	100	21.01.1910	8,050.80
<b>JUMLAH BESAR</b>				<b>208,367.32</b>

# PEJABAT HUTAN DAERAH LARUT DAN MATANG

## MAKLUMAT LAPORAN TAHUNAN DAERAH HUTAN LARUT DAN MATANG


<b>1. Keluasan Tanah (ha)</b>	:	370,323 ha
<b>2. Tanah Berhutan (ha)</b>	:	129,895 ha
<b>3. Tanah Tidak Berhutan (ha)</b>	:	240,337 ha
<b>4. Sumber Hutan</b>		
a. Hutan Simpanan Kekal (ha)	:	119,526.20 ha
b. Jenis Hutan (ha)		
• Hutan Darat	:	79,008.82 ha
• Hutan Paya Laut	:	40,517.38 ha
c. Keluasan (ha) yang dikeluarkan untuk Pengusaha Hasilan		
• Hutan Simpan	:	240 ha
• Tanah Kerajaan	:	330 ha
• Tanah Milik	:	4.59 ha
d. Keluasan Kawasan Penandaan Pokok (ha)	:	240 ha
• Hutan Simpan		
e. Pengeluaran (m³)		
• Kayu Balak	:	112,703.42 m³
• Hasil Hutan Iain :		
i) Kup Kayu Jaras (KKJ)	:	311,307.76 Batang
ii) Kup Kayu Arang (KAK)	:	542,441.55 Tan
iii) Kayu Api	:	100,207.32 Tan

<b>5. Industri Hutan</b>		
a. Bilangan Kilang Papan	:	11 ( Beroperasi : 7 )
Kilang Papan Lapis/Venir	:	-
Kilang Papan Kayu Kumai	:	-
Kilang Perabot	:	33 ( Beroperasi : 33 )
b. Penggundian Kayu (m³)		
Kilang Papan	:	13,017.14 m³
Kilang Papan Lapis/Venir	:	-
Kilang Kayu Kumai	:	-
c. Pengeluaran (m³)		
Kilang Gergaji	:	-
Kilang Papan Lapis/Venir	:	-
Kilang Kayu Kumai	:	-
d. Bilangan Pekerja		
Bumiputera	:	52 Orang
Bukan Bumiputera	:	40 Orang
Bukan Warganegara Malaysia	:	75 Orang
<b>Jumlah</b>	:	<b>167 Orang</b>

HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)	Bil	Hutan Simpan Kekal	No. Warta	Tarikh Warta	KELUASAN ( Ha )	HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)	Bil	Hutan Simpan Kekal	No. Warta	Tarikh Warta	KELUASAN ( Ha )
01. Bukit Larut	100	21.01.1910	7,343.10			01. Pulau Gula	1057	1903	1,240.00		
02. Gunung Semanggol	639	12.10.1900	1,098.67			02. Cabai Malai	82	1904	1,254.00		
03. Asam Kumbang	1957	31.12.1909	0.41			03. Pulau Kalumpang	1057	1903	4,087.00		
04. Ijok	2579	28.08.1914	207.30			04. Sungai Baharu	1563	1906	931.00		
05. Pondok Tanjung	982	19.03.1913	8,495.27			05. Sungai Sepetang	1563	1906	845.00		
06. Bubu	547	11.02.1921	12,808.65			06. Pulau Kecil	2862	1911	44.00		
07. Bintang Hijau	960	20.02.1925	47,081.62			07. Pulau Selinsing	1057	1903	2,952.00		
08. Palong Tinggi	1124	26.06.1989	820.00			08. Jebong	1563	1906	939.49		
09. Bukit Naga	785	25.02.1921	1,153.80			09. Pulau Sangga Besar	1903	1057	3,362.00		
						10. Pulau Sangga Kecil	1903	1057	1,153.00		
						12. Teluk Kertang	1562	1906	1,250.00		
						13. Sungai Limau	1563	1906	2,958.00		
						14. Pulau Trong Utara	99	1902	2,934.00		
						15. Trong	1563	1906	721.00		
						16. Pulau Trong Selatan	99	1902	5,241.00		
						17. Sungai Temerlok	1563	1906	2,850.00		
						18. Pulau Sungai Nibong	1563	1906	807.00		
						19. Pulau Pasir Hitam	99	1902	4,704.00		
						20. Sungai Tinggi	1563	1906	2,228.70		
						21. Kuala Bagan Tiang	1730	2021	16.19		
<b>JUMLAH KELUASAN HUTAN DARAT</b>					<b>79,008.82</b>	<b>JUMLAH KELUASAN PAYA LAUT</b>					<b>40,517.38</b>
						<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>					<b>119,526.20</b>

# PEJABAT HUTAN DAERAH PERAK SELATAN

## MAKLUMAT LAPORAN TAHUNAN DAERAH HUTAN PERAK SELATAN





**MASJID  
UBUDIAH**  
KUALA KANGSAR

[www.sobdydacob.com](http://www.sobdydacob.com)


## PETUNJUK UTAMA

## PERUNTUKAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN



### 1.2 PEMBANGUNAN NEGERI (P05)

#### 1.2.1 PENGURUSAN SUMBER HUTAN





### 1.2.2 PEMBANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR



## 1.3 KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN HUTAN (KWPH)

### 1.3.1 PENGURUSAN SUMBER HUTAN



### 1.3.2 PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN ASLI



### 1.3.3 EKO PELANCONGAN DAN TAMAN EKO-RIMBA

KWPH

MEMBINA BAHRU,  
MENAIKTAJAF DAN  
MENYELENGARA TAMAN  
EKO-RIMBA

PERUNTUKAN  
RM 520,000.00

MATLAMAT FIZIKAL  
14 Taman Eko-Rimba

PERBELANJAAN  
RM 514,108.10

PERATUS  
98.87%

KWPH

PEMBANGUNAN GALERI  
PERHUTANAN BERKONSEPKAN  
EKO DAN KAUNTER  
TIKET BERELEKTRONIK DI  
TAMAN EKO-RIMBA  
KLEDANG SAIONG

PERUNTUKAN  
RM 40,000.00

MATLAMAT FIZIKAL  
1 Projek

PERBELANJAAN  
RM 39,460.00

PERATUS  
98.65%

KWPH

PEMBEKALAN PERALATAN  
DAN KELENGKAPAN BAGI  
KEMUDAHAN DI TAMAN EKO-  
RIMBA UNTUK KSELESAAN  
DAN KESELAMATAN  
PENGUNJUNG

PERUNTUKAN  
RM 83,000.00

MATLAMAT FIZIKAL  
14 Taman Eko-Rimba

PERBELANJAAN  
RM 82,800.00

PERATUS  
99.76%

KWPH

PERKHIMATAN  
PEMBERSIHAN TAMAN  
EKO-RIMBA NEGERI  
PERAK

PERUNTUKAN  
RM 885,055.00

MATLAMAT FIZIKAL  
14 Taman Eko-Rimba

PERBELANJAAN  
RM 883,594.33

PERATUS  
99.83%

KWPH

SISTEM AMARAN KEPALA  
AIR

PERUNTUKAN  
RM 10,000.00

MATLAMAT FIZIKAL  
8 Taman Eko-Rimba

PERBELANJAAN  
RM 6,450.00

PERATUS  
64.50%

PERUNTUKAN

**RM 1,538,055.00**

PERBELANJAAN

**RM 1,526,412.43**

PERATUS

**99.24%**

**KWPH**

**1.3.4 SUMBER BUKAN KAYU**

PEMBANGUNAN DAN  
PENYELENGGARAN  
TAMAN HERBA  
  
PERUNTUKAN  
RM 30,000.00  
  
MATLAMAT FIZIKAL  
1 Kawasan  
  
PERBELANJAAN  
RM 29,250.00  
  
PERATUS  
97.50%

**PERUNTUKAN**  
**RM 30,000.00**  
  
**PERBELANJAAN**  
**RM 29,250.00**  
  
**PERATUS**  
**97.50%**

**KWPH**

**1.3.5 INFRASTRUKTUR DAN  
KEMUDAHAN**

PENYELENGGARAN  
BANGUNAN PEJABAT  
/KUARTERS/  
DEWAN DAN STOR  
RAMPASAN  
  
PERUNTUKAN  
RM 465,000.00  
  
MATLAMAT FIZIKAL  
Pejabat Perhutanan  
Negeri & 5 Pejabat  
Hutan Daerah  
  
PERBELANJAAN  
RM 449,787.60  
  
PERATUS  
96.73%

**PERUNTUKAN**  
**RM 465,000.00**  
  
**PERBELANJAAN**  
**RM 449,787.60**  
  
**PERATUS**  
**96.73%**

**KWPH**

**1.3.6 PEMBANGUNAN  
LADANG HUTAN**

PEMBANGUNAN DAN  
PENYELENGGARAN  
PROJEK PERAK  
OXYGEN LAND BANK  
  
PERUNTUKAN  
RM 100,000.00  
  
MATLAMAT FIZIKAL  
Penyelenggaran  
dan Rawatan  
  
PERBELANJAAN  
RM 99,832.80  
  
PERATUS  
99.83%

**PERUNTUKAN**  
**RM 100,000.00**  
  
**PERBELANJAAN**  
**RM 99,832.80**  
  
**PERATUS**  
**99.83%**

### 1.3.7 PUBLISITI, LATIHAN DAN PEMGEMBANGAN

KWPH

RISALAH PERHUTANAN,  
LAIN-LAIN PENERBITAN, &  
CETAKAN/HEBAHAN &  
PROMOSI

PERUNTUKAN  
RM 117,000.00

MATLAMAT FIZIKAL  
Penerbitan, Billboard & Video Korporat

PERBELANJAAN  
RM 116,028.00

PERATUS  
99.17%

KWPH

PAMERAN, SEMINAR,  
LAWATAN KERJA, TINJAUAN  
EKO- PELANCONGAN DAN  
PROGRAM PERHUTANAN  
DI DALAM NEGARA/LUAR  
NEGARA/PERINGKAT  
ANTARABANGSA

PERUNTUKAN  
RM 170,000.00

MATLAMAT FIZIKAL  
12 Program

PERBELANJAAN  
RM 141,655.50

PERATUS  
83.33%

KWPH

PEMBELIAN PERALATAN  
DAN KELENGKAPAN  
KERJA LUAR

PERUNTUKAN  
RM 434,000.00

MATLAMAT FIZIKAL  
Pejabat Perhutanan  
Negeri & 5 Pejabat  
Hutan Daerah

PERBELANJAAN  
RM 423,888.00

PERATUS  
97.67%

KWPH

PEMBANGUNAN DAN  
PENAMBAIKAN ASPEK  
KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN PEKERJA

PERUNTUKAN  
RM 56,000.00

MATLAMAT FIZIKAL  
Peralatan dan  
Kelempangan KKP

PERBELANJAAN  
RM 55,463.30

PERATUS  
99.04%

**PERUNTUKAN  
RM 777,000.00**

**PERBELANJAAN  
RM 737,034.80**

**PERATUS  
94.86%**

KWPH

### 1.3.8 PENILAIAN DAN PEMANTAUAN SUMBER HUTAN

PROGRAM PEMERKASAAN  
OPERASI  
PENGUATKUASAAN  
JABATAN PERHUTANAN

PERUNTUKAN  
RM 20,000.00

MATLAMAT FIZIKAL  
1 Operasi Bersepadu

PERBELANJAAN  
RM 0.00

PERATUS  
0.00%

**PERUNTUKAN  
RM 20,000.00**

**PERBELANJAAN  
RM 0.00**

**PERATUS  
0.00 %**

**1.3.9 IT DAN K- PERHUTANAN**

**PERUNTUKAN  
RM 190,000.00**

**PERBELANJAAN  
RM 169,799.00**

**PERATUS  
89.37%**

**1.3.10 PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

**PERUNTUKAN  
RM 3,060,000.00**

**PERBELANJAAN  
RM 2,383,949.55**

**PERATUS  
77.91%**

## 1.4 PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN CENTRAL FOREST SPINE (P23)

**P23**

PENGURUSAN KAWASAN  
KORIDOR EKOLOGI  
CENTRAL FOREST SPINE  
(CFS)

PERUNTUKAN  
RM 508,000.00

MATLAMAT FIZIKAL  
1 Projek

PERBELANJAAN  
RM 507,993.00

PERATUS  
100%

### 1.4.1 PENGURUSAN SUMBER HUTAN

**PERUNTUKAN**  
**RM 508,000.00**

**PERBELANJAAN**  
**1 Projek**

**PERATUS**  
**100%**

### 1.4.2 PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN ASLI

**P23**

RESTORASI, TEBUS  
GUNA DAN PEMULIHAN  
KAWASAN HUTAN  
TEROSOT DI  
SEMENANJUNG MALAYSIA

PERUNTUKAN  
RM 50,000.00

MATLAMAT FIZIKAL  
1 Projek

PERBELANJAAN  
RM 49,940.00

PERATUS  
99.88%

**P23**

PROGRAM PENANAMAN  
POKOK BAKAU DAN  
SPESIES-SPESIES YANG  
SESUAI DI PESISIRAN  
PANTAI NEGARA

PERUNTUKAN  
RM 581,504.00

MATLAMAT FIZIKAL  
3 Projek

PERBELANJAAN  
RM 581,501.00

PERATUS  
100.00%

**P23**

PENANAMAN POKOK  
BAGI KEMEN  
PENANAMAN 100  
JUTA POKOK

PERUNTUKAN  
RM 1,750,000.00

MATLAMAT FIZIKAL  
100 Juta Pokok

PERBELANJAAN  
RM 1,749,967.15

PERATUS  
99.99%

**PERUNTUKAN**

**RM 2,381,504.00**

**PERBELANJAAN**

**RM 2,381,408.15**

**PERATUS**

**100%**

## 1.5 MENGURUS (B25)

### 1.5.1 PENGURUSAN SUMBER HUTAN

B25

IBU PEJABAT

PERUNTUKAN  
RM 3,409,179.79PERBELANJAAN  
RM 1,480,239.88BAKI PERUNTUKAN  
RM 1,928,939.91

B25

HULU PERAK

PERUNTUKAN  
RM 2,074,070.93PERBELANJAAN  
RM 2,006,827.17BAKI PERUNTUKAN  
RM 67,243.76

B25

LARUT MATANG  
& SELAMAPERUNTUKAN  
RM 2,395,789.79PERBELANJAAN  
RM 2,162,673.04BAKI PERUNTUKAN  
RM 233,116.75

B25

KUALA KANGSAR

PERUNTUKAN  
RM 1,397,526.36PERBELANJAAN  
RM 1,324,361.64BAKI PERUNTUKAN  
RM 73,164.72

B25

KINTA MANJUNG

PERUNTUKAN  
RM 1,981,182.47PERBELANJAAN  
RM 1,961,836.47BAKI PERUNTUKAN  
RM 19,346.00

B25

PERAK SELATAN

PERUNTUKAN  
RM 1,775,850.66PERBELANJAAN  
RM 1,730,316.08BAKI PERUNTUKAN  
RM 45,534.58PERUNTUKAN  
RM 37,128,300.00PERBELANJAAN  
RM 32,592,894.03PERATUS  
87.78%

**1.5.2 PENTADBIRAN AM & KEWANGAN****B25**

IBU PEJABAT

PERUNTUKAN  
RM 4,614,361.44PERBELANJAAN  
RM 4,364,626.56BAKI PERUNTUKAN  
RM 249,734.88**B25**

HULU PERAK

PERUNTUKAN  
RM 792,776.35PERBELANJAAN  
RM 690,932.76BAKI PERUNTUKAN  
RM 101,843.59**B25**LARUT MATANG  
& SELAMAPERUNTUKAN  
RM 665,811.24PERBELANJAAN  
RM 570,248.89BAKI PERUNTUKAN  
RM 95,562.35**B25**

KUALA KANGSAR

PERUNTUKAN  
RM 787,196.96PERBELANJAAN  
RM 756,206.12BAKI PERUNTUKAN  
RM 30,990.84**B25**

KINTA MANJUNG

PERUNTUKAN  
RM 1,135,227.93PERBELANJAAN  
RM 1,069,635.29BAKI PERUNTUKAN  
RM 65,592.64**B25**

PERAK SELATAN

PERUNTUKAN  
RM 684,426.08PERBELANJAAN  
RM 651,159.11BAKI PERUNTUKAN  
RM 33,266.97PERUNTUKAN  
RM 8,679,800.00PERBELANJAAN  
RM 8,102,808.73BAKI PERUNTUKAN  
RM 576,991.27

**1.5.3 PEMBANGUNAN****B25**

IBU PEJABAT

PERUNTUKAN  
RM 2,771,856.57PERBELANJAAN  
RM 1,692,683.70BAKI PERUNTUKAN  
RM 1,079,172.87**B25**

HULU PERAK

PERUNTUKAN  
RM 2,692,485.88PERBELANJAAN  
RM 2,670,938.04BAKI PERUNTUKAN  
RM 21,547.54**B25**LARUT MATANG  
& SELAMAPERUNTUKAN  
RM 3,001,646.92PERBELANJAAN  
RM 2,746,615.18BAKI PERUNTUKAN  
RM 255,031.74**B25**

KUALA KANGSAR

PERUNTUKAN  
RM 3,543,512.48PERBELANJAAN  
RM 3,426,808.81BAKI PERUNTUKAN  
RM 116,703.67**B25**

KINTA MANJUNG

PERUNTUKAN  
RM 1,969,800.59PERBELANJAAN  
RM 1,909,059.04BAKI PERUNTUKAN  
RM 60,741.55**B25**

PERAK SELATAN

PERUNTUKAN  
RM 1,435,597.86PERBELANJAAN  
RM 1,377,726.25BAKI PERUNTUKAN  
RM 57,871.61PERUNTUKAN  
RM 15,414,900.00PERBELANJAAN  
RM 13,823,831.02BAKI PERUNTUKAN  
RM 1,591,068.98**1.6 PENGURUSAN SUMBER HUTAN (B23)****B23**BIODIVERSITY  
PROTECTION AND  
PATROLLING  
PROGRAMMEPERUNTUKAN  
RM 64,200.00MATLAMAT FIZIKAL  
1 PROJEKPERBELANJAAN  
RM 63,090.48PERATUS  
98.27%**1.6.1 PENGURUSAN  
SUMBER HUTAN**PERUNTUKAN  
RM 64,200.00PERBELANJAAN  
RM 63,090.48PERATUS  
98.27%



**R**AILWAY  
IPOH

**IMBASAN**

# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

## UNIT PENTADBIRAN

Bagi tahun 2021, sebanyak tiga (3) kali Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) telah diadakan dengan jayanya seperti yang telah disasarkan pada setiap tahun. Audit dalaman iaitu Pengemaskinian Buku Perkhidmatan pada September dan Disember 2021 telah diadakan di peringkat Ibu Pejabat bagi memastikan ianya sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa. Selain itu, Unit Sumber Manusia turut mengawal selia perjawatan di Ibu Pejabat, Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan di daerah-daerah yang merangkumi 778 perjawatan dan pengisian sebanyak 665 perjawatan berdasarkan Surat Kelulusan Perjawatan Bil. N110 Tahun 2019, Bil. N114 Tahun 2019 dan Bil. N27/2020.

## UNIT KEWANGAN

Pada tahun 2021, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menerima peruntukan sebanyak RM 2,500,000.00 daripada Kerajaan Negeri untuk dibelanjakan bagi menguruskan dan menjalankan Projek-Projek Pembangunan Hutan bagi Peruntukan Pembangunan (P05). Sebanyak RM 2,433,524.00 atau 97.34% telah dibelanjakan pada tahun berkenaan. Bagi peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWH), sebanyak RM 9,255,000.00 telah diperuntukkan pada tahun 2021 dan perbelanjaan bagi KWH pada tahun 2021 adalah sebanyak RM 8,255,187.68 atau 89.20%. Peruntukan Persekutuan (P23) yang diterima daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pula adalah sebanyak RM 2,889,504.00 dan jabatan telah membelanjakan bagi projek-projek pembangunan hutan sebanyak RM 2,889,401.15 atau 99.99% daripada peruntukan yang diterima dan peruntukan B23 pula telah diterima sejumlah RM 64,200.00 dan telah dibelanjakan sebanyak RM 63,090.48 iaitu 98.27%. Bagi perbelanjaan mengurus (B25) pula, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah diperuntukkan sebanyak RM 37,128,300.00 pada tahun 2021 dan telah membelanjakan sebanyak RM 32,592,894.03 atau 87.78% daripada peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan urusan pentadbiran yang melibatkan 5 (lima) daerah serta ibu pejabat.

## UNIT HASIL

Pada tahun 2021, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menggunakan sepenuhnya Sistem Permohonan Aktiviti Eko-Pelancongan (ePermit) dan sistem tersebut telah berjaya mencapai matlamatnya iaitu membolehkan orang awam membuat bayaran secara atas talian (JomPay) dengan tanpa perlu lagi untuk hadir ke kaunter Pejabat Hutan Daerah. Justeru itu, ia telah mengoptimumkan sambutan orang awam dalam penggunaan sistem tersebut. Selain itu, pihak jabatan juga terus melebarkan sayap dalam penyediaan sistem dalam talian melalui pelaksanaan Terimaan Cashless Electronic sejar dengan saranan Kerajaan Negeri bagi memudahkan urusan perkhidmatan transaksi orang awam.

## UNIT IT

Norma kerja baharu akibat pandemik Covid-19, pelbagai mesyuarat atas talian telah diadakan di jabatan ini. Sering kali berlaku gangguan capaian internet semasa mesyuarat berlangsung disebabkan kelajuan dan kestabilan internet sedia ada di jabatan ini tidak mampu menampung penggunaan capaian internet yang tinggi. Justeru itu, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah melaksanakan penaiktarafan kepada kelajuan capaian internet jabatan. Selain itu, Jabatan juga membuat pembelian peralatan sidang video agar dapat memenuhi keperluan pelbagai mesyuarat secara atas talian bagi kegunaan pegawai-pegawai jabatan dan dapat juga memastikan mesyuarat atas talian dapat dijalankan dengan baik dan lancar.

Jabatan ini telah membangunkan Sistem *Perak Oxygen Land-Bank* (POLB) yang mana pembangunan Sistem ini adalah untuk mewujudkan satu sistem atas talian yang dapat memudahkan orang awam dan syarikat korporat mendaftar dan memberi sumbangan dalam Program POLB yang telah dilancarkan oleh Menteri Besar Perak pada tahun 2019. Pada masa sama, program ini juga bakal menyumbang kepada pertambahan hasil baharu Kerajaan Negeri Perak serta menggalakkan aktiviti pembelajaran dan penyelidikan berkaitan perhutanan.

Jabatan ini juga telah membuat pembelian server baru untuk menampung keperluan Sistem POLB, Sistem Pendaftaran Tukul Besi, dan sistem-sistem baru yang akan dibangunkan agar sistem-sistem dapat diakses dengan lancar dan pantas.

Dari segi Projek Peningkatan sistem GIS pada tahun 2021, pembelian dua (2) set komputer berspesifikasi tinggi untuk kegunaan Unit GIS dan Seksyen Silvikultur telah dilaksanakan yang bertujuan untuk membuat pemantauan aktiviti pencerobohan dan pembalakan haram serta membantu untuk memberikan gambaran komposisi hutan semasa melalui imbasan image daripada Sistem GIS.


Akhir sekali, Jabatan telah membuat pembelian Cordless Mic berserta Mic Stands, dan Tablet untuk memenuhi keperluan dan memastikan Program-Program Rasmi Jabatan dapat dijalankan dengan lancar.

## SEKSYEN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN HUTAN

Sumber Hutan Negeri Perak telah diurus dengan teliti dan sistematik bagi menjamin kelangsungan perolehan berkekalan dengan memelihara aspek ekologi, alam sekitar dan sumber biodiversiti. Bermula tahun 1996, pengemaskinian telah dilaksanakan dengan mempraktikkan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management, SFM*) disebabkan kadar permintaan pasaran. Melalui SFM, Hutan Simpanan Kekal (HSK) telah diurus melalui dua (2) giliran tebangan iaitu 55 tahun dan 30 tahun.

Namun begitu, kebanyakan kawasan HSK telah diurus melalui Sistem Pengurusan Memilih (Selective Management System, SMS) dengan pusingan tebangan selama 30 tahun. SMS melibatkan penetapan pemilihan regim pengurusan yang optimum iaitu melibatkan tebangan pokok dari kumpulan Dipterokarpa hanya dibenarkan dari saiz 50 cm dbh ke atas dan bagi jenis komersial lain hanya dibenarkan dari saiz 45 cm dbh ke atas.

Amalan Pengurusan Memilih membolehkan pengeluaran kayu-kayuan secara berkekalan dengan kos pembangunan yang minimum di samping mengoptimumkan penghasilan hutan. Had Batas Tebangan (HBT) akan ditentukan berdasarkan keputusan analisa Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F). Turutan operasi Sistem Pengurusan Memilih adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.



## PROGRAM PENGURUSAN SUMBER HUTAN

i) **Mencuci dan Menanda Sempadan Luar Hutan Simpanan Kekal (HSK)**

Projek ini dilaksanakan dengan tujuan memastikan kedudukan sebenar dan kejelasan sempadan HSK menerusi penandaan dan pembersihan sempadan yang dijalankan sekurang-kurangnya setiap lima (5) tahun sekali. Kedudukan sempadan yang jelas dan tepat dapat diurus dan dibangunkan secara berkekalan di samping mengelak berlakunya aktiviti pencerobohan hutan dan penerokaan secara haram. Program ini melibatkan komponen pengukuran dan menanda sempadan baharu, pembersihan sempadan lama HSK, menyediakan Pelan Ukur Sempadan HSK, pembelian dan pemasangan papan tanda HSK.

Pada tahun 2021, peruntukan asal sejumlah **RM 410,000.00** telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan Negeri (P05), kemudian peruntukan tersebut telah diselaraskan semula kepada **RM 356,884.00** dan telah dibelanjakan untuk menjalankan kerja-kerja mencuci dan menanda Sempadan Luar HSK sejauh 272km yang melibatkan **10 kawasan HSK**.

ii) **Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F)**

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) bertanggungjawab untuk merealisasikan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan untuk faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar. Bagi mencapai objektif tersebut, maklumat berkaitan kandungan isi hutan secara menyeluruh dan tepat seperti kedudukan stok, keadaan dan taburan pokok besar, kayu jaras, anak pokok serta anak benih amat diperlukan supaya aktiviti pengurusan yang berkekalan dan pengusahaan dapat dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Selain itu, melalui maklumat tersebut juga dapat membantu untuk penetapan HBT yang optimum dan tepat.

Pada tahun 2021, peruntukan asal sejumlah **RM 325,000.00** telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan Negeri (P05) yang mana peruntukan tersebut telah diselaraskan semula kepada **RM 302,747.70**. Daripada keseluruhan peruntukan yang diterima, seluas **2,485 hektar** telah berjaya dijalankan aktiviti Pre-F merangkumi **lapan (8) kompatmen HSK** di Negeri Perak. Bagi peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH), sejumlah **RM 375,000.00** telah diluluskan. Daripada keseluruhan peruntukan yang diterima, seluas **2,982 hektar** telah berjaya dijalankan aktiviti Pre-F yang merangkumi **lapan (8) kompatmen HSK** yang melibatkan perbelanjaan sebanyak **RM 371,284.50**.

iii) **Hutan Simpanan Hutan Dara (Virgin Jungle Forest Reserved - VJR)**

HSK di Negeri Perak telah diklasifikasikan mengikut fungsi hutan sepetimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 10 (1) Akta Perhutanan Negara 1984. Salah satu dari kelas fungsi berkenaan adalah Hutan Simpanan Hutan Dara (Virgin Jungle Forest Reserved – VJR). Maka, pelaksanaan projek ini adalah untuk menggambarkan jenis-jenis hutan yang terdapat di negeri Perak. Penubuhan VJR berfungsi untuk mengekalkan khazanah hutan secara semulajadi tanpa ancaman terhadapnya. Dengan adanya penubuhan VJR ini, ia merupakan salah satu usaha untuk memelihara habitat flora, fauna dan mikroorganisma yang sedia ada selain dapat menjamin kelangsungan sumber genetiknya. VJR juga berperanan sebagai kawasan penyelidikan perhutanan merangkumi segala isi hutan.

Pada tahun 2021, sebanyak RM 100,000.00 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan Negeri (P05), kemudian peruntukan tersebut telah diselaraskan semula kepada RM 76,333.00 bagi menjalankan kerja-kerja bancian dan mencuci sempadan kawasan VJR.

iv) **Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS)**

CFS merupakan kawasan yang telah dikenalpasti angan Fizikal Negara (RFN) 19, CFS diwujudkan bagi membentuk tulang belakang rangkaian Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) dan penyatuan kawasan fragmen hutan ini sangat penting dalam mewujudkan keseimbangan dan faedah di antara arus pembangunan dan aktiviti pemuliharaan. Kajian penyediaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi telah mengenalpasti sebanyak 37 rangkaian di seluruh Semenanjung Malaysia dan lapan (8) daripadanya terletak di Negeri Perak. Daripada keseluruhan lapan (8) rangkaian ini, lima (5) adalah merupakan Rangkaian Utama dan tiga (3) adalah Rangkaian Sekunder.

Pada tahun 2021, sebanyak RM 508,000.00 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan Persekutuan (P23) dan sebanyak RM 507,993.00 telah dibelanjakan.

## SEKSYEN SILVIKULTUR DAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI

Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi memainkan peranan dalam menyelaras pelaksanaan aktiviti pemeliharaan dan pemulihan kawasan hutan melalui pelaksanaan aktiviti rawatan silvikultur di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal. Pelaksanaan aktiviti tersebut diperlakukan bagi memastikan dirian hutan terpulih dan dipelihara. Selain aktiviti utama tersebut, Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi di JPNPK turut berperanan dalam merancang, melaksana dan memantau aktiviti di bawah Program Pembangunan Hutan Asli, Program Perhutanan Masyarakat, Projek Pembangunan Tapak Semaian serta Program Penanaman Pokok Bakau dan spesies-spesies yang sesuai di Pesisiran Pantai Negara.

### PROGRAM PEMBANGUNAN HUTAN ASLI

#### i) Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F)

Aktiviti ini merupakan aktiviti utama dalam amalan silvikultur. Inventori yang dijalankan dalam kawasan HSK dalam tempoh 2 – 5 tahun selepas aktiviti pengusahahasilan selesai adalah bertujuan untuk mengumpul maklumat yang tepat dan bererti mengenai kedudukan stok, kandungan, keadaan dan taburan semua pokok besar, kayu jaras, anak pokok dan anak benih supaya diketahui gambaran isi hutan yang sebenar serta mengumpul maklumat mengenai kewujudan akar/pepanjat dan bertam. Hasil analisa data keputusan inventori Post-F tersebut akan dapat menentukan keadaan semasa bagi hutan tersebut sekaligus menentukan jenis rawatan yang perlu diambil bagi memulihkan hutan tersebut kepada asal.

#### ii) Tanaman Mengaya

Aktiviti tanaman mengaya ialah suatu jenis rawatan silvikultur yang dilaksanakan ke atas kawasan miskin di dalam HSK bagi membantu meningkatkan kandungan hutan tersebut supaya mencapai tahap yang dikehendaki terutamanya dari segi komposisi jenis-jenis spesies berpasaran dan bermutu tinggi. Pelaksanaan rawatan ini adalah ditentukan melalui analisa data daripada keputusan inventori Post-F.

#### iii) Pemulihan Kawasan Terosot

Kawasan terosot adalah merujuk kepada suatu kawasan yang kosong atau kurang dirian pokok dalam HSK yang mana terjadi akibat daripada kejadian bencana alam seperti hakisan tanah atau kebakaran hutan. Ia juga boleh terjadi disebabkan oleh penerokaan haram secara berterusan. Oleh itu, seksyen ini mengambil inisiatif dengan menjalankan projek pemulihan kawasan ini melalui aktiviti penanaman pokok-pokok daripada spesies berpasaran dan bermutu tinggi.

#### iv) Tanaman dan Rawatan Bakau

Aktiviti ini adalah meliputi penanaman semula anak pokok bakau di kawasan Hutan Paya Laut yang telah diusahasil. Secara umumnya aktiviti ini dijalankan di Daerah Hutan Larut & Matang dan bertujuan untuk memulihkan serta mengayakan semula kawasan tersebut.

Jadual 2 : Program Pembangunan Hutan Asli bagi tahun 2021

PROJEK	PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)	PENCAPAIAN FIZIKAL (HEKTAR)
Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F)	RM 302,747.70	2,690
Tanaman mengaya	RM 859,943.00	220
Pemotong Akar/ Papanjat (CL)	-	-
Pemulihan Kawasan Terosot	RM 846,061.00	81
Tanaman dan Rawatan Bakau	RM 550,547.90	220



# PROGRAM PERHUTANAN MASYARAKAT

HUTAN SOSIAL DAN PEMBANGUNAN HUTAN

PENANAMAN 1 JUTA POKOK

## Hutan Sosial dan Pembangunan Hutan

Dalam merealisasikan segala perancangan dan pengurusan hutan di Negeri Perak, pihak jabatan sentiasa bekerjasama dengan lain-lain agensi bagi memastikan kepentingan pemeliharaan hutan diterapkan kepada semua pihak. Pihak jabatan melalui seksyen ini telah melancarkan Projek Hutan Sosial dan Pembangunan Hutan bagi melaksanakan aktiviti penanaman pokok. Projek ini telah diwujudkan semenjak tahun 2012 dengan nama asalnya Hutan Bandar dan telah diberi nafas baru dalam Rancangan Malaysia ke-11 kepada Projek Hutan Sosial dan Pembangunan Hutan.

Pada tahun 2021, sejumlah RM150,000.00 telah diperuntukkan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi melaksanakan aktiviti perhutanan sosial. Program ini diadakan dengan penglibatan daripada masyarakat setempat, pelajar sekolah dan universiti serta turut disertai oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO). Namun begitu atas sebab pandemik yang melanda Negara ini, peruntukan tersebut tidak dapat digunakan kerana peruntukan tersebut telah ditarik balik untuk kegunaan yang lebih mendesak di peringkat Negeri.

## Penanaman 100 Juta Pokok

Program Penanaman 100 Juta Pokok melalui Program Penghijauan Malaysia adalah merupakan program yang diwujudkan sempena program perintis penanaman 26 Juta Pokok yang telah dianjurkan oleh pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada tahun 2010 – 2014. Susulan daripada kejayaan program tersebut, Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah melancarkan “Kempen Tanaman 100 Juta Pokok” dengan sasaran tanaman dalam tempoh lima (5) tahun di seluruh Negeri Perak sebanyak 10 juta pokok seiring dengan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negeri Perak (RMK-12) di bawah Program ke-10 : Alam Sekitar dan Perhutanan untuk menanam 10 juta pokok dalam tempoh lima (5) tahun.

Program ini dilaksanakan menerusi pelbagai medium dan salah satunya adalah melalui pendekatan Corporate Social Responsibility (CSR) iaitu pengajuran Program Sosial Perhutanan yang melibatkan aktiviti penghijauan bersama masyarakat dan penduduk setempat, pelajar sekolah dan universiti serta agensi kerajaan dan swasta. Ini bukan sahaja membantu hasrat untuk mewujudkan suasana persekitaran semula jadi yang hijau, segar malah meningkatkan kesedaran bahawa menghijau dan memelihara alam sekitar adalah tanggungjawab semua pihak serta memupuk rasa cinta kepada hutan dan alam sekitar di kalangan rakyat Negeri Perak.

Sehingga Disember 2021, sejumlah 2,175,659 pokok telah berjaya ditanam di seluruh negeri Perak menjadikan jumlah keseluruhan tanaman bagi tempoh 2017 – 2021 sebanyak 10,445,973 pokok. Jumlah tersebut telah melebihi sasaran penanaman 5 juta pokok bagi tempoh lima (5) tahun sepertimana yang ditetapkan. Ini memberi gambaran jelas akan komitmen pihak jabatan bagi memulihara dan memelihara kehijauan bumi Perak.

Jadual 3 : Jumlah Tanaman pokok dari tahun 2016 – 2021

TAHUN	BILANGAN POKOK	LUAS (HEKTAR)
2016	2,027,704	2,285.40
2017	2,005,503	3,072.03
2018	3,021,248	6,782.85
2019	2,003,945	3,317.66
2020	1,239,618	4,613
2021	2,175,659	5,568.01
Jumlah Keseluruhan	10,445,973	18,740.55



## PEMBANGUNAN TAPAK SEMAIAN

Tapak semaian merupakan antara nadi utama bagi perjalanan sesebuah organisasi yang berperanan memelihara alam sekitar dan biodiversiti hutan. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menubuh dan menyelenggara tujuh (7) buah tapak semaian bagi menampung keperluan anak pokok untuk tanaman di kawasan selepas usahasila. Antara aktiviti yang dilaksanakan di tapak semaian adalah aktiviti pengutipan biji benih dan anak liar, menabung anak pokok dan menyemai biji benih serta kerja-kerja penyelenggaraan harian anak pokok. Berikut merupakan senarai tapak semaian aktif yang diselenggara oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak :

*Jadual 4 : Senarai Tapak Semaian di Jabatan Perhutanan Negeri Perak*

TAPAK SEMAIAN	TAHUN PENUBUHAN	KELUASAN	KAPASITI
Tapak Semaian Air Ganda, Gerik	1981	2.3	100,000
Tapak Semaian Ulu Piol, Manong	1952	7.0	60,000
Tapak Semaian Bukit Larut, Taiping	1993	1.0	35,000
Tapak Semaian Kuala Sepetang, Taiping	2010	0.02	8,000
Tapak Semaian Pusing, Batu Gajah	1993	0.2	50,000
Tapak Semaian Kampung Chang, Bidor	1980	0.77	30,000
Tapak Semaian Chikus, Bidor	1992	2.5	Telah diswastakan

## PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA

Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara merupakan program sambungan daripada Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-10:2011-2015) yang mana bertujuan untuk memantapkan usaha pemeliharaan pesisiran pantai bagi menjaga kesejahteraan rakyat tepi pantai serta mengekal dan meningkatkan kestabilan kawasan pesisir pantai daripada pukulan ombak kuat dan angin kencang serta ancaman kejadian tsunami.

Secara khususnya, pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk mencapai empat (4) objektif utama iaitu :-



Memulihara pesisiran pantai sebagai lindungan semulajadi bagi mengurangkan kemusnahan akibat kejadian alam dan hakisan tanah;




Mewujudkan zon penamparan bagi menahan kekuatan ombak dan angin kencang serta mencegah pencemaran alam sekitar;



Memuliharkan habitat pesisiran pantai yang menjadi koridor kepada kepelbagaiannya biologi serta memperkaya sumber hasil pantai; dan



Meningkatkan kualiti alam sekitar dan nilai estetika sebagai daya tarikan pelancong.



# PENGUATKUASAAN, SIASATAN DAN PERUNDANGAN

**PENCAPAIAN TAHUN 2021:** Tahun 2021 menyaksikan pelbagai usaha daripada Seksyen Penguatkuasaan Hutan, Penguatkuasaan (Siasatan) dan Perundangan dalam memperkasakan bidang penguatkuasaan hutan di Negeri Perak. Seksyen ini terus melangkah dalam memperkuatkukan lagi bidang penguatkuasaan di peringkat nasional. Pelbagai inisiatif dan pendekatan telah dilakukan bagi memastikan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak dikelaw selia dan diuruskan dengan sebaiknya.

## OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU

Pelaksanaan operasi penguatkuasaan bersepada melibatkan pelbagai agensi terus ditingkatkan di peringkat Jabatan Perhutanan Negeri Perak mahupun bersama agensi penguatkuasaan lain antaranya adalah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Negeri (JPN), Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNP), Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), pelbagai agensi kerajaan persekutuan dan negeri serta badan bukan kerajaan (NGO).

## KES KESALAHAN HUTAN (SIASATAN)

Bagi tahun 2021, sebanyak 78 kes kesalahan hutan berjaya dikesan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang meliputi pelbagai kesalahan hutan melalui peruntukan di bawah Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 dan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987. Pembukaan kertas siasatan (IP) telah dijalankan oleh Seksyen Penguatkuasaan (Siasatan) hasil daripada pengesanan kes ini. Daripada jumlah kes kesalahan hutan pada tahun 2021, sebanyak lima (5) kes telah diambil tindakan pendakwaan di mahkamah melalui Seksyen Perundangan. Antara kes kesalahan hutan yang didakwa di mahkamah adalah kes tangkapan di bawah kesalahan Memasuki hutan simpan dan mengambil hasil hutan tanpa kebenaran di bawah Subseksyen 15(1) & 47(1), Memiliki/membawa hasil hutan tanpa kebenaran di bawah Subseksyen 68(2) dan Memiliki, menjaga atau mengawal hasil kecil hutan tanpa kebenaran di bawah Subseksyen 84(1) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985. Kes ini telah disebut di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar dan Mahkamah Sesyen Teluk Intan. Semua kes pertuduhan ini, tertuduh telah mengaku bersalah dan dikenakan hukuman denda.

Operasi penguatkuasaan secara bersepada ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanannya dalam aspek penguatkuasaan bagi membanteras sebarang bentuk jenayah alam sekitar yang meliputi pencerobohan HSK dan pemburuan haram yang melibatkan hasil hutan dan hidupan liar di seluruh Semenanjung Malaysia. Untuk rekod, antara operasi yang telah dijalankan dan disertai oleh Seksyen Penguatkuasaan Hutan Jabatan Perhutanan Negeri Perak dengan kerjasama kakitangan daerah dan agensi penguatkuasaan yang lain pada tahun 2021 adalah seperti berikut :

BIL	NAMA	TARIKH	DAERAH	AGENSI TERLIBAT
1.	Ops Semakan Kuari	19 Januari 2021	Kinta/ Manjung	JPNPK, JAS, JMG
2.	Ops Oren	9-12 Februari 2021	Semua PHD	JPNPK, PDRM, ATM, RELA, APM, TLDM
3.	Operasi dan Pemantauan Secara Bersepada Bersama JAS	23-24 Februari 2021	Kuala Kangsar	JPNPK, JAS, JMG, JAKOA, JPS
4.	Operasi dan Pemantauan Secara Bersepada Bersama JAS	25-26 Februari 2021	Hulu Perak & Perak Selatan	JPNPK, JAS, JMG, JAKOA, JPS
5.	Ops Burasak	4-7 Mei 2021	Semua PHD	JPNPK, PDRM, ATM, RELA
6.	Ops Kilang PKP 3.0	4 Jun 2021	Kuala Kangsar	JPNPK, PHDKK, PDRM
7.	Operasi Bersepada Semakan Aduan HS Bubu	5 Oktober 2021	Larut & Matang	PHDLM,PDT (LMS), ADUN Trong, PDRM, MPT JAS, Pejabat Penghulu (Mukim Kg. Gajah)
8.	Operasi Bersepada Khazanah Siri 1-11	Januari - November 2021	Zon Utara	JPNPK, PERHILITAN, PGA
9.	Ops Sekatan Jalan Raya (SJR) Sg. Lebey (tetap)	Januari - Disember 2021	Hulu Perak	JPNPK, PDRM, Kastam, PERHILITAN, PTNP, ATM, RELA



## PERUNDANGAN

Pada tahun 2021, sebanyak lima (5) kes kertas siasatan telah dibawa ke mahkamah bagi tujuan pendakwaan. Berikut merupakan maklumat ringkas bagi kes-kes kesalahan hutan yang dituduh di mahkamah bagi tahun 2021:

BIL	LOKASI	JENIS KESALAHAN	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	STATUS
1.	Kompt.37, Hutan Simpan Pulau Sangga Besar	Memasuki hutan simpan dan mengambil hasil hutan tanpa kebenaran	Subseksyen 15 (1) dan 47 (1) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985	<p>Kedua-dua OKT mengaku salah atas dua (2) pertuduhan pada 10.02.2021 di Mahkamah Seksyen Taiping.</p> <p>OKT 1: Pertuduhan 1: Dikenakan denda sebanyak RM10,000.00 dan penjara dua belas (12) bulan dari tarikh tangkapan; sekiranya gagal membayar denda, tambahan penjara dua belas (12) bulan.</p> <p>Pertuduhan 2: Dikenakan denda sebanyak RM500.00, atau sekiranya gagal membayar denda, penjara enam (6) bulan.</p> <p>OKT 2: Pertuduhan 1: Dikenakan denda sebanyak RM10,000.00 dan penjara dua belas (12) bulan dari tarikh tangkapan; sekiranya gagal membayar denda, tambahan penjara dua belas (12) bulan.</p> <p>Pertuduhan 2: Dikenakan denda sebanyak RM500.00, atau sekiranya gagal membayar denda, penjara enam (6) bulan.</p>
2.	Jalanraya Gerik /Kuala Kangsar	Memiliki dan membawa hasil hutan tanpa kebenaran	Subseksyen 68(2) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985	<p>OKT mengaku salah di Mahkamah Seksyen Kuala Kangsar pada 03.03.2021 dan dikenakan denda sebanyak RM6,000.00; atau sekiranya gagal membayar denda, penjara enam (6) bulan.</p> <p>Barang kes: Kayu dilucut hak kepada Jabatan Perhutanan Negeri Perak manakala lori dipulangkan kepada pemilik.</p>
3.	SJR Jalan besar Behrang/Selisek, Perak Selatan	Memiliki dan membawa hasil hutan tanpa kebenaran	Subseksyen 68(2) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985	<p>OKT mengaku salah di Mahkamah Seksyen Teluk Intan pada 05.03.2021 dan dikenakan denda sebanyak RM3,000.00; atau sekiranya gagal membayar denda, penjara dua (2) bulan.</p> <p>Barang Kes: Kayu dilucut hak kepada Jabatan Perhutanan Negeri Perak manakala lori dipulangkan kepada pemilik.</p>
4.	KM 3, SJR Padang Tamat, Pengkalan Hulu, Daerah Hulu Perak	Memiliki dan membawa hasil hutan tanpa kebenaran	Subseksyen 68(2) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985	<p>OKT mengaku salah di Mahkamah Seksyen Kuala Kangsar pada 06.04.2021 dan dikenakan denda sebanyak RM4,000.00; atau sekiranya gagal membayar denda, penjara empat (4) bulan.</p> <p>Barang Kes: Lori dan kayu dipulangkan kepada pemilik.</p>
5.	Hutan Simpan Belum, Daerah Hulu Perak	Memiliki hasil hutan tanpa kebenaran	Subseksyen 84(1) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985	<p>OKT mengaku salah di Mahkamah Seksyen Kuala Kangsar pada 20.05.2021 dan dikenakan penjara empat (4) tahun dari tarikh tangkapan.</p> <p>Barang Kes: Kayu karas dan lapan (8) unit pahat dilucut hak kepada Jabatan Perhutanan Negeri Perak.</p>

## SEKSYEN PERINDUSTRIAN DAN PENGUSAHASILAN HUTAN

### PENGUSAHASILAN HUTAN

#### Pengusahasilan Hutan Darat

Catuan Tebangan Tahunan (CTT) Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) telah diluluskan oleh mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) Ke-77 sebagaimana Jadual 1. Keluasan hutan darat mengikut jenis tanah yang telah dilesenkan pada tahun 2021 adalah sebagaimana ditunjukkan di Jadual 2:-

*Jadual 1: Pelarasan Semula Catuan Tebangan Tahunan (CTT) Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak*

TAHUN	CCT DILULUSKAN (Ha)
2021	6,600
2022	6,600
2023	6,600
2024	6,600
2025	6,600
<b>Jumlah</b>	<b>33,000</b>

*Jadual 2: Pengusahasilan Hutan Darat Mengikut Jenis Tanah Hutan Bagi Tahun 2021*

HUTAN SIMPAN KEKAL (HSK)				Jumlah	Tanah Kerajaan (ha)	Tanah Bermilik (ha)	Jumlah Kawasan Dilesenkan Untuk Pengusahasilan (ha)				
Catuan Tebangan Tahunan (CTT)		Pembangunan (ha)									
Diluluskan (ha)	Diusahaikan (ha)	Ladang Hutan	Lain-lain								
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)=(b+c+d)	(f)	(f)	(h)=(e+f+g)				
6,600	5,257	369	0	5,626	270	550.33	6,466.33				

#### Pengusahasilan Hutan Paya Laut

Pengusahasilan Hutan Paya Laut Matang adalah berpandukan kepada Rancangan Kerja Hutan Paya Laut Matang (RKHPLM) 2020 - 2024. Pengusahasilan Hutan Paya Laut Matang terdiri daripada dua (2) kategori iaitu Kup Arang Kayu (KAK) dan Kup Kayu Jaras (KKJ). Di bawah RKHPLM 2020 -2024 seluas 97,961.6 hektar setahun kawasan Hutan Paya Laut Matang diperuntukkan untuk 121 pengusaha KAK. Manakala seluas 1,694.0 hektar setahun kawasan Hutan Paya Laut Matang bagi 77 pengusaha KKJ. Maklumat lesen pengusahasilan KAK Tahun 2021 sebagaimana di Jadual 3 dan maklumat pengusahasilan KKJ Tahun 2021 di Jadual 4;

*Jadual 3: Maklumat Lesen Pengusahasilan Hutan Paya Laut Matang bagi Kup Arang Kayu (KAK) Mengikut Suku Tahun 2021*

Suku Tahun	Bilangan Lesen	Keluasan (ha)
PERTAMA	33	220
KEDUA	12	83.2
KETIGA	18	118.8
KEEMPAT	39	257.4
<b>Jumlah</b>	<b>102</b>	<b>679.4</b>

*Jadual 4: Maklumat Lesen Pengusahasilan Hutan Paya Laut bagi Kup Kayu Jaras (KKJ) Mengikut Suku Tahun 2021*

Suku Tahun	Bilangan Lesen	Keluasan (ha)
PERTAMA	36	723
KEDUA	9	181
KETIGA	10	220
KEEMPAT	24	458
<b>Jumlah</b>	<b>79</b>	<b>1,582</b>

## INDUSTRI BERASAS KAYU (IBK)

### Bilangan Kilang Dalam Industri Berasas Kayu

Sebanyak 527 buah kilang telah dilesenkan di bawah Industri Berasas Kayu (IBK) di Negeri Perak Darul Ridzuan sehingga tahun 2021. Daripada jumlah tersebut sebanyak 493 buah kilang beroperasi manakala sebanyak 34 buah kilang tidak beroperasi. Pecahan bilangan kilang IBK negeri Perak mengikut daerah hutan sehingga tahun 2021 adalah seperti di Jadual 5.

*Jadual 5: Bilangan Kilang Industri Berasas Kayu Negeri Perak Mengikut Daerah Hutan Sehingga Tahun 2021*


JENIS LESEN	BILANGAN KILANG (BERDAFTAR) MENGIKUT DAERAH HUTAN															JUMLAH KESELURUHAN		
	KINTA / MANJUNG			LARUT & MATANG			PERAK SELATAN			KUALA KANGSAR			HULU PERAK					
	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi
Kilang Papan	52	43	9	11	9	2	16	14	2	17	15	2	12	8	4	108	89	19
Kilang Papan Lapis/ Vénir	6	5	1	0	0	0	3	2	1	1	1	0	3	1	2	13	9	4
Tenur Pengering	13	13	0	2	2	0	2	2	0	5	5	0	1	1	0	23	23	0
Loji Pengawet	19	19	0	1	1	0	2	2	0	3	3	0	2	2	0	27	27	0
Perabot/ Kerja Kayu	112	112	24	25	25	0	44	41	3	23	23	0	4	2	2	208	203	5
Kayu Kumai	3	3	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	1	1	0	5	5	0
Cebis Kayu	9	9	1	1	1	0	1	1	0	2	2	0	3	3	0	16	16	0
Tepung Kayu	0	0	0	0	0	0	0	0	0	4	4	0	0	0	0	4	4	0
Tanur Arang	0	0	0	78	78	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0	79	79	0
Kilang Buluh	0	0	2	0	0	0	1	5	4	0	0	1	1	0	1	6	4	4
Kilang Rotan	0	0	0	1	1	0	1	1	1	2	2	0	0	0	0	4	4	0
Lantai Parket	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0
Kotak Kayu, Pak & Pallet	12	12	0	1	1	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	14	14	0
Papan Blok/Bilah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0	1	1	0
Papan Serpih/ Serpai	2	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	2	0
Kayu Briket	0	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0
Kilang Mancis	0	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0
Penyulingan Kayu	1	1	0	0	0	0	1	5	4	0	0	1	1	0	1	1	1	0
Kilang Kayu Getah	4	4	0	1	1	0	0	0	0	5	4	1	8	8	0	18	17	1
JUMLAH	230	217	13	122	120	2	76	69	7	63	60	3	36	27	9	527	493	34

## Bilangan Kilang Dalam Industri Berasas Kayu

Pengeluaran kayu balak di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2021 adalah berjumlah 329,233.7 meterpadu ( $m^3$ ) yang terdiri dari kumpulan jenis Kayu Keras Berat (KKB), Kayu Keras Sederhana (KKS), Kayu Keras Ringan (KKR) dan Lain-Lain Jenis (LLJ) seperti ditunjukkan dalam Jadual 2 dan Carta 1.

Jadual 2: Pengeluaran Kayu Balak Tahun 2021

BIL	KUMPULAN JENIS KAYU	PENGELUARAN ( $m^3$ )	PERATUS (%)*
1	Kayu Keras Berat (KKB)	17,070.72	7
2	Kayu Keras Sederhana (KKS)	67,824.83	26
3	Kayu Keras Ringan (KKR)	175,281.84	67
4	Lain-Lain Jenis (LLJ)	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>260,177.39</b>	<b>100</b>



Carta 1: Peratus Pengeluaran Mengikut Jenis Kayu Balak Tahun 2021

## Penggunaan Kayu Balak dan Kayu Gergaji oleh Industri Berasas Kayu

Penggunaan (kemasukan) kayu balak oleh Kilang Papan adalah 133,935.50 meterpadu ( $m^3$ ), dengan pengeluaran 94,930.31 meterpadu ( $m^3$ ) (71%), Penggunaan (kemasukan) kayu balak oleh Kilang Papan Lapis/Venir adalah 69,855.91 meterpadu dengan pengeluaran 17,917.21 meterpadu ( $m^3$ ) (26%), manakala penggunaan (kemasukan) kayu gergaji ke Kilang Kayu Kumai adalah 2,654.33 meterpadu ( $m^3$ ) dengan pengeluaran 2,532.38 meterpadu ( $m^3$ ) (95%). Keterangan lanjut mengenai perkara ini adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Penggunaan Kayu Balak dan Kayu Gergaji oleh Industri Berasas Kayu Terpilih dan Pengeluaran Tahun 2021

BIL	JENIS KILANG	PENGUNAAN ( $m^3$ )	PENGELUARAN ( $m^3$ )	PERATUS (%)*
1.	Kilang Papan	133,935.50	94,930.31	71
2.	Kilang Papan Lapis/Venir	69,855.91	17,917.21	26
3.	Kilang Kayu Kumai	2,654.33	2,532.38	95
<b>JUMLAH</b>		<b>206,445.74</b>	<b>115,379.90</b>	<b>56</b>

\*Pengeluaran Berbanding Penggunaan

## Gunatenaga dalam Industri Berasas Kayu dan Industri Pengusahasilan

Bilangan pekerja diupah dalam Industri Berasas Kayu dan Industri Pengusahasilan di negeri Perak Darul Ridzuan bagi Tahun 2021 adalah berjumlah 3,623 orang. Keterangan lanjut mengenai perkara ini seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Gunatenaga dalam Industri Berasas Kayu Terpilih di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2021

PENGUSAHASILAN Harvesting		KILANG PAPAN Sawmills				KILANG PAPAN LAPIS/VENIR Plywood/Veneer Mills				KILANG KAYU KUMAI Moulding Mills				JUMLAH BESAR Grand Total			
MALAYSIA		JUMLAH	MALAYSIA		JUMLAH	MALAYSIA		JUMLAH	MALAYSIA		JUMLAH	MALAYSIA		JUMLAH	MALAYSIA		JUMLAH
B	BB		BW	Total		B	BB		BW	Total		B	BB		BW	Total	
604	274	-	878	556	814	495	1865	45	126	311	428	98	113	187	398	1303	1327
																993	3623

### PETUNJUK :

B - Bumiputera

BB - Bukan Bumiputera

BW - Bukan Warga Malaysia

## SEKSYEN HUTAN LIPUR DAN EKO PELANCONGAN

### HUTAN LIPUR

Hutan lipur didefinisikan sebagai kawasan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang berfungsi sebagai kawasan yang sesuai bagi menjalankan aktiviti-aktiviti rekreasi seperti beristirehat, beriadah, bersukan, memelihara flora dan fauna, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan lain-lain. Peranan hutan lipur dalam menyediakan lokasi yang bersesuaian untuk aktiviti riadah dan istirehat dilihat semakin penting di negara ini ekoran kesedaran masyarakat terhadap kepentingan serta faedah alam semulajadi. Konsep hutan lipur masih mengekal dan menekankan kepada pendekatan holistic "Hutan Bukan Untuk Pengeluaran Kayu-kayan Semata-mata (Forest beyond Timbers)". Lantaran keperluan meneroka hasil baru selain kayu kayan, JPNPk telah mengambil pendekatan dan inisiatif dengan memperkasakan pengurusan hutan lipur dan telah diberi penjenamaan semula dan dikenali sebagai Taman Eko-Rimba (TER).

JPNPk merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab ke atas perancangan, pembangunan dan pengurusan TER di Negeri Perak. Sejak tahun 1979, sejumlah 14 kawasan yang berpotensi dan mempunyai tarikan dari segi eko pelancongan telah dibangunkan dan dijadikan sebagai TER di Negeri Perak. Tarikan ini secara tidak langsung telah menjadi suatu aktiviti pengembangan ekonomi yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan negeri di samping mampu untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat dari pelbagai sektor khususnya sektor makanan dan minuman, perhotelan, kraftangan, budaya setempat dan pelbagai sektor lain yang menjadi sumber tarikan di kawasan sekitar. Senarai TER yang telah dibangunkan oleh JPNPk adalah seperti manfaat di Jadual 1.

*Jadual 1: Senarai Taman Eko-Rimba, Jabatan Perhutanan Negeri Perak*

BIL	DAERAH	NAMA (TER)	TAHUN PENUBUHAN	KELUASAN PEMBANGUNAN (Ha)	LOKASI (HUTAN SIMPAN)
1.	Hulu Perak	Lata Kekabu	1990	6.19	Bintang Hijau
2.		Pulau Tali Kail	1997	0.67	Banding
3.	Kuala Kangsar	Ulu Kenas	1990	22.67	Bubu
4.	Perak Selatan	Lata Iskandar	1979	0.96	Bukit Tapah
5.		Kuala Woh	1983	6.17	
6.		Lata Kinjang	1989	2.32	
7.	Larut & Matang	Kaki Larut Matang	1979	0.96	Bukit Larut
8.		Pusat Eko-Pelajaran Paya Laut Matang	2004	13.95	Jebong
9.	Kinta/Manjung	Ulu Kinta	1987	9.22	Bukit Kinta
10.		Papan	1992	9.57	Kledang Saiong
11.		Kledang Saiong	2010	26.68	
12.		Pasir Panjang	1996	5.57	Segari Melintang
13.		Sungai Salu	1998	1.00	Bujang Melaka
14.		Ulu Licin	2006	14.15	Bubu

## SEKSYEN KEJURUTERAAN HUTAN

Program pembangunan infrastruktur yang dilaksanakan di bawah program ini bagi tahun 2021 adalah seperti berikut :

### **Naiktaraf Bangunan**

Pada tahun 2021, sebanyak RM 750,000.00 peruntukan diberi untuk kerja-kerja naiktaraf bangunan pejabat, kuarters, jeti dan stor rampasan bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Perbelanjaan yang telah digunakan untuk membiayai kerja-kerja naiktaraf tersebut adalah sebanyak RM 748,340.40 (99.78%).

### **Penyelenggaraan Bangunan**

Bagi tujuan penyelenggaraan bangunan, sebanyak RM 450,000.00 peruntukan telah diberi untuk menyelenggara bangunan pejabat, pejabat hutan daerah dan pejabat renjer hutan serta kuarters yang terlibat. Daripada peruntukan ini, sebanyak RM 449,960.60 (99.99%) telah dibelanjakan.

Bangunan pejabat, kuarters, jeti dan stor rampasan jabatan di setiap daerah merupakan aset tak alih jabatan yang perlu diselenggara dan dinaiktaraf bagi memastikan keadaan bangunan tersebut dalam keadaan baik. Selain daripada itu, keadaan bangunan yang selamat dan selesa diduduki boleh meningkatkan produktiviti serta prestasi kerja kakitangan jabatan.

### **Pembinaan Baharu Bangunan**

Di dalam rancangan pembangunan bagi tahun 2021, Pejabat Kewangan Negeri telah meluluskan dua (2) projek pembinaan baru iaitu Membina Baru Sebuah Bangunan Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak dan Membina Baru Kompleks Latihan Perhutanan Sungai Siput. Kedua-dua projek ini dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

### **Pembinaan Dan Penyelenggaraan Jalan Hutan**

Pembinaan dan penyelenggaraan jalan hutan merupakan salah satu aspek di dalam pengurusan hutan secara mampan yang perlu dititikberatkan bagi mengurangkan risiko kerosakan hutan. Sebanyak RM 70,000.00 telah diperuntukkan bagi tahun 2021 dan daripada jumlah ini, sebanyak RM 57,695.00 (82.42%) telah dibelanjakan manakala bakinya telah ditarik balik untuk keperluan lain.

### **Pembelian Dan Penyelenggaraan Kenderaan**

Seksyen ini telah menerima peruntukan sebanyak RM 1,000,000.00 untuk kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan. RM 554,671.41 telah ditarik balik pada suku tahun kedua manakala baki RM 445,328.59 telah dibelanjakan sepenuhnya.

Bagi suku tahun ketiga dan keempat, Seksyen ini telah diarah untuk menggunakan Peruntukan Mengurus untuk tujuan penyelenggaraan kenderaan dengan jumlah RM 162,599.97.

Tiada pembelian kenderaan dilaksanakan bagi tahun 2021.


## SEKSYEN LADANG HUTAN DAN INOVASI

### Projek Pembangunan Ladang Hutan

Projek Pembangunan Ladang Hutan adalah satu projek yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dalam Zon Pembangunan Ladang Hutan (ZPLH) untuk tujuan komersial. Tujuan utama pembangunan ladang hutan adalah seperti berikut:

- Mengantikkan kawasan hutan miskin bagi meningkatkan daya pengeluaran kawasan tersebut;
- Mengurangkan import kayu-kayan;
- Menghijaukan alam sekitar dan meningkatkan kualitinya;
- Mengurangkan tekanan ke atas hutan asli sebagai sumber bahan mentah; dan
- Memastikan ketersediaan berterusan bagi industri kayu tempatan dan eksport.

Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan telah meluluskan sebanyak 10 spesies yang sesuai ditanam dalam ZPLH di HSK di Negeri Perak Darul Ridzuan seperti Rajah 1.



Rajah 1 : Spesies Tanaman Ladang Hutan yang Diluluskan oleh Kerajaan Negeri Perak

Projek ini diusahakan oleh syarikat-syarikat yang telah diberikan kelulusan Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dalam tempoh masa yang panjang. Setiap aktiviti bagi Projek Pembangunan Ladang Hutan dipantau agar mematuhi Akta Perhutanan Negara 1984, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Kaedah-Kaedah Hutan 1988, Peraturan-Peraturan Hutan dan dasar-dasar perhutanan serta pindaan-pindaan semasa.

### Petak Percubaan Ladang Hutan

Seksyen Ladang Hutan dan Inovasi juga telah menubuhkan petak tanaman ladang hutan yang terdiri dari pelbagai spesies hutan terpilih di beberapa kawasan hutan terosot/miskin. Matlamat petak ini adalah mewujudkan petak percubaan (demonstrasi) bagi spesies hutan dengan tujuan penyelidikan dan petak contoh. Antara spesies tersebut adalah seperti tanaman Pinus, Yamane, Getah, Karas, Jati, Sentong, Meranti Temak Nipis, Meranti Tembaga dan Meranti Sarang Punai serta hutan tani (agroforestry). Bagi penyelenggaraan petak tanaman ini, ianya dilaksanakan secara jabatan dan sesetengah daripadanya secara kontrak. Pokok yang telah matang seperti getah, pihak jabatan akan mengeluarkan lesen kecil bagi pengeluaran hasil bukan kayu iaitu lateks/susu getah.

Bagi mendapatkan data tumbesaran spesies pokok hutan pula, sebanyak 100 pokok akan dijadikan sebagai Petak Contoh Kekal (PCK) dimana bincian akan dilaksanakan setiap tahun dan data tersebut akan dikumpul untuk dilaporkan ke Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) melalui sistem e-PCK. Antara petak tanaman tersebut adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1. Petak Tanaman Ladang Hutan secara Jabatan

BIL	HUTAN SIMPAN	DAERAH HUTAN	SPESIES	TAHUN PENUBUHAN
1.	Bukit Tapah	Perak Selatan	<i>Pinus caribea</i>	1969
2.	Bukit Tapah	Perak Selatan	<i>Shorea leprosula</i>	1997
3.	Chikus	Perak Selatan	<i>Neobalanocarpus heimii</i>	1994
4.	Chikus	Perak Selatan	<i>Hevea brasiliensis</i>	2009
5.	Chikus	Perak Selatan	<i>Shorea roxburghii</i>	2012
6.	Chikus	Perak Selatan	<i>Droyabalanops aromatica</i>	2012
7.	Bintang Hijau	Kuala Kangsar	<i>Yamane</i>	1960
8.	Bintang Hijau	Hulu Perak	<i>Tectona grandis</i>	1983
9.	Bukit Naga	Larut dan Matang	<i>Azadirachta excelsa</i>	1987
10.	Bubu	Kinta/Manjung	<i>Aquilaia malaccensis</i>	2009

Pada tahun 2021, peruntukan telah diterima sejumlah RM 100,000.00 untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf projek POLB di Hutan Simpan Chikus, Daerah Hutan Perak Selatan. Perbelanjaan yang telah digunakan untuk membayai kerja-kerja tersebut adalah RM 99,832.80 (99.8%).

## Petak Fenologi

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menubuhkan beberapa petak fenologi di HSK Negeri Perak bagi tujuan memerhati perubahan pada pokok dan menentukan masa yang sesuai untuk membuat kutipan biji benih. Justeru itu, seksyen ini bertanggungjawab membuat pemantauan berkala sebulan sekali dan maklumat pemerhatian fenologi yang diperolehi akan dilaporkan melalui *Electronic Forest Genetic Resources System* (e-FORGRIS) mengikut kod yang telah ditetapkan.

## Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman

Seksyen ini bertanggungjawab untuk merancang, mengatur dan memantau kelengkapan peralatan serta aktiviti pengutipan biji benih dan bahan tanaman pokok hutan di seluruh negeri Perak. Aktiviti perolehan biji benih ini adalah menggunakan kaedah **single and double rope technique** yang telah dibekalkan oleh JPSM dan Jabatan ini.

Aktiviti perolehan biji benih adalah terbuka kepada semua warga kerja Jabatan ini yang berminat dan akan diberi latihan asas berkaitan peralatan serta kaedah ikatan. Selanjutnya, kakitangan yang terpilih akan diberikan latihan lanjutan bagi memberi kemahiran dan keyakinan terutamanya kepada pemanjat yang akan berkerja di atas dahan pokok.

Selain aktiviti memanjat untuk mendapatkan biji benih, pasukan ini turut diberi tanggungjawab untuk mengadakan demonstrasi perolehan biji benih serta pameran peralatan dan kelengkapan memanjat untuk program rasmi.

Sehingga Disember 2021 sejumlah **316.2kg** biji benih telah berjaya dikutip dan telah diedarkan ke tapak semaihan daerah hutan untuk tujuan semaihan. Rekod kutipan biji benih dan bahan tanaman (anak pokok) yang telah dikutip adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2: Rekod Kutipan Biji Benih Bagi Tahun 2021**

BIL	HUTAN SIMPAN	DAERAH HUTAN	SPESIS	JUMLAH KUTIPAN (KG)
1.	Tanah Milik	Perak Selatan	Keruing bulu	29.0
2.	Chikus	Perak Selatan	Meranti temak nipis	62.7
3.	Papulut	Hulu Perak	Meranti temak nipis	10.0
4.	Temengor	Hulu Perak	Giam lintah bukit	4.0
5.	Kledang Saiong	Kinta/Manjung	Merawan sifup jantan	12.0
6.	Bubu	Kinta/Manjung	Meranti batu	36.0
7.	Bubu	Kinta/Manjung	Meranti pa'ang	41.0
8.	Bubu	Kinta/Manjung	Meranti melantai	47.0
9.	Bubu	Kinta/Manjung	Meranti nemesu	11.0
10.	Bubu	Kinta/Manjung	Meranti tembaga	8.5
11.	Chikus	Perak Selatan	Meranti kepong	20.0
12.	Chikus	Perak Selatan	Meranti sarang punai	30.0
13.	Chikus	Perak Selatan	Meranti tembaga	5.0
JUMLAH KESELURUHAN				316.20

## Pasukan Semut Merah

Pasukan Semut Merah telah ditubuhkan sejak tahun 2008 dan bertanggungjawab mengenalpasti dan memantau kawasan Titik Panas (Hotspot) di HSK Negeri Perak melalui *Fire Information for Resources Management System* (FIRMS) yang disalurkan oleh JPSM dan Jabatan Meteorologi Malaysia. Selain itu, pasukan ini juga bertanggungjawab membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam melaksanakan operasi pemadamuan dan pencegahan kebakaran hutan dengan bantuan kakitangan Pejabat Hutan Daerah.

Sepanjang tahun 2021, beberapa operasi pemadamuan dan pencegahan kebakaran hutan telah dilaksanakan. Laporan kebakaran hutan di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2021 adalah seperti di Jadual 3.

**Jadual 3: Laporan Kebakaran Hutan di Negeri Perak Darul Ridzuan Bagi Tahun 2021**

BIL	TARIKH	LOKASI	KELUASAN (Ha)	PUNCA KEBAKARAN
1.	19.1.2021	Sbhg. Kompt 21 & 22. Hutan Simpan Gunong Besout	0.1	Tidak dapat dipastikan
2.	9.2.2021	Sbhg. Kompt 61. Hutan Simpan Bukit Slim	0.81	Pembakaran terbuka untuk tujuan pertanian oleh Orang Asli
3.	15.2.2021	Sbhg. Kompt 9 & 10. Hutan Simpan Bubu	2.0	Tidak dapat dipastikan
4.	22.2.2021	Sbhg Kompt 110. Hutan Simpan Piah	2.0	Pembakaran terbuka untuk tujuan pertanian oleh Orang Asli
5.	25.2.2021	Sbhg Kompt 56. Hutan Simpan Korbu	0.5	Pembakaran terbuka untuk tujuan pertanian oleh Orang Asli
6.	26.2.2021	Tanah Milik Kinta/Manjung	12.0	Pembakaran terbuka untuk tujuan pertanian
7.	28.2.2021	Sbhg. Kompt 55. Hutan Simpan Bukit Slim	2.1	Pembakaran terbuka untuk tujuan pertanian oleh Orang Asli
8.	10.3.2021	Sbhg. Kompt 170 & 171. Hutan Simpan Bintang Hijau. Larut dan Matang	2.1	Pembakaran terbuka untuk tujuan pertanian
9.	16.3.2021	Sbhg. Kompt 129. Hutan Simpan Korbu	2.0	Pembakaran terbuka untuk tujuan pertanian oleh Orang Asli
10.	26.3.2021	Sbhg. Kompt 116,148 &149. Hutan Simpan Korbu	15.0	Pembakaran terbuka untuk tujuan pertanian oleh Orang Asli
11.	4.4.2021	Tanah Milik Kuala Kangsar	2.0	Pembakaran terbuka untuk tujuan pertanian oleh Orang Kampung
12.	12.4.2021	Sbhg. Kompt 372. Hutan Simpan Banding	1.21	Pembakaran terbuka untuk tujuan pertanian oleh Orang Asli
13.	24.5.2021	Sbhg. Kompt 62. Hutan Simpan Bukit Slim	2.0	Pembakaran terbuka untuk tujuan pertanian oleh Orang Asli
14.	17.7.2021	Tanah Kerajaan. Kuala Kangsar	0.40	Aktiviti Penduduk setempat atau pemburu haram
15.	22.7.2021	Pulau Tanah Kerajaan. Tasik Temenggor	10.0	Pembakaran terbuka untuk tujuan pertanian oleh Orang Asli
16.	25.7.2021	Sbhg. Kompt 193. Hutan Simpan Piah	0.4	Tidak dapat dipastikan
17.	29.7.2021	Tanah Kerajaan. Batang Padang	1.0	Tidak dapat dipastikan
18.	10.8.2021	Sbhg. Kompt 94. Hutan Simpan Piah	2.0	Pembakaran terbuka untuk tujuan pertanian oleh Orang Asli
19.	14.10.2021	Sbhg. Kompt 63. Hutan Simpan Bukit Tapah	0.15	Aktiviti pembakaran oleh Orang Asli
JUMLAH KESELURUHAN				57.77

## Perak Oxygen Land Bank

Kerajaan Negeri Perak melalui JPNPK telah memperkenalkan program pokok angkat melalui *Perak Oxygen-Land Bank* (POLB) bagi merealisasikan konsep 'Forest Beyond Timber' serta meningkatkan kualiti dirian hutan. Program ini merupakan salah satu inisiatif pihak Jabatan bagi merealisasikan komitmen kerajaan dalam mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara sebagai kawasan berhutan dan dilitupi pokok.


Program pokok angkat ini diberi nama POLB kerana ia dapat menghasilkan lebih banyak oksigen melalui aktiviti menanam pokok baharu atau mengambil pokok sediada sebagai pokok angkat iaitu Meranti Tembaga (*Shorea leprosula*), Meranti Sarang Punai (*Shorea parvifolia*) dan Chengal (*Neobalanocarpus heimii*) dengan dikenakan bayaran tertentu. Bayaran tersebut akan digunakan untuk memelihara dan memulihara alam sekitar di negeri Perak. Sejak POLB dilancarkan iaitu tahun 2019 sehingga hujung tahun 2021 sebanyak 32 syarikat yang telah

menyertai program ini. Pada tahun 2021, sebanyak enam (6) syarikat telah menyumbang kepada POLB berjumlah RM 87,000.00 dengan penglibatan penanaman pokok sebanyak 2,640 pokok.

## Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Seksyen ini turut bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan dan menyelia segala aktiviti yang mempunyai risiko melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bagi memastikan kakitangan dan orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktivitinya serta sentiasa berada dalam persekitaran kerja yang selamat dan sihat setakat yang mampu. Ini bagi memastikan ianya adalah selaras dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan JPNPK yang telah diwujudkan.

## CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



### Lantikan Ahli Silih Ganti (\*)

- |  |   |   |   |
|--|---|---|---|
| 1. WAKIL MAJIKAN (KEBAJIKAN)<br>Hanani binti Abdul Rahman    | 5. WAKIL MAJIKAN (KENDEREAAN)<br>Iwan Mohamad Faisal bin Hamidi | 9. WAKIL PEKERJA (KENDEREAAN)<br>Suhaimi bin Zainuddin                      | 13. WAKIL PEJABAT HUTAN DAERAH<br>PERAK SELATAN<br>Mis Maizura binti Amat Kaulan  |
| 2. WAKIL MAJIKAN (BANGUNAN)<br>Normaliza binti Muhammad Azmi | 6. WAKIL PEKERJA (BANGUNAN)<br>Rozana binti Baharudin           | 10. WAKIL PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA/MANJUNG<br>Khairulrizal bin Abu Kassim | 14. WAKIL PEJABAT HUTAN DAERAH<br>HULU PERAK<br>Muhammad Shahruh Anuar bin Hasani |
| 3. WAKIL MAJIKAN (LATIHAN)<br>Tinarossima binti Badiauzzaman | 7. WAKIL PEKERJA (KEBAJIKAN)<br>Nur Suhaila binti Rafin         | 11. WAKIL PEJABAT HUTAN DAERAH LARUT & MATANG<br>Hamzah bin Mohd Isa        |   |
| 4. WAKIL MAJIKAN (KEMALANGAN)<br>Surayati binti Mohd Azhari  | 8. WAKIL PEKERJA (KEMALANGAN)<br>Muhammad Khafadzi bin Zulkapli | 12. WAKIL PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR<br>Khairullah bin Abd Latif    |   |

\*Lantikan Ahli Silih Ganti perlu melantik kakitangan yang berkhidmat di Pejabat Perhutanan Negeri, Ipoh SAHAJA

## SEKSYEN HASIL BUKAN KAYU DAN LATIHAN

### Penyelenggaraan Taman Herba

Dua (2) projek penyelenggaraan taman herba telah dilaksanakan pada tahun 2021 iaitu Kerja-kerja Menaiktaraf Lanskap Halaman Herba Taman Eko-Rimba Ulu Kenas, Daerah Kuala Kangsar melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 19,250.00 dan sebanyak RM 10,000.00 dibelanjakan untuk Kerja-Kerja Membekal Tanda Nama Pokok (QR) di Lanskap Halaman Herba, Jabatan Perhutanan Negeri Perak & Laman Herba Desa di Taman Herba Papan, Daerah Kinta/Manjung. Jumlah perbelanjaan keseluruhan adalah sebanyak RM 29,250.00 (97.5%).

### Kursus & Latihan Perhutanan

Jabatan ini komited terhadap program pembangunan sumber manusia yang terancang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan terutamanya berkaitan skop perhutanan. Pada tahun 2021, hanya tujuh (7) kursus berjaya dilaksanakan ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sejumlah RM78,357.24 telah dibelanjakan untuk penganjuran kursus seperti di **Jadual 1** dan Taklimat seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 1: Senarai Kursus Yang Dilaksanakan Tahun 2021**

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA
1.	Kursus Pengecaman Pokok dan Dendrologi	16 – 18 Mac	TER Papan	37 peserta
2.	Kursus Pengurusan Balai Pemeriksaan Hutan & Sistem Akuan Hasil Hutan	23 - 25 Mac	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	36 peserta
3.	Kursus Asas (Spesifikasi dan Pembinaan) Garis Panduan Jalan Hutan	29 – 31 Mac	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	39 peserta
4.	Kursus Pengecaman Isi Kayu	6 – 8 April	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	41 peserta
5.	Webinar Program Khemah Kerja Memperkasakan Pengecaman Flora dan Tumbuhan Hutan JPNPK	27 – 29 Ogos	Atas Talian	250 peserta
6.	Program Khemah Kerja Memperkasakan Pengecaman Flora dan Tumbuhan Hutan JPNPK (Fasa II)	25 – 29 Okt	TER Ulu Kenas & TER Lata Kekabu	33 peserta
7.	Kursus Pembalakan Berimpak Rendah (RIL)	10 – 11 Nov	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	35 peserta

**Jadual 2: Senarai Taklimat Yang Dilaksanakan Tahun 2021**

BIL	TAKLIMAT	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA
1.	Taklimat Pensijilan Pengurusan Hutan Mengikut Standard MC&I (SFM) kepada Stakeholder FMU Perak	14 Sept	Atas Talian	136 peserta
2.	Webinar Pengurusan Ekosistem Hutan dan Konservasi di Negeri Perak	23 Sept	Atas Talian	286 peserta
3.	Training On Health Hazard For Class Regulation 2013	11 Nov	Bilik Mesyuarat 2	20 peserta

# **ARLENE HOUSE**

IPOH



## **ARTIKEL**

## **MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

**Disediakan oleh:**

Seksyen Silvikultur & Kepelbagaian Biologi, Jabatan Perhutanan Negeri Perak



**IPOH, 5 JANUARI 2021**

**Gambar 3:** YB Encik Mohd Akmal bin Kamaruddin, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi bersama YB Dato' Ahmad Saudi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak urut sama menghadiri Majlis Pelancaran Program Penghijauan Malaysia

Satu Majlis Pelancaran Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan telah diadakan pada 5 Januari 2021 dan telah dirasmikan oleh YAB Dato' Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan di Taman Eko-Rimba Kledang Saiong, Ipoh, Perak.

YAB Menteri telah disambut oleh YB Encik Mohd Akmal bin Kamarudin, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Pengarah Perhutanan Negeri Perak dan barisan Pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Majlis Pelancaran Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan ini diadakan secara serentak di seluruh Negara melalui pelancaran secara hybrid sebagai tanda sokongan ke atas usaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dalam matlamat Penghijauan Malaysia bagi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Majlis Pelancaran ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk mencintai terhadap alam sekitar dan seterusnya memastikan kelangsungan peranan serta sumbangannya kepada kesejahteraan masyarakat sejagat.

Seramai 150 jemputan telah menghadiri majlis ini dan YAB Menteri Besar turut melaksanakan acara menanam Pokok Merbau serta melawat di sekitar kawasan Taman Eko-Rimba Kledang Saiong.



**Gambar 2 :** Penanaman Pokok Merbau oleh YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

## MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



**Gambar 1:** YAB Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Pengarah Perhutanan Negeri dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Negeri Perak bergambar bersama replika logo Penghijauan Malaysia sempena Kempen Tanaman 100 Juta Pokok seluruh Negara



**Gambar 4:** Lawatan YAB Menteri Besar di sekitar Taman Eko-Rimba Kledang Saiong



**Gambar 5:** Sidang Media sempena Majlis Pelancaran Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 Juta Pokok peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan



**Gambar 6:** Barisan Ahli Jawatankuasa Program Penghijauan Malaysia Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan

## MAJLIS SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Disediakan oleh:

Seksyen Silvikultur & Kepelbagaian Biologi, Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Gambar 1: Perasmian Hari Hutan Antarabangsa secara Hibrid di seluruh Negara yang dihadiri oleh YAB Menteri Besar Perak, Exco Alam Sekitar, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah Hulu Perak dan Pengarah Perhutanan Negeri Perak



Gambar 2: YAB Menteri Besar menanam pokok *Tecoma* di Taman Inai selepas Pelancaran Hari Hutan Antarabangsa secara hibrid



Gambar 3: YAB Menteri Besar Negeri Perak bergambar kenangan bersama jemputan



Gambar 4: YAB Menteri Besar Negeri Perak bergambar kenangan bersama barisan Pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Satu Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak telah diadakan pada 21 Mac 2021 yang dihadiri oleh YAB Dato' Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan di Pejabat Daerah dan Tanah Gerik, Perak. Sambutan ini diadakan secara serentak di seluruh Negara secara Hibrid memandangkan Negara sedang menghadapi situasi Pandemik Covid-19.

YAB Menteri Besar telah disambut oleh YB Encik Mohd Akmal bin Kamarudin, Pengurus Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan barisan Pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan

masyarakat dalam memelihara dan memulihara hutan di Negeri ini bagi memastikan kelangsungan peranan serta sumbangannya kepada kesejahteraan masyarakat sejagat.

Seramai 100 orang jemputan telah menghadiri sambutan ini dan YAB Menteri Besar turut melaksanakan acara menanam Pokok *Tecoma* atau lebih dikenali sebagai pokok ‘Sakura Malaysia’ di sekitar Taman Inai, Gerik, Perak.

# **PELANCARAN “JOMPAY” DAN MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2020 DAN APRESIASI PESARA TAHUN 2021 JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**

**Disediakan oleh:**

Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang diadakan pada setiap tahun sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan kepada warga Jabatan Perhutanan Negeri Perak di atas segala jasa, sumbangan dan pengorbanan mereka dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai penjawat awam, baik dalam menjalankan tugas rasmi maupun penglibatan aktif di dalam kegiatan sukan, sosial dan kemasyarakatan. Majlis ini telah melibatkan 56 orang pegawai dan kakitangan yang telah dipilih sebagai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2020 dan 20 orang pegawai dan kakitangan yang akan bersara pada tahun ini.

Di samping itu juga, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengorak langkah selari dengan seruan Kerajaan ke arah masyarakat tanpa tunai dan seterusnya meningkatkan kecekapan dan keselamatan sistem perkhidmatan bagi pengurusan transaksi pembayaran. Perkhidmatan ini juga dilihat sebagai pendorong kepada penggunaan teknologi secara atas talian bagi membalasikkan penyampaian perkhidmatan awam secara digital dan menjadi keperluan dalam situasi negara yang masih dibelenggu dengan wabak pandemik Covid-19.



**IPOH, 2 APRIL 2021**

**Gambar 1 :** Sesi Penyampaian Sijil Pesara oleh YBhg. Dato' Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia



**Gambar 2 :** Sesi Penyampaian Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang oleh YB Dato' Setiausaha Kerajaan Perak

Justeru itu, Jabatan Perhutanan Negeri Perak dengan kerjasama dengan pihak Ambank Islamik Berhad telah melaksanakan perkhidmatan pembayaran secara elektronik “Jompay” bertujuan memudahkan orang ramai melakukan pembayaran bagi bayaran permit memasuki Hutan Simpanan Kekal termasuk aktiviti mendaki, kajian dan kerja-kerja hutan serta bayaran kemudahan di taman eko rimba iaitu sewan dewan, tapak khemah, penginapan dan sebagainya. Ia juga dilihat sebagai langkah mengurangkan pergerakan bersemuka di kaunter dalam usaha mengadaptasikan norma baharu dalam perkhidmatan awam.

Hadir sama ke majlis ini adalah YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dan YBhg. Dato' Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.



**Gambar 3 :** Sesi Pelancaran “JomPAY” oleh YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

# **PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA : TASIK RABAN LENGGONG SEMPENA KEMPEN 100 JUTA POKOK PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Disediakan oleh:

Seksyen Silvikultur & Kepelbagai Biologi, Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Gambar 1: Perasmian Petak Tanaman Spesies Pokok Nama Tempat di Negeri Perak oleh YAB Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan



Gambar 2: YAB Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan menanam pokok Merbau di Petak Tanaman Spesis Tempat Negeri Perak



Gambar 3: YAB Menteri Besar bergambar kenangan bersama YB Menteri KeTSA dan Ketua-Ketua Jabatan Negeri Perak Darul Ridzuan



Gambar 4: YAB Menteri Besar dan YB Menteri KeTSA melepaskan benih udang di Tasik Raban, Lenggong

Satu Program Penghijauan Malaysia : Tasik Raban Lenggong Sempena Kempen 100 Juta Pokok Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan telah diadakan pada 10 April 2021 dan telah dirasmikan oleh YAB Dato' Saarani Bin Mohamad, Menteri Besar Negeri Perak di Dataran Tasik Raban, Lenggong, Perak.

YAB Menteri telah disambut oleh YB Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Nasarah, Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Pengarah Perhutanan Negeri Perak dan pegawai-pegawai kanan jabatan. Program Penghijauan Malaysia: Tasik Raban Lenggong Sempena Kempen 100 Juta Pokok Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat setempat untuk memelihara dan memulihara ekosistem di sekitar Tasik Raban bagi memastikan kelangsungan peranan serta sumbangannya kepada kesejahteraan masyarakat sejagat.

Seramai 150 orang jemputan telah menghadiri sambutan ini. YAB Menteri Besar dan tetamu kehormat turut dibawa ke Petak Koleksi Tanaman Pokok sempena Nama Tempat di Negeri Perak dan seterusnya melaksanakan acara penanaman Pokok Chengal di sekitar kawasan Tasik Raban. YAB Menteri Besar juga turut melancarkan Petak Koleksi Tanaman Pokok Sempena Nama Tempat di Negeri Perak.



Gambar 5: Gambar kenangan bersama Ketua Pengarah Perhutanan dan Ahli Jawatankuasa Jabatan Perhutanan Negeri Perak

## **TANAM-ON-THE GO: PROGRAM KOMUNITI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN AWAM (CEPA) DI DALAM DAN SEKITAR CFS-PL2 (A-PL1) HUTAN SIMPAN AMANJAYA, DAERAH HULU PERAK, NEGERI PERAK**

**Disediakan oleh:**

Seksyen Perancangan dan Pengurusan Hutan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Program Tanam-On-The-Go yang merupakan satu program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (Communication, Education and Public Awareness, CEPA) melalui penanaman pokok, telah dilancarkan pada 3 November 2021. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang di Kawasan Rehat dan Rawat Titiwangsa yang terletak dalam Koridor Ekologi CFS A-PL1 Hutan Simpan Amanjaya.

YBhg. Dato' Indera Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia juga telah menanam pokok Merawan Siput Jantan (*Hopea odorata*) di kawasan bersebelahan dengan Kawasan R&R tersebut yang masih merupakan sebahagian daripada Hutan Simpan Amanjaya. Seramai 130 jemputan telah menghadiri majlis pelancaran ini dimana sekurang-kurangnya 150 pokok telah ditanam pada hari tersebut.

Majlis pelancaran tersebut merupakan permulaan bagi program penanaman yang berjalan selama tempoh 10 hari sehingga 13 November 2021 yang bertujuan untuk memperkenalkan kepentingan rangkaian ekologi bagi pemuliharaan dan pemulihan biodiversiti. Koridor ekologi ini merupakan sebuah koridor ekologi utama yang menghubungkan Taman Negeri Royal Belum dan Hutan Simpan Temengor. Program ini juga membawa kesedaran kepada orang ramai terhadap Central Forest Spine (CFS) yang merupakan Rangkaian Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).



**HULU PERAK, 3-13 NOVEMBER 2021**

**Gambar 1:** Penanaman pokok Merawan Siput Jantan (*Hopea odorata*) oleh Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang di Kawasan Rehat dan Rawat Titiwangsa yang terletak dalam Korridor Ekologi CFS A-PL1 Hutan Simpan Amanjaya

## **TANAM-ON-THE GO: PROGRAM KOMUNITI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN AWAM (CEPA) DI DALAM DAN SEKITAR CFS-PL2 (A-PL1) HUTAN SIMPAN AMANJAYA, DAERAH HULU PERAK, NEGERI PERAK**

Aktiviti CEPA ini disasarkan untuk memberikan pendekatan terhadap CFS kepada pemegang-pemegang taruh berkepentingan dalam memastikan koridor ekologi ini dipelihara dan terpelihara. Berdasarkan idea sistem 'Touch-N-Go', program ini menyasarkan untuk menarik pengguna-pengguna jalan raya dan orang yang berhenti berehat di Kawasan Rehat dan Rehat Titiwangsa untuk menanam pokok dan seterusnya mendapatkan kesedaran tentang kepentingan kawasan ini sebagai satu koridor ekologi yang penting di bawah CFS. Secara keseluruhannya, sebanyak 650 pokok telah ditanam oleh 236 peserta di kawasan seluas 1.0 hektar.

Program ini dibiayai oleh *Global Environment Facility* (GEF) dan disokong oleh *United Nations Development Programme* (UNDP) melalui Projek *Improving Connectivity in the Central Forest Spine (CFS) Landscape* dan dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Perak.



**Gambar 2:** Pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Perak Bersama dengan Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang



**Gambar 3 & 4:** Pendaftaran oleh pengunjung ke Kawasan Rehat dan Rawat Titiwangsa untuk menyertai program penanaman pokok Tanam-On-The-Go



**Gambar 5:** Penanaman pokok oleh orang ramai



**Gambar 6:** Peserta bergambar dengan goodies bag yang diterima selepas menanam pokok

## PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: PENANAMAN POKOK KE-2 JUTA OLEH YAB MENTERI BESAR PERAK, KETUA-KETUA JABATAN DAN PENGAMAL MEDIA

### Disediakan oleh:

Seksyen Silvikultur & Kepelbagaian Biologi, Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Pada 28 November 2021, Program Penghijauan Malaysia: Penanaman Pokok Ke-2 Juta Oleh YAB Menteri Besar Perak, Ketua-Ketua Jabatan dan Pengamal Media telah diadakan di Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U), Daerah Kuala Kangsar, Perak. Program ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan. Majlis ini turut diserikan lagi dengan kehadiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Perak, Pengamal Media, syarikat-syarikat swasta yang menyumbang kepada Perak Oxygen Land Bank (POLB) dan barisan Pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Program ini diadakan bersempena meraikan pencapaian Negeri Perak dalam penetapan sasaran tanaman pokok sebanyak 10 juta bagi tempoh RMKe-12 (2021 – 2025) sempena Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. Negeri Perak melalui Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mensasarkan tanaman pokok sebanyak 2 juta pokok sepanjang RMKe-12 tersebut dan pada hari tersebut sebanyak 250 pokok yang terdiri daripada pelbagai spesies Keruing telah ditanam di kompleks tersebut. YAB Menteri Besar telah menanam anak pokok Keruing Padi (*Dipterocarpus semivestitus*) yang merupakan pokok ke-2 juta bagi tahun 2021. Pencapaian ini sekaligus menunjukkan bahawa Jabatan Perhutanan Negeri Perak sangat komited dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi Program Penghijauan Malaysia yang mana telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 5 Januari 2021.



**Gambar 1:** Upacara penanaman pokok yang ke-2 juta oleh YAB Menteri Besar Perak



**Gambar 2:** YAB Menteri Besar bergambar kenangan bersama dif-dif jemputan



**Gambar 3 & 4:** Aktiviti penanaman pokok oleh Ketua Jabatan

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) sangat berbesar hati dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua jabatan Kerajaan dan swasta di atas kesudian dalam memberikan maklumat tanaman dan mengadakan program *Communication, Education, Participation and Awareness* (CEPA) bersama JPNP untuk bersama-sama mencapai sasaran tanaman yang telah ditetapkan.

## PROGRAM MALAYSIA MOUNTAIN TRAIL FESTIVAL (MMTF) EDISI KE-4 ANJURAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DENGAN KERJASAMA MMTF CONSULTANT

Disediakan oleh:

Hutan Lipur dan Eko Pelancongan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Gambar 1: Pelepasan peserta larian bagi kategori 25km

Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah berjaya menganjurkan Program Malaysia Mountain Trail Festival (MMTF) Edisi ke-4 pada 17 - 19 Disember 2021 di dalam Hutan Simpan Bukit Larut, Daerah Larut dan Matang dengan kerjasama MMTF Consultant. MMTF ini merupakan Festival Larian yang diiktiraf di peringkat Antarabangsa yang mempertandingkan pelbagai kategori larian pada setiap tahun dan terbuka kepada penyertaan peserta dari dalam dan luar negara. Penganjuran program ini adalah bertujuan untuk memanfaatkan fungsi serta peranan hutan dengan memperkenalkan tarikan sukan larian denai hutan yang bertaraf Antarabangsa sebagai produk baharu di Daerah Taiping yang mana secara tidak langsung dapat mencetus gelombang pelancongan berdasarkan alam sekitar. Pada tahun 2021, sebanyak empat (4) kategori larian telah dipertandingkan yang mana terdiri daripada kategori 16km, 25km, 50km dan 84km.



Gambar 2: Sesi Temubual bersama YBhg. Dato' Mohamed Zin bin Yusop, Pengarah Perhutanan Negeri Perak

Penganjuran MMTF Edisi ke-4 ini telah berjaya dilaksanakan dengan komitmen tinggi dan kerjasama di antara Jabatan Perhutanan Negeri Perak, MMTF Consultant serta Agensi dan Jabatan peringkat Daerah. Program pada tahun ini merupakan Program yang pertama kali dianjurkan secara fizikal selepas pembukaan semula sektor sukan (pilot event) dalam pandemik Covid-19 dengan berpandukan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Program MMTF tahun 2021 ini melibatkan penyertaan seramai 1400 orang peserta dari 28 buah negara. Program MMTF ini telah dirasmikan oleh YB Jamilah binti Zakaria, Timbalan Pengurus Jawatankuasa Belia dan Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri Perak.

Di dalam memperkenan sokongan bagi pembangunan semula sektor sukan dan pelancongan negara, Jabatan ini akan berusaha untuk meneruskan penganjuran Program larian ini secara tahunan dan menjadikannya sebagai produk tarikan baharu bagi Negeri Perak dan didaftarkan di dalam Kalendar Pelancongan Tahunan Negeri Perak.



**Gambar 3:** Sesi penyampaian hadiah oleh YB Jamilah binti Zakaria, Timbalan Pengurus Jawatankuasa Belia dan Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri Perak



**Gambar 4:** Sesi bergambar bersama pemenang kategori larian



**Gambar 5:** Barisan pegawai kanan Jabatan Perhutanan Negeri Perak bersama MMTF Consultant

## **PERSATUAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK (PERKSUPER) TAHUN 2021**

Pelbagai aktiviti telah berjaya diadakan oleh persatuan di sepanjang tahun 2021 yang meliputi aktiviti kebajikan dan sosial, sukan dan rekreasi, kerohanian serta ekonomi dan kewangan yang telah diketuai oleh Biro sebagaimana berikut:

### **PROGRAM 1**

#### **PROGRAM CERAMAH RAMADHAN BERSAMA IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA DI DEWAN RIMBAWAN (SECARA ATAS TALIAN)**

**Tarikh :** 22 April 2021

**Tempat :** Dewan Rimbawan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak

#### **RINGKASAN PROGRAM**

Merupakan program anjuran bersama Biro Kerohanian, Persatuan Kebajikan & Sukan Ibu Pejabat Perhutanan (PKSIP) dengan Persatuan Kebajikan Dan Sukan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (PERKSUPER). Tajuk ceramah adalah "Penghijauan Satu Amalan Soleh & Berkebajikan" selaras dengan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. Objektif ceramah ini adalah memupuk semangat cintakan alam semulajadi yang dapat memberi manfaat terhadap kesejahteraan Negara.

### **PROGRAM 2**

#### **PERAK FORESTRY EPL FANTASY FOOTBALL SEASON 2021/2022**

**Tarikh :** September- Disember 2021

**Tempat :** -

#### **RINGKASAN PROGRAM**

Program ini merupakan anjuran di bawah Biro Sukan & Rekreasi, Persatuan Kebajikan Dan Sukan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (PERKSUPER) yang telah diadakan pada 11 September hingga 28 Disember 2021. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan aktiviti sukan secara maya atau E-Sport yang akan melibatkan pertandingan secara online selain dapat menambah pengetahuan peserta dalam aspek online game yang semakin mendapat tempat di masa kini.

## LAWATAN PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (PUSPANITA) KE TANJUNG TUALANG TIN DREDGE NO. 5

### Disediakan oleh:

PUSNITA Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA), Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) telah mengadakan lawatan ke Kapal Korek Tanjung Tualang No.5 (TT5) yang turut disertai oleh YBhg. Datin Norhashimah binti Haji Sha'ari, Pengerusi PUSPANITA Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Lawatan yang disertai seramai 20 orang ahli PUSPANITA JPNPk, ini telah dibawa melawati di sekitar kawasan TT5 dengan diringi oleh Pengurus Amanjaya TT5 Sdn. Bhd. Encik Shahrin Zainon. Menurut beliau, TT5 merupakan salah satu tinggalan sejarah yang masih wujud di Negeri Perak. Kapal Korek Tanjung Tualang No. 5 ini adalah merujuk kepada nombor kapal korek terakhir yang terdapat di Tanjung Tualang iaitu kapal korek kelima.

Antara aktiviti lain yang dilakukan oleh ahli PUSPANITA ialah melawat ke Maze Park atau Taman Sesat. Maze Park ini telah menjadikan kawasan kapal korek ini lebih unik kerana taman ini adalah seluas 2,972.897 meter persegi dan berbentuk hati. Taman ini adalah inspirasi daripada Pulau Jeju, Korea Selatan. Selain itu ahli PUSPANITA juga berpeluang untuk memberi makan kepada arnab, kambing dan ayam serama yang dilepaskan secara bebas di dalam Petting Zoo yang terdapat di TT5 ini.

Diakhiri lawatan ini, j YBhg. Datin Norhashimah binti Haji Sha'ari, Pengerusi PUSPANITA JPSM bersama YBhg. Datin Rokiah binti Shaari, Pengerusi PUSPANITA JPNPk turut menyempurnakan acara penanaman pokok bersempena dengan Kempen Penghijauan Malaysia, Penanaman 100 Juta Pokok.



TANJUNG TUALANG, 3 APRIL 2021

Gambar 1: Sesi bergambar kenangan di TT5



Gambar 2: Antara pengisian aktiviti yang dijalankan oleh ahli PUSPANITA di TT5



Gambar 3: Aktiviti penanaman pokok oleh ahli PUSPANITA



Gambar 4: Sesi taklimat berkenaan TT5



Gambar 5: Sesi lawatan ke sekitar Kawasan TT5



# GALERI SULTAN AZLAN SHAH

KUALA KANGSAR

**PERISTIWA**

**5 JANUARI 2021**

**Pelancaran Program Penghijauan  
Malaysia-Kempen Penanaman 100  
Juta Pokok Peringkat Negeri Perak  
Darul Ridzuan**



**16 MAC 2021**

**Lawatan Duli Yang Amat Mulia Raja  
Di-Hilir Perak ke Taman Eko-Rimba  
Kledang Saiong**



**19 MAC 2021**

**Penandaan Pokok Bahaya di Royal  
Perak Golf Club (RPGC)**



**21 MAC 2021***Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa  
Peringkat Negeri Perak Tahun 2021***23 MAC 2021***Sambutan Hari Air Sedunia 2021 Peringkat Negeri Perak*


**2 APRIL 2021**

**Pelancaran JomPAY & Perasmian Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020 & Apresiasi Pesara Tahun 2021 Jabatan Perhutanan Negeri Perak**



**3 APRIL 2021**

**Lawatan Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) ke Tanjung Tualang Tin Dredge No. 5**



**6-8 APRIL 2021**

*Program Eksplorasi Ekopelancongan  
KeTSA Bersama Media*

**10 APRIL 2021**

*Penghijauan Malaysia : Tasik Raban Lenggong  
Sempena Kempen 100 Juta Pokok Peringkat  
Negeri Perak Darul Ridzuan*



**27-29 OGOS 2021**

### **Webinar Program Khemah Kerja Memperkasakan Pengecaman Flora dan Tumbuhan Hutan**



**1-16 SEPTEMBER 2021**

### **Program Virtual Penanaman Pokok Anjuran Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak**





**25-29 OKTOBER 2021**

**Program Khemah Kerja Memperkasakan  
Pengecaman Flora dan Tumbuhan Hutan  
Jabatan Perhutanan Negeri Perak Tahun  
2021 Fasa II**





**29 OKTOBER 2021**

*Sesi Konsultasi Bersama Masyarakat  
Orang Asli Kampung Ulu Geruntum,  
Gopeng dan YB DUN Teja, Kampar*



**Kursus Menyelamat di Arus Deras oleh Jabatan****3 NOVEMBER 2021 – Bomba dan Penyelamat Malaysia****3 NOVEMBER 2021****– Webinar Pengurusan Ekosistem Hutan  
dan Konservasi di Negeri Perak**

3-13 NOVEMBER 2021



**Program Tanam On-The-Go  
Sempena Program Penghijauan  
Malaysia Anjuran Jabatan  
Perhutanan Negeri Perak  
dan ICCFS**



**9 NOVEMBER 2021**

**Program Lawatan Kerja YBhg. Dato' Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia ke Projek Pembangunan Ladang Hutan Di Hutan Simpan Gunung Besout**

**Program Pemuliharaan Paya Bakau Sebagai Habitat Pembibakan Ikan Anjuran Bersama Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan Jabatan Perikanan Negeri Perak di Parit Hj Dolah, Manjung, Perak**

**17 NOVEMBER 2021**



**Lawatan His Excellency Duta Jerman bersama Delegasi WWF ke Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang**

**19 NOVEMBER 2021**





**28 NOVEMBER 2021**



**Program Penghijauan Malaysia  
Peringkat Negeri Perak : Penanaman  
Pokok yang Ke-2 Juta oleh YAB MB Perak**

**11 DISEMBER 2021**

*Penghijauan Malaysia*



**17-19 DISEMBER 2021**

*Malaysia Mountain Trail Festival (MMTF) 2021*





**30 DISEMBER 2021**



**Majlis Penyerahan Sumbangan Banjir oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak Kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Bahagian Latihan Perhutanan**



**ISTANA  
KUNING**  
KUALA KANGSAR

**KERATAN  
AKHBAR**



29 JAN 2021

## LORI BAWA MUATAN KAYU GETAH TANPA PERMIT DITAHAN

**IPOH** - Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) menahan dua lori membawa muatan tual kayu getah dianggarkan bernilai RM8,000 tanpa kebenaran di Hulu Perak, semalam.

Kenderaan itu ditahan ketika pasukan penguat kuasa JPNP ketika menjalankan rondaan di sekitar Kampung Luat-Kampung Beng-Bukit Sapi-Air Karah bagi memantau pergerakan lori membawa hasil hutan. Pengarahnya, Datuk Mohamed Zin Yusop berkata, anggota penguat kuasa menahan sebuah lori membawa muatan kayu getah dipercayai untuk dihantar ke kilang kayu sekitar Hulu Perak.

"Pemeriksaan menemui antara 450 hingga 500 tual kayu getah bernilai RM8,000 dalam kedua-dua lori berkenaan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Katanya, kedua-dua pemandu lori berkenaan ditahan sebelum dibebaskan dengan jaminan polis selepas keterangan mereka diambil. "Kedua-dua lori berkenaan disita untuk siasatan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984," katanya.



Disiarkan pada: Januari 29, 2021 @ 7:43pm



7 FEB 2021

## SAMBUT BAIK CADANGAN WARTAKAN HUTAN BATU LIPUR

**IPOH** - Jabatan Perhutanan Perak menyambut baik cadangan Sahabat Alam Malaysia (SAM) untuk mewartakan hutan batu kapur sebagai hutan simpan kekal atau kawasan perlindungan.

Pengarahnya, Datuk Mohamed Zin Yusop berkata, perkara itu perlu mendapat persetujuan daripada kerajaan negeri selain perlu melihat beberapa aspek kawasan hutan tersebut sebelum diwartakan. "Jabatan Perhutanan Negeri Perak tiada masalah dengan cadangan SAM."

"Bagaimanapun, ianya perlu mendapat persetujuan Kerajaan Negeri dan juga bergantung kepada keadaan kawasan hutan batu kapur yang ada di kawasan tersebut," katanya ringkas ketika dihubungi Sinar Harian di sini pada Sabtu.



Gunung terbesar di Lembah Kinta yang memiliki lebih 30 gua batu kapur cantik dan unik itu kian musnah apabila ada lebih 20 kilang kuari ditempatkan di zon berkenaan. Gambar kecil : Mohamed Zin

Ditanya mengenai usaha jabatan dalam merealisasikan cadangan itu, Mohamed Zin berkata, perkara itu akan dibincangkan dengan lebih lanjut dengan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Perak. Terdahulu Sinar Harian pada Jumaat melaporkan SAM mencadangkan Jabatan Perhutanan Negeri Perak menubuhkan sekurang-kurangnya satu petak contoh hutan batu kapur yang mempunyai status hutan simpan kekal atau lain-lain kawasan perlindungan supaya mempunyai jaminan security of tenure. Ia susulan daripada kesan Gunung Lanno yang mempunyai ketinggian lebih 370 meter berusia lebih 330 tahun yang dibimbangi lenyap dari peta negeri Perak akibat aktiviti kuari di kawasan Simpang Pulai di sini.



Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/122717/EDISI/Perak/Sambut-baik-cadangan-wartakan-hutan-batu-kapur>

Gunung terbesar di Lembah Kinta yang memiliki lebih 30 gua batu kapur cantik dan unik itu kian musnah apabila ada lebih 20 kilang kuari ditempatkan di zon berkenaan. SAM mendedahkan hutan batu kapur di Lembah Kinta mempunyai spesies kritikal terancam di bawah International Union for Conservation of Nature (IUCN) iaitu pokok Hopea bilitonensis di Gunung Gajah dan Gua Tempurung, Gopeng. Populasi flora itu hanya tumbuh di situ sahaja di Malaysia.

Gua Khantan, Chemor pula terdapat habitat labah-labah iaitu Liphistius khantan yang ditempatkan dalam senarai merah apabila spesies itu tidak terdapat di mana-mana tempat di dunia.

Bagaimanapun, kedua-dua spesis itu tidak terlepas berhadapan dengan ancaman kepupusan apabila populasi flora dan fauna itu berada di kawasan kuari.

Suraya Roslan

am@hmetro.com.my

**17 APR 2021**

## TNB TANAM POKOK DI TASIK RABAN

Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah (barisan hadapan, kiri) menyiram satu daripada pokok yang ditanam pada program Penghijauan Malaysia di Tasik Raban Lenggong Sempena Kempen 100 Juta Pokok Peringkat Negeri Perak, pada 10 April lalu. FOTO IHSAN TNB Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) meneruskan komitmennya terhadap alam sekitar dengan menanam 130 pokok hutan di Tasik Raban, Lenggong, Perak.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah berkata, inisiatif itu dilakukan melalui kerjasama antara KeTSA, kerajaan negeri Perak dan Jabatan Perhutanan Perak bagi menyokong inisiatif kerajaan dalam memulihara alam sekitar.

"Pembabitan dan sumbangan dilakukan TNB sebagai satu daripada tanggungjawab korporatnya harus dicontohi pelbagai syarikat korporat lain," katanya ketika berucap dalam Program Penghijauan Malaysia di Tasik Raban, 10 April lalu. Turut hadir Menteri Besar Perak Datuk Saarani Mohamad, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Mohd Ridza Awang serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din.

Dr Shamsul Anuar turut menyifatkan penyertaan TNB dalam kempen itu sebagai manifestasi keprihatinan TNB terhadap alam sekitar di samping menyambut seruan kerajaan untuk bersama menjayakan objektif kempen. "Kempen 100 Juta Pokok ini untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan liputan pokok dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan kepelbagaiannya biologi negara kita," katanya.



Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah (berisan hadapan, kiri) menyiram satu daripada pokok yang ditanam pada program Penghijauan Malaysia di Tasik Raban Lenggong Sempena Kempen 100 Juta Pokok Peringkat Negeri Perak, pada 10 April lalu. FOTO IHSAN TNB

Sebanyak 21 spesies pokok tempatan yang sinonim dengan nama tempat di Perak ditanam bagi menjayakan agenda nasional Penghijauan Malaysia dengan sasaran penanaman 100 juta pokok menjelang 2025. TNB menyumbang RM50,000 bagi inisiatif penanaman pokok itu. Selain di Lenggong, TNB juga terbabit secara aktif dalam pemuliharaan alam sekitar menerusi penanaman 18,800 pokok bakau di Manjung sejak 2013. TNB kini sedang giat menjalankan inisiatif yang sama dengan tambahan 7,000 anak benih di Manjung dan 1,000 di Jimah Power Plant yang bakal siap ditanam menjelang 2022.

Disiarkan pada: April 17, 2021 @ 2:28pm



## GAGAL TUNJUK DOKUMEN, CAMPAK BATANG BULUH TEPI JALAN

IPOH - Dua lori membawa muatan buluh dan kayu jaras tanpa kebenaran disita oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) dalam kejadian berasingan di Teluk Intan dan Slim River, semalam.

JPNPK dalam kenyataannya berkata, dalam kejadian pertama di simpang masuk jalan Kuala Bikam-Teluk Intan, pihaknya menerima maklumat dari orang awam berhubung lori yang mencurigakan dan disyaki membawa muatan hasil hutan.

Katanya, hasil maklumat berkenaan, pihak penguatkuasa dari Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan menahan lori terbabit di simpang jalan berkenaan. "Hasil pemeriksaan ke atas pemandu lori berkenaan mendapati pemandu lori membawa hasil hutan iaitu kira-kira 1,000 batang buluh.

"Pemandu lori terbabit juga gagal mengemukakan sebarang dokumen kebenaran membawa hasil hutan yang dikeluarkan oleh JPNPK," katanya dalam satu kenyataan media, hari ini. Beliau berkata semasa pemeriksaan dijalankan, pemandu lori itu enggan memberi kerjasama dan bertindak agresif dengan membuang hasil hutan berkenaan di tepi jalan lalu mlarikan diri.

"Hasil siasatan dan pemeriksaan oleh penguatkuasa ke atas lori berkenaan didapati lori berkenaan membawa 57 kayu jaras pelbagai spesis tanpa pas pemindah," katanya. Beliau berkata, laporan polis dibuat di Balai Polis Slim River dan kedua-dua pemandu lori berkenaan sudah dibebaskan dengan jaminan polis selepas keterangan diambil dan direkodkan.



Pemandu lori muatan buluh bertindak membuang buluh di tepi jalan ketika pemeriksaan yang dilakukan oleh penguatkuasa Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan di simpang masuk Jalan Kuala Bikam-Teluk Intan, semalam. FOTO Ihsan JPNPK

"Kedua-dua lori berkenaan bersama muatan disita dan dibawa ke Stor Rampasan Barang JPNPK. "Bagi perbuatan kedua-dua suspek itu, mereka boleh didakwa di bawah Seksyen 68 (1) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 ( Pemakaian ) 1985 iaitu kesalahan membawa hasil hutan tanpa pas pemindah," katanya.

Katanya, JPNPK ingin memberi amaran kepada orang ramai bahawa pihak JPNPK akan tetap menguatkuasa Akta Perhutanan Negara 1984 melalui pemantauan dan rondaan walaupun di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang dikuatkuasa.

Disiarkan pada: Mei 18, 2021 @ 8:32pm



## PERAK LULUS 139 HEKTAR TANAH PAYA SEBAGAI HUTAN SIMPAN KEKAL [ METROTV ]

Muhd Zulsyamini Sufian Suri  
am@hmetro.com.my

18 MEI 2021

SUNGAI SIPUT - Kerajaan Perak meluluskan 139.21 hektar tanah di Daerah Hutan Perak Selatan iaitu di Bagan Datuk bagi diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) jenis paya laut khusus untuk penanaman pokok bakau.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, kelulusan diberikan menerusi Mesyuarat Exco pada 15 September lalu. Katanya, keluasan adalah termasuk keseluruhan kawasan yang dicadangkan untuk warta masuk HSK di seluruh Perak sejak Oktober 2018 yang membabitkan 1,741.2 hektar.

"Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) negeri meluluskan cadangan 1,741.2 hektar HSK baharu seluruh Perak termasuk di hutan paya di Bagan Datuk, Daerah Hutan Perak Selatan seluas 139.21 hektar," katanya dalam sidang media Program Penghijauan Malaysia Peringkat Perak: Penanaman Pokok Ke Dua Juta di Kompleks Latihan Perhutanan Sungai Siput (U) di sini, hari ini.



Turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Datuk Ahmad Suadi Abdul Rahim; Pegawai Kewangan negeri, Datuk Zulazlan Abu Hassan; dan Pengarah Perhutanan negeri, Datuk Mohamed Zin Yusop. Saarani berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Sahabat Alam Malaysia (SAM) melalui Penyelidik Lapangannya, Meor Razak Meor Abdul Rahman yang menyarankan kerajaan negeri mewujudkan kembali HSK di daerah Bagan Datuk dan Hilir Perak bagi mengawal limpahan air laut susulan fenomena air pasang besar yang berlaku baru-baru ini.

Katanya lagi, sementara baki keluasan 1,602.01 hektar cadangan warta masuk HSK baharu selain Bagan Datuk adalah di daerah perhutanan Kinta/Manjung, Larut & Matang.

Dalam perkembangan berkaitan, Saarani berkata kerajaan negeri optimis menuntut lebih daripada RM100 juta setahun daripada kerajaan pusat berhubung nilai pampasan pengekalan hutan seperti pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Menurutnya, walaupun masih belum mengadakan perbincangan mengenainya dengan mana-mana pihak khususnya Jabatan Perhutanan negeri, namun peletakan nilai itu dibuat berpandukan kepada nilai tuntutan yang dibuat oleh kerajaan negeri Kedah.

"Kita belum lagi buat perkiraan namun kalau Kedah minta RM100 juta, Perak (mesti) lagi tinggi daripada itu. Bagaimanapun kita tidak akan menuntut perkara yang pelik-pelik lah kerana ia (bayaran pampasan) juga bergantung kepada kemampuan dan persetujuan kerajaan persekutuan. "Atas sebab pengurusan hutan itu kita terlepas peluang untuk menjana pendapatan yang mana kita tak boleh tebang balak, aktiviti kuari, dan melombong kerana hendak jaga hutan simpan ini. Jadi kerajaan persekutuan kena bayar balik," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan bahawa kerajaan pusat bersetuju memberi pampasan kepada negeri yang mengekalkan hutan simpan sebagai kawasan tадahan air dan melindungi daripada sebarang kegiatan pembalakan haram.

Disiarkan pada: Mei 18, 2021 @ 8:32pm



## JPNPK GAGALKAN DUA CUBAAN CURI HASIL HUTAN

Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi  
am@hmetro.com.my

27 MEI 2021



*ANTARA hasil hutan yang cuba diseludup keluar. FOTO ihsan JPNPK*

Menurutnya, siasatan lanjut menjumpai 93 batang kayu sedia (kayu pagar) dan dua motosikal tanpa pemilik di lokasi. "Kita percaya pemilik motosikal ini cuba mengambil hasil hutan secara haram tanpa sebarang kebenaran dan susulan itu semua barang rampasan disita.

"Dalam kejadian jam 1.30 tengah hari semalam pula, pasukan penguat kuasa JPNPK yang membuat rondaan di Hutan Simpan Bintang Hijau di Daerah Hutan Hulu Perak menemui dua motosikal ditinggalkan bersama dua perangkap haiwan, satu guni pancang kayu dan sebilah pisau di lokasi berkenaan.

"Bagaimanapun pemantauan selama tiga jam di lokasi, tiada individu dikesan dan dipercayai mlarikan diri sejurus menyedari kehadiran pasukan penguat kuasa manakala barang rampasan di bawa Stor Rampasan Bandariang JPNPK untuk tindakan lanjut," katanya.

IPOH - Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) menggagalkan dua cubaan mencuri hasil hutan di dua lokasi berbeza selain menahan seorang pemandu lori, baru-baru ini.

Pengaruhnya, Datuk Mohamed Zin Yusop berkata, dalam kejadian pertama kelmarin, anggota yang menjalankan pemantauan di Hutan Simpan Bintang Hijau di Daerah Hutan Larut dan Matang kira-kira jam 3 petang menjumpai tungkul kayu spesis petaling berukuran lilit 60 sentimeter yang ditebang.

Menurutnya, susulan kejadian itu dua laporan polis dibuat di Balai polis Selama dan Lenggong. Beliau berkata, selepas laporan dibuat, pihaknya tersempat dengan sebuah lori disyaki membawa muatan kayu getah di Jalan Baling-Kuala Kangsar berhampiran simpang Kampung Langkor Kat i pada jam 7.45 malam semalam.

"Penguat kuasa menahan lori itu dan semakan mendapati pemandu gagal mengemukakan sebarang dokumen kebenaran membawa hasil hutan daripada JPNPK.

"Sehubungan itu pemandu ditangkap dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Kangsar untuk siasatan lanjut dan dilepaskan dengan jaminan polis selepas keterangan diambil.

"Lori bersama muatan 2,000 tual kayu getah disita dan dibawa ke Stor Rampasan Kompleks Latihan Perhutanan Sungai Siput untuk siasatan lanjut," katanya. "Kes disiasat mengikut Seksyen 81(l)(b) dan 81(l)(f) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984," katanya.

Disiarkan pada: Mei 27, 2021 @ 4:41pm

## JABATAN PERHUTANAN PERAK GAGALKAN CUBAAN CURI HASIL HUTAN

**27 MEI 2021**

IPOH - Jabatan Perhutanan Perak berjaya menggagalkan cubaan mencuri dan membawa keluar hasil hutan di tiga lokasi berasingan pada Selasa dan Rabu lalu. Pengarah Perhutanan Perak, Datuk Mohamed Zin Yusop berkata, pemantauan yang dijalankan penguat kuasa pada Selasa menemukan satu tunggul pokok yang telah ditebang untuk dijadikan kayu belah di sebuah jalan lama di sekitar Hutan Simpan Bintang Hijau, Daerah Hutan Larut dan Matang. "Pemeriksaan ke atas tunggul pokok mendapati ianya adalah pokok dari spesies petaling dengan diameter 60 sentimeter (cm).

"Pemeriksaan lanjut mendapati tiada individu yang dikesan di kawasan tersebut. Penguat kuasa bertindak merampas dua motosikal disyaki milik suspek dan 93 batang kayu pagar," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Khamis. Menurut beliau, semakan lanjut di dalam kawasan sebahagian Kompartmen 129, Hutan Simpan Bintang Hijau, Daerah Hutan Hulu Perak pada Rabu menggesa berlakunya aktiviti mengambil hasil hutan tanpa kebenaran. "Semasa semakan dibuat penguat kuasa menemui dua motosikal bersama dua perangkap haiwan, guni pancang kayu dan sebilah pisau di lokasi berkenaan. "Semasa semakan dibuat penguat kuasa menemui dua motosikal bersama dua perangkap haiwan, guni pancang kayu dan sebilah pisau di lokasi berkenaan.



Pegawai perhutanan merampas pelbagai peralatan termasuk perangkap haiwan.  
Foto: Ihsan Jabatan Perhutanan Perak.

"Bagaimanapun, setelah tiga jam menunggu tiada suspek yang ditahan dan dipercayai telah melarikan diri setelah menyedari kehadiran pasukan," katanya. Mohamed Zin berkata, suspek bukan sahaja menebang kayu, mereka dipercayai turut melakukan aktiviti pemburuan haram berdasarkan penemuan kesan belahan kayu dan perangkap haiwan di lokasi berkenaan.

"Kita berjaya mengesahkan identiti pemilik dua motosikal yang telah dirampas tersebut hasil bantuan daripada pihak polis Lenggong. "Kedua-dua pemilik motosikal tersebut akan dipanggil bagi membantu siasatan sekaligus mengesahkan suspek-suspek yang terlibat dalam kes ini," katanya. Katanya, seorang pemandu lori ditahan setelah pasukan penguat kuasa terserempak kenderaan itu yang membawa muatan kayu getah di Jalan Baling-Kuala Kangsar berhampiran Kampung Langkor, Kati.

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/140814/EDISI/Jabatan-Perhutanan-Perak-gagalkan-cubaan-curi-hasil-hutan>  
© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangkraf

## JABATAN PERHUTANAN PERAK GAGALKAN TIGA CUBAAN CURI HASIL HUTAN

**27 MEI 2021**



Hasil hutan yang dirampas Jabatan Perhutanan Perak di satu daripada tiga lokasi berasingan di Perak kelmarin dan semalam. - IHSAN JABATAN PERHUTANAN PERAK

IPOH - Jabatan Perhutanan Perak menggagalkan cubaan mencuri hasil hutan bernilai RM25,000 di tiga lokasi berasingan, kelmarin dan semalam. Pengarah Perhutanan Perak, Datuk Mohamed Zin Yusop berkata, dalam pemantauan yang dijalankan pada pukul 3 petang Selasa lalu di sekitar Hutan Simpan Bintang menjumpai satu tunggul pokok yang telah ditebang untuk dijadikan kayu belah.

Katanya, pemeriksaan mendapati, tunggul pokok itu daripada jenis Petaling dengan diameter 60 sentimeter. "Pemeriksaan lanjut di kawasan tersebut mendapati tiada individu yang dikesan di kawasan itu. Dua buah motosikal dan 93 batang kayu pagar dirampas untuk siasatan lanjut," katanya dalam kenyataannya di sini hari ini.

Menurut beliau, pemantauan turut dilakukan di Hutan Simpan Bintang Hijau, Daerah Hutan Hulu Perak pada pukul 1.50 petang semalam kerana disyaki terdapat aktiviti mengambil hasil hutan tanpa kebenaran.

Katanya, dalam pemantauan itu, pihaknya menemui dua buah motosikal, dua perangkap haiwan, satu guni pancang kayu dan sebilah pisau selepas mengikuti jejak tayar bekas laluan motosikal kira-kira 1.2 kilometer ke dalam hutan.

"Bagaimanapun, setelah menunggu tiga jam di lokasi kejadian, tiada individu tampil kerana dipercayai telah mlarikan diri setelah menyedari kehadiran pasukan penguatkuasa.

"Siasatan mendapati, suspek dipercayai aktif menjalankan aktiviti menebang kayu untuk dijadikan kayu sedia dan aktiviti pemburuan haram berdasarkan penemuan kesan belahan kayu dan perangkap haiwan di lokasi berkenaan," katanya.

Katanya, pihaknya juga menahan sebuah lori yang disyaki membawa muatan kayu getah di Jalan Baling-Kuala Kangsar berhampiran simpang Kampung Langkor Katil pada pukul 7.45 malam. Katanya, siasatan ke atas pemandu lori telah gagal mengemukakan sebarang dokumen kebenaran membawa hasil hutan dari Jabatan Perhutanan Perak.

"Pemandu lori tersebut telah ditangkap dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Kangsar untuk siasatan lanjut. Walau bagaimanapun, pemandu lori tersebut telah dilepaskan dengan jaminan polis setelah keterangan diaambil," katanya.

Katanya, nilai kayu rampasan bagi kayu sedia ada sebanyak 93 batang dan 2,000 tual kayu getah ini dianggarkan bernilai RM25,000.00. – UTUSAN

Disiarkan pada: Mei 27, 2021 @ 8:47pm



## KILANG KAYU ISYTIHAR PERNIAGAAN 'HARDWARE' DIKOMPAUN RM10,000

Abd Razak Mohd Ali  
Jun 4, 2021 16:02 MYT

4 JUN 2021

**SUNGAI SIPUT** - Sebuah kilang kayu di Kawasan Perindustrian Sungai Siput di sini yang mengisyiharkan operasi perniagaan sebagai perniagaan perkakasan 'hardware' dikompaun RM10,000, hari ini.


Kompaun itu dikeluarkan hasil pemeriksaan sepasukan pegawai dan anggota polis diketuai Inspektor Abdul Wahed Hamid bersama pasukan Jabatan Perhutanan Kuala Kangsar mulai pukul 10.45 pagi.

Ketua Polis Daerah Sungai Siput, Superintenden Mohd Khaizam Ahmad Shahabudin berkata, semakan mendapati kilang berkenaan beroperasi dengan kebenaran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), namun, memalsukan jenis operasi perniagaan.

Menurutnya, pemilik premis berusia 70-an itu maklum atas pelanggaran prosedur operasi standard (SOP) yang dilakukan dan akur operasi kilangnya adalah perniagaan bukan keperluan.

"Kilang tersebut merupakan kilang kayu namun pemiliknya isytihar kepada MITI sebagai perniagaan 'hardware'.

"Kompaun RM10,000 dikeluarkan ke atas pemilik premis manakala lapan pekerja tempatan yang berada di kilang itu pula dikompaun RM2,000 setiap seorang," katanya di sini hari ini.



Kilang kayu di Kawasan Perindustrian Sungai Siput yang mengisyiharkan operasi perniagaan sebagai perniagaan perkakasan 'hardware' dikompaun RM10,000. - Gambar Ihsan PDRM

Mohd Khaizam berkata, tindakan ke atas premis itu dijalankan di bawah Peraturan 17(2) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2021 manakala bagi pekerja pula, tindakan mengikut Seksyen 17 (1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Selain itu, Mohd Khaizam berkata, pihaknya turut menahan 17 pekerja asing warga Bangladesh dan kesemua mereka dibawa balik ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sungai Siput untuk tindakan lanjut.

Tambahnya, kilang tersebut telah diarah tutup serta-merta dan pihaknya akan memaklumkan kepada MITI bagi membatalkan kelulusan operasi kilang tersebut.

"Pihak polis sentiasa komited dalam memastikan orang ramai patuh kepada SOP yang ditetapkan kerajaan dalam usaha untuk memutuskan rangkaian penularan wabak COVID-19," ujarnya.

## DITAHAN KETIKA LEKA TEBANG POKOK

6 JUN 2021

**IPOH** - Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) menahan seorang lelaki yang leka menebang pokok hutan bersama dua individu di Hutan Simpan Bubu, Manjung, kelmarin.

JPNPK dalam kenyataannya berkata, ketiga-tiga individu terbabit ditahan anggota penguat kuasa Pejabat Renjer Hutan Beruas dalam operasi pada 5.30 petang.

Menurutnya, pihaknya mengesahkan berlaku aktiviti penerokaan hutan di sebahagian Kompartmen 62 hutan simpan berkenaan. "Turut ditemui di lokasi adalah sebuah jengkaut, sebuah motosikal, seunit gergaji berantai dan sebilah parang untuk menjalankan aktiviti penerokaan hutan. "Ketigatiga suspek ditahan sebelum dilepaskan dengan jaminan polis selepas keterangan mereka diambil

"Semua barang rampasan dibawa ke stor untuk siasatan mengikut Seksyen 81(l)(b) dan 81(l)(e) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984," katanya. Sementara itu, pasukan penguat kuasa Daerah Hutan Kuala Kangsar dan JPNPK melakukan serbuan di kilang berdasarkan kayu di Jalan Lintang, Sungai Siput (U) beroperasi dengan lesen tamat tempoh pada hari sama.



Katanya, semakan mendapati kilang berkenaan tidak memperbaharui lesen sejak 30 Jun 2020 dan tiada permohonan baru dikemukakan. "Susulan itu, kami menahan empat individu iaitu pemilik kilang dan pekerja warga tempatan, bersama dua pekerja warga asing.

"Serbuan itu turut menyita empat pengisar kayu, empat mesin silo, seunit mesin belah kayu, seunit mesin 'drum chipper' dan lima longgokan kayu yang dipotong pendek," katanya.

Katanya, suspek didapati melakukan kesalahan menjalankan aktiviti kilang tanpa mendapatkan lesen yang sah di bawah Enakmen Berasaskan Kayu (EIBK).

Disiarkan pada: Jun 6, 2021 @ 4:37pm

SINAR HARIAN

20 DIS 2021

**Sinar Harian**

## PERAK LULUSKAN 33,000 HEKTAR HUTAN UNTUK PEMBALAKAN

**KERAJAAN** Perak meluluskan 33,000 hektar bagi aktiviti pengusahaan hutan di kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 pada kadar 6,600 hektar setahun. Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, pengusahaan dalam HSK itu berdasarkan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang ditetapkan.

Menurutnya, bagaimanapun sebarang aktiviti berkenaan dilaksanakan di kawasan HSK yang dikelaskan sebagai Hutan Pengeluaran sahaja.

"Pematuhan keluasan kawasan HSK untuk pembalakan selaras dengan keputusan Majlis Tanah Negara bagi menjamin keberkekalan dan kestabilan sumber bekalan kayu di Perak.

"Proses pelesenan mengikut Sistem Pengurusan Memilih (SMS) yang dilaksanakan secara sistematis dan terkawal di bawah Pengurusan Hutan Secara Berkekalan," katanya ketika menjawab soalan lisan Aminuddin Zulkipli (Amanah-Behrang) sempena Persidangan Keenam, Mesyuarat Kedua, Tahun Keempat Dewan Negeri Perak ke-14 di Ipoh, Perak pada Jumaat.

Dalam pada itu, Saarani memaklumkan, status terkini bagi kawasan hutan simpan yang diluluskan bagi tujuan pembalakan tahun 2019 seluas 8,058 hektar dan kesemua kawasan selesai dibalak.

Menurutnya, bagi tahun 2020 pula, daripada 6,642 hektar yang diluluskan seluas 6,182 hektar telah selesai dibalak manakala seluas 460 hektar masih belum dan sedang diusahakan.

Jelasnya, untuk tahun 2021, kawasan seluas 5,337 hektar telah diluluskan bagi tujuan pembalakan dengan kawasan seluas 1,334 hektar selesai dibalak manakala seluas 4,003 hektar masih belum dan sedang diusahakan.



Saarani turut menjelaskan sehingga kini, tiada sebarang pencemaran dilaporkan berlaku dalam kawasan Hutan Tadahan Air kerana ia dikelaskan sebagai Hutan Perlindungan dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

"Langkah mitigasi akan diambil bagi mengatasi pencemaran air sungai di dalam kawasan HSK dan setiap aktiviti pembangunan hutan disyaratkan untuk menuju ke arah Zon Penampang (Buffer Zone) dengan kelebaran sekurang-kurangnya 10 meter di kiri dan kanan dan mengikut kelebaran sungai bagi mengurangkan kesan 'water run-off'.

"Bagaimanapun, sekiranya sebarang pencemaran dikesan tindakan pemulihan akan dilakukan dengan mengambil kira pandangan agensi teknikal seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak dan Jabatan Pengairan Saliran (JPS) Perak," katanya. — Sinar Harian



**P**ERAK  
**MUSEUM**

**LAMPIRAN**

## **SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIMATAN CEMERLANG**

### **IBU PEJABAT**

<b>01</b>	Ramli bin Mat Pemelihara Hutan Gred G52	<b>02</b>	Nur Suhaila binti Rafin Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22
<b>03</b>	Mohd Uzaini bin Salim Pembantu Tadbir (Kew) Gred W22	<b>04</b>	Rosazlina binti Rosdi Pengawas Hutan Gred G19
<b>05</b>	Nandini a/p V.Neru Pengawas Hutan Gred G19	<b>06</b>	Rizalman bin Mohamad Pengawas Hutan Gred G19
<b>07</b>	Harimanali bin Mohd Rasdi Pengawas Hutan Gred G19	<b>08</b>	Ibrahim bin Said Pembantu Tadbir (Kew) Gred W22

### **PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK**

<b>01</b>	Muhammad Shahrul Anuar bin Hasaini Penolong Pemelihara Hutan Gred G32	<b>02</b>	Ahmad Nizam bin Ngah Penolong Pemelihara Hutan Gred G29
<b>03</b>	Mohamad Juraimi bin Jaafar Pengawas Hutan Gred G22	<b>04</b>	Suhaimi bin Ibrahim Pengawas Hutan Gred G19
<b>05</b>	Mohd Nazri bin Hamid Pengawas Hutan Gred G19	<b>06</b>	Mohd Isa bin Osman Pengawas Hutan Gred G19
<b>07</b>	Mohd Rafizul bin Mohd Sahimi Pemandu Kenderaan Gred H11	<b>08</b>	Mohammad Shahrul Anuar bin Mat Nuzi Pembantu Awam Gred H11
<b>09</b>			Hisham bin Mad Zahari Pembantu Awam Gred H11

## **PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA / MANJUNG**

<b>01</b>	<b>Mohd Jamil bin Yusop</b> Penolong Pemelihara Hutan Gred G29	<b>02</b>	<b>Nor Azimah binti Zakaria</b> Pembantu Tadbir (Kew) Gred N22 (KUP)
<b>03</b>	<b>Feisal bin Ziani</b> Pengawas Hutan Gred G19	<b>04</b>	<b>Ismail bin Ishar</b> Pengawas Hutan Gred G19
<b>05</b>	<b>Muhammad Awis bin Hussain</b> Pengawas Hutan Gred G19	<b>06</b>	<b>Muhammad Shahril Shafuan bin Mohd Sha'ari</b> Pengawas Hutan Gred G19
<b>07</b>	<b>Muhammad Amzar Faiz bin Yusof</b> Pemandu Kenderaan Gred H11	<b>08</b>	<b>Yuzairin binti Yusop</b> Pembantu Awam Gred H11

## **PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR**

<b>01</b>	<b>Norliana binti Kamaruddin</b> Pembantu Tadbir (Kew) Gred W19	<b>02</b>	<b>Mohd Rizanizam bin Razali @ Ghazali</b> Pengawas Hutan Gred G19
<b>03</b>	<b>Fakhri bin Endut</b> Pengawas Hutan Gred G19	<b>04</b>	<b>Mohamad Jaini @ Md. Zaini bin Abu Bakar</b> Pengawas Hutan Gred G19
<b>05</b>	<b>Jalalludin bin Hashim</b> Pengawas Hutan Gred G19	<b>06</b>	<b>Zainal Abidin bin Abd Halim</b> Pengawas Hutan Gred G19
<b>07</b>	<b>Mohd Faizal bin Md Tahir</b> Pembantu Awam Gred H11	<b>08</b>	<b>Norfazela binti Ramli</b> Pembantu Awam Gred H11
<b>09</b>			<b>Mohd Fadzli bin Ishak</b> Pembantu Awam Gred H11

## PEJABAT HUTAN DAERAH LARUT DAN MATANG

<b>01</b>	<b>Khairil bin Sarip</b> Pemelihara Hutan Gred G44	<b>02</b>	<b>Norrashidi bin Kulub</b> <b>Abd Rashid</b> Pengawas Hutan Gred G19
<b>03</b>	<b>Abdul Razak bin Wahi</b> Pengawas Hutan Gred G19	<b>04</b>	<b>Mohd Zaidi bin Ismail</b> Pengawas Hutan Gred G19
<b>05</b>	<b>Abdul Halim bin Hassim</b> Pembantu Awam Gred H11	<b>06</b>	<b>Fauzilah bin Saleh</b> Pembantu Awam Gred H11
<b>07</b>	<b>Abdul Razak bin Osman</b> Pembantu Awam Gred H11	<b>08</b>	<b>Azizul Zubarie bin Zahari</b> Pembantu Awam Gred H11
<b>09</b> <b>Zainal bin Ismail</b> Pembantu Awam Gred H11			

## PEJABAT HUTAN DAERAH PERAK SELATAN

<b>01</b>	<b>Nur Hidayat bin Noor Azmi</b> Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19	<b>02</b>	<b>Sharifuddin bin Ngah Ismail</b> Pengawas Hutan Gred G22
<b>03</b>	<b>Muhamad Zarul Zhawaney</b> <b>bin Rosli</b> Pengawas Hutan Gred G19	<b>04</b>	<b>Ahmad Fitri bin Awang</b> Pengawas Hutan Gred G22
<b>05</b>	<b>Zulikefli bin Hussain</b> Pengawas Hutan Gred G19	<b>06</b>	<b>Suhair bin Abd Hamid</b> Pembantu Awam Gred H11
<b>07</b> <b>Muhamad Amin bin Zaidi</b> Pembantu Awam Gred H11			

## SENARAI PERTUKARAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN (IBU PEJABAT)

<b>01</b>	16.02.2021 Nor Atikah binti Asniza Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 JPNPK - JKR NEGERI PERAK	<b>02</b>	01.03.2021 Mustoffa bin Aliman Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48 JPNPK - PDT SELAMA	<b>03</b>	01.03.2021 Muhamad Uzir bin Mohd Tahir Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48 PDT Larut, Matang dan Selama - JPNPK
<b>04</b>	01.03.2021 Noraini binti Norddin Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 JPNPK - Jabatan Keberikan Masyarakat Negeri Perak	<b>05</b>	01.03.2021 Badrul Hisham bin Ahmad Pembantu Operasi Gred N11 JPNPK - JKR NEGERI PERAK	<b>06</b>	01.03.2021 Nurul Syakeena binti Hamul'allah Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 Ladang Infoternak Sungai Siput - JPNPK
<b>07</b>	01.03.2021 Vatsala a/p Maria Chelvam Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 PDT Perak Tengah - JPNPK	<b>08</b>	01.03.2021 Norshakirah binti Ahmad Shukri Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 PDT Manjung - JPNPK	<b>09</b>	22.03.2021 Noraini binti Shukaisi Pembantu Tadbir (Kew) Gred W26 JPNPK - PKN
<b>10</b>	01.04.2021 Wassa'adah binti Abu Bakar Pembantu Tadbir (Kew) Gred W26 (KUP) PDT Sungai Siput - JPNPK	<b>11</b>	15.04.2021 Punitha a/p Sivaraji Pegawai Undang-Undang Gred L44 JPNPK - Mahkamah Sibu	<b>12</b>	17.05.2021 Shamshul Huda bin Hadirun @ Yahya Pembantu Tadbir (Kew) Gred W22 (KUP) JPNPK- PTG Perak
<b>13</b>	17.05.2021 Salmah binti Samsudin Penolong Aktauntan Gred W29 (KUP) PDT Kuala Kangsar - JPNPK	<b>14</b>	21.06.2021 Mohamad Pilus bin Mohamad Yunus Penolong Jurutera Gred JA36 JPNPK - JPS HQ	<b>15</b>	21.06.2021 Mior Hirzan Yusoff bin Mior Ismail Penolong Jurutera Gred JA36 JKR Daerah Kinta - JPNPK
<b>16</b>	01.09.2021 Zaitul Bahti binti Abdul Rahman Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 PTG Perak - JPNPK	<b>17</b>	01.09.2021 Nurul Fatinah Auni binti Ramli Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 SUK Perak - JPNPK	<b>18</b>	15.09.2021 Amar Hasrizal bin Samsudin Pemelihara Hutan Gred G41 JPSM - JPNPK
<b>19</b>	15.09.2021 Sareeka a/p Balakrishnan Pegawai Undang-undang Gred L41 JPNPK	<b>20</b>	01.10.2021 Nor Baharuddin bin Zahir Pembantu Operasi Gred N11 PDT Sungai Siput - JPNPK	<b>21</b>	01.10.2021 Ridhwan bin Sulaiman Pembantu Operasi Gred N11 (Contract Of Service) JPNPK
<b>22</b>	15.09.2021 Nabilah Fasha binti Satar Penolong Aktauntan Gred W29 KUP PDT Muallim - JPNPK	<b>23</b>	15.10.2021 Noor Haziqah binti Hamdan Penolong Aktauntan Gred W29 KUP PDT Batang Padang - JPNPK	<b>24</b>	01.10.2021 Mohd Khairul Amilin bin Mohd Zanzali Permandu Kenderaan Gred H11 SUK Perak - JPNPK

## SENARAI PERTUKARAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN ( DAERAH )

<b>01</b>	18.01.2021 Yuvaneswary a/p Balan Pelukis Pelan Gred JA19 PHD Kuala Kangsar - JPS Daerah Kuala Kangsar	<b>02</b>	01.03.2021 Raimee bin Mohd Hashim Pemandu Kenderaan Gred H11 PHD Larut dan Matang - JKR Taiping	<b>03</b>	01.03.2021 Azimin bin Ahmad Zini Pembantu Awam Gred H11 PHD Larut dan Matang - JPS LMS
<b>04</b>	01.03.2021 Amir Noor Affandy bin R Zairuddin Pembantu Awam Gred H11 PHD Larut dan Matang - JPS LMS	<b>05</b>	01.03.2021 Nazri bin Jainam Ahbudin Pembantu Awam Gred H11 PHD Larut dan Matang - JPS LMS	<b>06</b>	01.03.2021 Idris bin Awang Pembantu Awam Gred H11 PHD Larut dan Matang - JPS LMS
<b>07</b>	01.03.2021 Ashaari bin Sukri Pembantu Awam Gred H11 PHD Larut dan Matang - JPS LMS	<b>08</b>	01.03.2021 Mohd Rohaidi bin Ghazali Pembantu Awam Gred H11 PHD Larut dan Matang - PDT Kinta, Batu Gajah	<b>09</b>	01.03.2021 Mohd Fudhaili bin Mohd Khadri Pembantu Awam Gred H11 PHD Larut dan Matang - JPS Kuala Kangsar
<b>10</b>	01.03.2021 Muhammad Faiz bin Abdul Rahim Pembantu Awam Gred H11 PHD Larut dan Matang - JKR Ipoh	<b>11</b>	15.07.2021 Wan Azliyah binti Ahmad Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 PHD Larut dan Matang - PDTLMS	<b>12</b>	15.07.2021 Rizwani binti Hawari Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 JPS Larut Matang - PHD Larut dan Matang
<b>13</b>	17.05.2021 Ahmad Fauzi bin Zainal Abidin Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 PHD Kinta/Manjung - PDT Hilir Perak	<b>14</b>	02.08.2021 Nurul Nadia binti Mohamad Abadi Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 PHD Kinta/Manjung - Unit Audit Dalam, Pejabat SUK Perak	<b>15</b>	01.11.2021 Mohd Azmi bin Dahalan Pemandu Kenderaan Gred H11 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak - PHD Kinta/Manjung
<b>16</b>	01.11.2021 Mohd Fakhri bin Mohd Amin Pemandu Kenderaan Gred H11 Jabatan Agama Islam Negeri Perak - PHD Kuala Kangsar	<b>17</b>	01.11.2021 Mohamad Hafiz bin Sha'ari Pemandu Kenderaan Gred H11 (Contract Of Service) PHD Perak Selatan	<b>18</b>	01.12.2021 Siti Syafiqah binti Yusof Pemelihara Hutan Gred G44 PHD Kinta/Manjung - PHD Selangor Tengah
<b>19</b>	01.01.2021 Khairul Nizam bin Mohamed Pemelihara Hutan Gred G44 (Memangku) PHD Selangor Tengah - PHD Kinta Manjung				

## SENARAI KAKITANGAN BERSARA

<b>01</b>	02.01.2021	WAJIB	<b>02</b>	13.01.2021	WAJIB	<b>03</b>	27.01.2021	WAJIB
	Azizah binti Mohamad Nor Pembantu Tadbir (P/O) N22 (KUP) Pejabat Hutan Daerah Larut & Matang			Samsuddin bin Yusop Pengawas Hutan G22 (M) Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan			Azhar bin Ahmad Jidin Pemandu Kenderaan HTI Pejabat Hutan Daerah Kinta/Manjung	
<b>04</b>	01.02.2021	PILIHAN SENDIRI	<b>05</b>	03.02.2021	WAJIB	<b>06</b>	12.03.2021	WAJIB
	Maznah binti Mohamed Noor Pembantu Tadbir (P/O) N22 (KUP) Pejabat Hutan Daerah Larut & Matang			Mior Zanal Idris bin Abdul Rashid Pengawas Hutan G19 Pejabat Hutan Daerah Larut & Matang			Reginamary a/p Singarayar Pembantu Tadbir (Kew) W22 (KUP) Bahagian Khidmat Pengurusan	
<b>07</b>	01.04.2021	WAJIB	<b>08</b>	01.04.2021	PILIHAN SENDIRI	<b>09</b>	01.04.2021	PILIHAN SENDIRI
	Shahrun bin Murad Penolong Pemelihara Hutan/Renjer Hutan G29 Seksyen Pengukuasaan Hutan			Abdul Rahman bin Abd Wahab Pengawas Hutan G22 (M) Pejabat Hutan Daerah Larut & Matang			Zulkapli bin Zainuddin Pengawas Hutan G19 Pejabat Hutan Daerah Larut & Matang	
<b>10</b>	02.04.2021	WAJIB	<b>11</b>	11.04.2021	PILIHAN SENDIRI	<b>12</b>	14.04.2021	WAJIB
	Kamaluddin bin Harun Pengawas Hutan G19 Pejabat Hutan daerah Hulu Perak			Kangadaran a/l Muniandy Pemandu Kenderaan HTI Pejabat Hutan Daerah Kinta/Manjung			Mohd Zamrey bin Hashim Pembantu Awam HTI Pejabat Hutan Daerah Larut & Matang	
<b>13</b>	15.05.2021	WAJIB	<b>14</b>	18.05.2021	WAJIB	<b>15</b>	10.06.2021	WAJIB
	Hairudin bin Abdul Hadi Penolong Pemelihara Hutan/Renjer Hutan G29 Pejabat Hutan Daerah Larut & Matang			Jamaluddin bin Ahmad Pembantu Operasi NII Pejabat Hutan Daerah Larut & Matang			Noraini binti Shukaisi Pembantu Tadbir (Kew) W26 Bahagian Khidmat Pengurusan	
<b>16</b>	14.08.2021	WAJIB	<b>17</b>	07.09.2021	WAJIB	<b>18</b>	01.11.2021	PILIHAN SENDIRI
	Abu Bakar bin Arshad Pengawas Hutan G19 Pejabat Hutan Daerah Larut & Matang			Hamizah binti Abd Hamid Pembantu Tadbir (P/O) N22 (KUP) Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan			Pairroos Hayati binti Mat Yunus Pembantu Tadbir (P/O) N22 (KUP) Bahagian Khidmat Pengurusan	
<b>19</b>	01.12.2021	PILIHAN SENDIRI	<b>20</b>	14.12.2021	PILIHAN SENDIRI			
	Salim bin Asmal Baderi Pemandu Kenderaan HTI Pejabat Hutan Daerah Larut & Matang			Mohd Nasir bin Mat Saman Pembantu Awam HTI Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan				

## SENARAI PENERIMA ANUGERAH PINGAT DAN BINTANG KEBESARAN

**05.11.2021**

**Dato' Mohamed Zin bin Yusop**

Anugerah : Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P)  
Penganugerahan : DYMM Paduka Seri Sultan Perak

## SENARAI NAMA PEGAWAI YANG DINAIKKAN PANGKAT

<b>01</b>	16.09.2021	Huda Husna binti Mohd Amin Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (KUP)	<b>02</b>	17.08.2021	Sanadi bin Haris Pengawas Hutan Gred G22	<b>03</b>	17.08.2021	Azharuddin bin Razali Pengawas Hutan Gred G22
<b>04</b>	17.08.2021	Mohamad Azaha bin Md Zin Pengawas Hutan Gred G22	<b>05</b>	15.07.2021	Rizwani binti Hawari Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22	<b>06</b>	01.11.2021	Mohamad Fadzli bin Mat Nuri Pengawas Hutan Gred G22

## DIREKTORI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK 2021

Nota : Semua email pegawai-pegawai kanan adalah termasuk di dalam  
email group “peg\_kanan\_perak@forestry.gov.my”

BIL	NAMA	JAWATAN	EMAIL (@forestry.gov.my)	NO.TEL / EXT
01.	Dato' Mohamed Zin bin Yusop	Pengarah Perhutanan Negeri	mzin	201
02.	Hj. Ramli bin Mat	Timbalan Pengarah (Operasi)	ramli	203
03.	Siti Dessyma binti Isnani	Timbalan Pengarah (Pembangunan)	dessyma	202
04.	Muhamad Uzir bin Mohd Tahir	Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Khimat Pengurusan & Sumber Manusia)	uzir	218
05.	Nor Lokman bin Muhamad Nor @ Fakru	Ketua Penolong Pengarah (Perancangan dan Pengurusan Hutan)	lokman	510
06.	Amsari bin Mahmud	Ketua Penolong Pengarah (Penguatkuasaan)	iamsari	417
07.	'Azmi bin Mohd Zain	Ketua Penolong Pengarah (Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi)	azmizain	310
08.	Sareeka a/p Balakrishnan	Pegawai Undang - Undang	sareeka	419
09.	Hanita binti Alang Ismail	Penolong Pengarah (Bahagian Khimat Pengurusan dan Sumber Manusia)	hanita	101
10.	Halimatul Saadiah binti Muhammad Daud	Penolong Pengarah (Penguatkuasaan (Siasatan))	halimatul	410
11.	Ngu Mooi Yean	Penolong Pengarah (Ladang Hutan dan Inovasi)	mooiyeen	420
12.	Azqan Dalila binti Ahmad	Penolong Pengarah (Perindustrian dan Pengusahaan)	lazqandalila	330
13.	Harman bin Baharudin	Penolong Pengarah (Penguatkuasaan (Operasi))	harman	412
14.	Norlida binti Kamil	Penolong Pengarah (Perancangan & Pengurusan Hutan)	norlida	513
15.	Safiah Aimi binti Md Isa	Penolong Pengarah (Hutan Lipur & Eko Pelancongan)	safiah	120
16.	Kosong	Penolong Pengarah (Hasil Bukan Kayu dan Latihan)	kosong	400
17.	Mior Hizran Yusoff bin Mior Ismail	Penolong Jurutera Kanan	miorhizran	300
18.	Samsudin bin Abas	Penolong Pegawai (Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi Hutan)	samsudin	311
19.	Roshda binti Udzir	Penolong Pegawai Undang-Undang	roshda	418
20.	Murni binti Samsuddin	Penolong Pegawai (Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi Hutan)	murni	312
21.	Nurmaliza binti Mohammad Azmi	Penolong Jurutera	nurmaliza	301
22.	Rozana binti Baharuddin	Penolong Jurutera	rozana	305
23.	Iwan Mohamad Faizal bin Hamidi	Penolong Jurutera	iwan	305
24.	Mohd Risham bin Abdul Rahim	Penolong Jurutera (Mekanikal)	risham	304
25.	Jastiny Aima binti Jamaluddin	Penolong Jurutera	jastiny	305
26.	Haslina Zarina binti Hassan	Setiausaha Pejabat	haslina	200

27.	Loo Hon Thung	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	thung	222
28.	Zan Nur Aini binti Zainal	Penolong Pegawai Tadbir	aini	214
29.	Hanani binti Abdul Rahman	Penolong Akauntan	hanani	111
30.	Surayati binti Mohd Azhari	Penolong Pegawai (Ladang Hutan dan Inovasi)	surayati	455
31.	Noripah binti Khalid	Penolong Pegawai (Ladang Hutan dan Inovasi)	noripah	512
32.	Baizueliza binti Bostamam	Penolong Pegawai (Perindustrian dan Pengusahaan)	baizueliza	331
33.	Nur Mashitah binti Khairudin	Penolong Pegawai (Perindustrian)	mashitah	337
34.	Shuhada binti Sariban	Penolong Pegawai (Hasil Bukan Kayu dan Latihan)	shuhada	401
35.	Tinarossima binti Badiuzzaman	Penolong Pegawai (Hasil Bukan Kayu dan Latihan)	tinarossima	404
36.	Siti Aisyah binti Yaacob	Penolong Pegawai (Hutan Lipur dan Eko Pelancongan)	aisyah	7122
37.	Nurul Ain binti Saharuddin	Penolong Pegawai (Perancangan dan Pengurusan Hutan)	ain	323
38.	Insan Nur Kamil bin Idris	Penolong Pegawai (Perancangan dan Pengurusan Hutan) GIS	insan	328
39.	Zianharyati binti Mohamed Yunus	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	zianharyati	220
40.	Mohamad Syazmel bin Abd Rashid	Penolong Pegawai Penguatkuasaan (Siasatan)	syazmel	411
41.	Mohamad Shahrul Fahmi bin Mohd Izhar	Penolong Pegawai Penguatkuasaan (Operasi)	shahrulfahmi	416
42.	Mohd Fekri bin Zulkafli	Penolong Pegawai Penguatkuasaan (Operasi)	fekri	423
43.	Nur A'in binti Chek Mustafa	Penolong Pegawai Penguatkuasaan (Siasatan)	nurain	416
44.	Muhammad Farhan Najmi bin Mohd Ibrahim	Penolong Pegawai Penguatkuasaan (Siasatan)	farhannajmi	416

## PEJABAT HUTAN DAERAH

BIL	NAMA	JAWATAN	EMAIL (@forestry.gov.my)	NO.TEL / EXT
45.	Azrul Ekhuan bin Eliah	Pegawai Hutan Daerah (Hulu Perak)	azrul	
46.	Muhammad Shahrul Anuar bin Hasaini	Penolong Pegawai Hutan Daerah (Hulu Perak)	shahrulanuar	05-791 2384
47.	Siti Syafiqah binti Yusof	Pegawai Hutan Daerah (Kinta/Manjung)	syafiqah	05-366 1228
48.	Khairulrizal bin Abu Kassim	Penolong Pegawai Hutan Daerah (Kinta/Manjung)	khairulrizal	
49.	Mohd Hafiz bin Samsudin	Pegawai Hutan Daerah (Kuala Kangsar)	hafizs	
50.	Khairullah bin Abd. Latif	Penolong Pegawai Hutan Daerah (Kuala Kangsar)	khairullah	05-776 1089
51.	Khairil bin Sarip	Pegawai Hutan Daerah (Larut dan Matang)	khairil	
52.	Hamzah bin Mohd Isa	Penolong Pegawai Hutan Daerah (Larut dan Matang) (Laut)	hamzah	05-807 2762
53.	Kadri bin Shaari	Penolong Pegawai Hutan Daerah (Larut dan Matang) (Darat)	kadri	
54.	Khairul Na'im bin Ya'akub	Pegawai Hutan Daerah (Perak Selatan)	khairulnaim	05-401 1216
55.	Mis Maizura binti Amat Kaulan	Penolong Pegawai Hutan Daerah (Perak Selatan)	mismaizura	

## DIREKTORI JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

### **JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**

Persiaran Meru Utama,  
Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh  
Tel. : 05 528 8100 / 05 528 8071  
Faks. : 05-5288 101

**01**

### **PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK**

33300 Gerik  
Tel. : 05-7912 384  
Faks. : 05-7913 797



**Pejabat Renjer Hutan Pengkalan Hulu,**  
33100 Pengkalan Hulu  
Tel. : 05-4778 487



**Pejabat Renjer Hutan Gerik 1,**  
33600 Gerik  
Tel. : 05-7910 814



**Pejabat Renjer Hutan Gerik 2,**  
33320 Bandarlang  
Tel. : 05-7915 180



**Pejabat Renjer Hutan Lenggong,**  
33400 Lenggong  
Tel. : 05-7677 208



**Pejabat Renjer Hutan Lawin,**  
33410 Lawin  
Tel. : 05-7911 325

**02**

### **PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA/MANJUNG**

31000 Batu Gajah  
Tel. : 05-3661 228  
Faks. : 05-3651 679



**Pejabat Renjer Hutan Batu Gajah (U),**  
31700 Batu Gajah



**Pejabat Renjer Hutan Batu Gajah (S),**  
31000 Batu Gajah



**Pejabat Renjer Hutan Beruas,**  
32700 Brrias

**04**

### **PEJABAT HUTAN DAERAH**

**LARUT & MATANG,**  
34000 Taiping  
Tel. : 05-8072 762  
Faks. : 05-8067 743



**Pejabat Renjer Hutan Taiping,**  
34000 Taiping  
Tel. : 05-8072 762



**Pejabat Renjer Hutan Kuala Sepetang,**  
34650 Kuala Sepetang  
Tel. : 05-8581 762



**Pejabat Renjer Hutan Sungai Kerang,**  
34800 Trong  
Tel. : 05-8544 066



**Pejabat Renjer Hutan Sungai Sega,**  
34350 Sungai Segah  
Tel. : 05-8801 337



**Pejabat Renjer Hutan Kuala Trong,**  
34800 Kuala Trong  
Tel. : 05-8579 466

**03**

### **PEJABAT HUTAN DAERAH**

**KUALA KANGSAR,**  
33000 Kuala Kangsar  
Tel. : 05-7761 089  
Faks. : 05-7766 722



**Pejabat Renjer Hutan Manong,**  
33800 Manong  
Tel. : 05-7430 490



**Pejabat Renjer Hutan Kuala Kangsar,**  
33000 Kuala Kangsar  
Tel. : 05-7771 840



**Pejabat Renjer Sungai Siput,**  
31110 Sungai Siput (U)  
Tel. : 05-5973 049



**Pejabat Renjer Hutan Lasah,**  
31110 Lasah  
Tel. : 05-5911 919

**05**

### **PEJABAT HUTAN DAERAH**

**PERAK SELATAN,**  
35000 Tapah  
Tel. : 05-4011 216  
Faks. : 05-4015 331




**Pejabat Renjer Hutan Bidor,**  
35500 Bidor  
Tel. : 05-4340 189



**Pejabat Renjer Hutan Slim River,**  
35800 Slim River  
Tel. : 05-4529 080

## LOKASI JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK



### JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Persiaran Meru Utama,  
Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh

**SCAN ME**



**GOOGLE MAP**

- 05 - 528 8100 / 05 528 8071
- 05 - 5288 101
- webjpnperak@forestry.gov.my
- Hutan Perak
- @hutanperak
- @jabhutanperak

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Dato' Mohamed Zin bin Yusop

### PENASIHAT

Siti Dessyma binti Isnani

### PENGERUSI AHLI JAWATANKUASA

Nor Lokman bin Muhamad Nor @ Fakru

### SETIAUSAHA

Norbaizura binti Aris



### AHLI JAWATANKUASA

Norlida binti Kamil  
Donald Gabriel Guakin  
Roshda binti Udzir  
Mis Maizura binti Amat Kaulan  
Murni binti Samsuddin  
Muhammad Shahrul Anuar bin Hasaini  
Hamzah bin Mohd Isa  
Khairulrizal bin Abu Kassim  
Khairullah bin Abd Latiff  
Nurmaliza binti Mohammad Azmi  
Mohd Fakhri bin Mat Radzi  
Mohd Fauzi bin Mohd Hassan  
Loo Hon Thung  
Hanani binti Abdul Rahman  
Zan Nur Aini binti Zainal  
Tinarossima binti Badiauzzaman  
Siti Aisyah binti Yaacob  
Nur Mashitah binti Khairudin  
Siti Norjha binti Ahmad

# **SIDANG**

# **Redaksi**

## **LAPORAN TAHUNAN 2021**



| GALERI SULTAN AZLAN SHAH

### **BARISAN HADAPAN KIRI**

Siti Dessyma binti Isnani, Dato' Mohamed Zin bin Yusop, Nor Lokman bin Muhamad Nor @ Fakru

### **BARISAN TENGAH KIRI**

Zan Nur Aini binti Zainal, Norbaizura binti Aris, Mis Maizura binti Amat Kaulan, Nurmala binti Mohammad Azmi

### **BARISAN BELAKANG KIRI**

Mohd Fauzi bin Mohd Hassan, Siti Aisyah binti Yaacob, Roshda binti Udzir, Nur Mashitah binti Khairudin, Siti Norjiha binti Ahmad, Murni binti Samsuddin



# Sekalung Penghargaan dan Terima Kasih

Seluruh warga Jabatan Perhutanan Negeri Perak mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menghasilkan Buku Laporan

Tahunan 2021, Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

- |  |                                       |
|--|---------------------------------------|
| ● Majlis Bandaraya Ipoh                            | ● Menara Condong, Teluk Intan         |
| ● Railway Ipoh (KTM)                               | ● Kellie's Castle, Batu Gajah         |
| ● Muzium Perak                                     | ● Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar       |
| ● Galeri Sultan Azlan Shah                         | ● Old Colonel Court House, Batu Gajah |
| ● Arlene House, Ipoh                               | ● Galeri Arkeologi Lembah Lenggong    |
| ● Pejabat Daerah Dan Tanah Larut Matang dan Selama |                                       |





## JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Persiaran Meru Utama,  
Bandar Meru Jaya,  
30020 Ipoh, Perak



[www.perakforestry.gov.my](http://www.perakforestry.gov.my)

- 05 - 528 8100 / 05 528 8071
- 05 - 5288 101
- webjpnperak@forestry.gov.my
- Hutan Perak
- @hutanperak
- @jabhutanperak